KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

# LAPORAN TAHUNAN 2020




*Bersama Mengharungi Cabaran*




LAPORAN TAHUNAN

# 2020

## KONSEP MUKA HADAPAN

Konsep muka hadapan dengan tema "Bersama Mengharungi Cabaran" menerangkan tentang ketabahan dan semangat kerjasama berpasukan warga kerja SSM untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam situasi semasa yang penuh dengan cabaran sepanjang tahun 2020.

**MENARA SSM@SENTRAL**
NO. 7, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50623 KUALA LUMPUR

**Tel:** +603 7721 4000
**Faks:** +603 2299 4411
**E-mel:** enquiry@ssm.com.my
**Laman Sesawang:** www.ssm.com.my
**Media Sosial:**

# ISI KANDUNGAN

**4-5**
Perutusan YB Menteri

**6-7**
Prakata Pengerusi

**8-11**
Ulasan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif

**12-17**
Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia

**19-22**
Pengurusan Eksekutif

**26-123**
**Laporan Pengurusan**

- Penyampaian Perkhidmatan
- Inisiatif Penguatkuasaan
- Inisiatif Pembaharuan Undang-Undang
- Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan
- Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan
- Sorotan Media

**124-133**
Pernyataan Kawalan Dalaman

**134-176**
Penyata Kewangan

**177-180**
Direktori SSM

# PERNYATAAN VISI

**Untuk Menjadi
Pendaftar dan Pengawal Selia
Korporat Terulung**

# TERAS STRATEGIK

**01** Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses

**02** Menggunakan Platform Teknologi Agil

**03** Memupuk Budaya Kerja Cemerlang

**04** Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Boleh Dipercayai

**05** Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

# NILAI-NILAI KORPORAT

### KOLABORASI
Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan di dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi di kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.

### UTAMAKAN PELANGGAN
Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat berikhtiar untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat.

### NOBATKAN ILMU
Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.

### CEMERLANG
Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melangkauinya. Kami bersikap tegar dalam memajukan kualiti, dari segi keberkesanan dan produktiviti di dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.

### INTEGRITI
Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap bidang tugas.

# 11 INISIATIF SSM TAHUN 2020 UNTUK MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN DAN KORPORAT

1. Memperkenalkan tempoh moratorium 30 hari serah simpan dokumen SSM bermula 18 Mac 2020 hingga 30 September 2020 dan dikecualikan fi lewat serah simpan

2. Memberikan pengecualian fi lewat serah simpan bagi dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 berikutan arahan Kerajaan melaksanakan PKPB dan PKPD di beberapa kawasan mulai 9 November 2020 hingga 31 Disember 2020

3. Melanjutkan masa 3 bulan serah simpan Penyata Kewangan kepada SSM dan pematuhan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). Pengecualian fi sebanyak RM100 bagi kedua-dua transaksi

4. Menaikkan nilai ambang keterhutangan daripada RM10,000 ke RM50,000 dan memberikan tempoh 6 bulan untuk menjawab notis tuntutan

5. Memberi pengecualian kepada Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) yang telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk membuat kutipan sumbangan berkaitan pandemik COVID-19 sehingga 31 Disember 2020

6. Melanjutkan tempoh masa bagi mematuhi keperluan mata CPE bagi pematuhan seksyen 241 AS 2016 sehingga 31 Disember 2020

7. Memberikan kadar pengurangan kompaun maksimum 90% terhadap kompaun di bawah AS 1965 dan AS 2016 sehingga 30 Jun 2020

8. Memberi pengecualian kompaun kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan dalam tempoh PKP iaitu dari 17 Mac hingga 31 Disember 2020

9. Memberikan kadar pengurangan kompaun maksimum 90% terhadap kompaun di bawah AS 1965 dan AS 2016 bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549 / 550 AS 2016 bermula 17 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2020

10. Memberikan pengecualian kompaun bagi kegagalan serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016 untuk tahun takwim 2020 bermula pada 9 November 2020 hingga 31 Disember 2020

11. SSM BizTrust diberikan secara percuma kepada para peniaga sehingga 31 Disember 2021

# PERUTUSAN YB MENTERI

**Salam Sejahtera.**

Saya amat berbesar hati untuk memperkenalkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2020.

Pada tahun 2020, saya telah diberi mandat dan tanggungjawab oleh YAB Perdana Menteri, untuk menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Fokus utama saya sebagai Menteri PDNHEP adalah untuk memastikan sektor perdagangan domestik di Malaysia digerakkan secara optimum dan melalui transformasi dalam memastikan perdagangan domestik berdaya saing, progresif dan mampan dalam jangka masa yang panjang.

Tahun 2020 adalah tahun yang sangat mencabar bagi semua pihak terutamanya kepada pihak Kerajaan, perniagaan, komuniti dan kita semua sebagai individu. Tekanan emosi, mental dan ekonomi akibat pandemik COVID-19 serta sekatan-sekatan yang berkaitan bagi membendung pandemik ini memberi kesan yang sangat mendalam.

KPDNHEP serta agensi di bawahnya memikul tanggungjawab yang besar dalam merangsang ekonomi domestik pada waktu mencabar ini. Pegawai-pegawai di Kementerian saya serta agensi-agensi di bawahnya telah bertungkus lumus berkhidmat untuk memastikan ekonomi domestik kekal berdaya saing. Keutamaan telah diberikan kepada penambahbaikan terhadap pelbagai SOP serta proses kerja bagi memastikan aktiviti perniagaan dapat diteruskan dan berjalan lancar dalam tempoh pelaksanaan pelbagai sekatan pergerakan bagi membendung virus COVID-19 ini.

KPDNHEP melalui SSM juga telah mengambil pelbagai tindakan proaktif dengan memperkenalkan 11 inisiatif dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan mengurangkan impak yang dihadapi oleh sektor korporat dan ekonomi negara akibat pandemik COVID-19.

Bagi melaksanakan 11 inisiatif tersebut, saya mendapati SSM telah mengeluarkan pelbagai kenyataan akhbar dan notis, soalan lazim (FAQ), Garis Panduan, Arahan Amalan (PD) seperti prosedur memfailkan dokumen berkanun semasa PKP, Lanjutan Masa (EOT) bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM), Arahan Amalan 6/2020 mengenai Lanjutan Masa




**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**
**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Serah Simpan Penyata Kewangan dan mengenai Kenaikan Nilai Keterhutangan daripada RM10,000 kepada RM50,000 sehingga 31 Disember 2020. Soalan lazim dan Arahan Amalan yang dikeluarkan adalah untuk membantu orang ramai yang mengalami masalah seperti mobiliti terhad akibat pandemik dan PKP. Tindakan pantas yang diambil oleh SSM untuk mengeluarkan Soalan Lazim, Garis Panduan dan Arahan Amalan dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang kekeliruan atau ketidakpastian.

Sebagai tambahan kepada 11 inisiatif tersebut, SSM juga terlibat dalam menjayakan projek MalaysiaBiz yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di bawah projek Pelaksanaan Pelan Induk PKS Negara 2012-2020. Projek MalaysiaBiz adalah salah satu *High Impact Project* (HIP-1) yang dilaksanakan untuk

memudahkan pendaftaran perniagaan dan juga permohonan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia.

Penglibatan SSM dalam Projek MalaysiaBiz adalah sangat penting di mana ia memudahkan komuniti perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan dan mendapatkan lesen-lesen yang diperlukan bagi memulakan operasi perniagaan melalui satu portal setempat *(one-stop-center)* yang dapat menjimatkan masa dan kos. Melalui projek ini juga, SSM telah melaksanakan pengenalan format baharu iaitu 12 digit nombor pendaftaran untuk entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM bagi menggantikan nombor pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad sedia ada. Pengenalan format baharu ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk menggunakan format pendaftaran tunggal bagi entiti-entiti perniagaan di Malaysia.

Saya berbesar hati memaklumkan bahawa SSM telah bertindak pantas dengan menyediakan perkhidmatan dalam talian kepada orang ramai semasa tempoh '*total lockdown'* dan beberapa fasa perintah kawalan di mana SSM masih menyediakan platform dialog kepada pihak berkepentingan walaupun dalam keadaan semasa yang mencabar pada tahun 2020. SSM telah mengadakan dua (2) Dialog Tahunan iaitu di Pulau Pinang dan Johor. Pelaksanaan Dialog ini dapat menyediakan ruang kepada pengamal bagi membangkitkan isu yang berkaitan dengan pendaftaran, pembekalan maklumat, pematuhan dan isu penguatkuasaan untuk dibincangkan dan dijawab oleh SSM. Dengan penguatkuasaan PKP, SSM terpaksa membatalkan semua program latihan secara fizikal di seluruh negara yang dianjurkan oleh COMTRAC. SSM berpandangan bahawa pilihan terbaik dalam meneruskan penyediaan program latihan kepada pihak berkepentingan adalah dengan menukar seminar fizikal kepada webinar secara berperingkat. Webinar ini dijalankan menggunakan platform dalam talian yang sedia ada dan SSM juga menyediakan platform pembayaran yang membolehkan orang ramai mendaftar dan membayar yuran latihan secara dalam talian di e-COMTRAC di mana ia melambangkan komitmen penguatkuasaan seimbang SSM yang berterusan kepada pihak berkepentingan dan orang ramai.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah atas pencapaian SSM dalam pelaksanaan program #JOMDAFTAR SSM 2020 yang telah berjaya merekodkan 2,705 pendaftaran perniagaan baharu dalam tempoh 1 hari. Oleh kerana secara purata rekod harian pendaftaran perniagaan baharu di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,100 pendaftaran, pencapaian ini telah diiktiraf oleh *Malaysian Book of Records* (MBR) kerana berjaya mencipta rekod pendaftaran perniagaan terbanyak dalam sehari.

Melalui penganjuran program-program seperti ini, SSM dapat menyampaikan mesej untuk menggalakkan orang ramai mendaftar perniagaan dan menceburi bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang. Dengan mendaftarkan perniagaan di SSM, pemilik perniagaan dapat memberi keyakinan kepada para pelanggan untuk berurusan dengan perniagaan mereka di samping berpeluang mengembangkan potensi perniagaan yang dijalankan. Selain itu, memiliki sebuah perniagaan yang sah adalah sangat penting bagi para usahawan mendapatkan akses kepada pelbagai bantuan seperti pembiayaan, latihan kemahiran, bimbingan pengurusan kewangan dan lain-lain bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Pelaksanaan beberapa inisiatif yang saya nyatakan di atas hanyalah sebahagian daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan SSM pada tahun 2020 seperti yang dibentangkan di dalam Laporan Tahunan SSM bagi tahun 2020 ini. Saya berharap, para pembaca akan dapat manfaat melalui maklumat-maklumat yang dinyatakan di dalam penerbitan ini. Saya percaya SSM akan terus melangkah ke hadapan untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi pada tahun akan datang dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global.

Akhir sekali, saya percaya SSM di bawah seliaan dan bimbingan Anggota Suruhanjaya SSM dan Pengurusan Eksekutif bersama sokongan penuh warga kerja akan dapat mengharungi cabaran yang mendatang. Secara peribadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada warga kerja SSM di atas dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam masa yang sukar ini. Mereka teguh bersama-sama dengan Pengurusan Eksekutif SSM dalam memastikan perkhidmatan kepada para pelanggan dapat disampaikan dengan cemerlang dan lancar sepanjang tempoh pandemik ini.

Saya yakin SSM akan terus berkembang menjadi pengawal selia dan pendaftar korporat yang lebih kukuh serta komited untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi memastikan tadbir urus korporat syarikat di Malaysia diperkukuh dan seterusnya memberikan keyakinan kepada pelabur asing untuk menjadikan Malaysia destinasi utama untuk menjalankan perniagaan.

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

# PRAKATA PENGERUSI

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.**

Penularan pandemik telah membuka mata banyak pihak terutamanya komuniti korporat dan perniagaan untuk beralih kepada pendekatan dalam talian dan memanfaatkan perniagaan digital. SSM sebagai Pendaftar dan Pengawalselia entiti perniagaan dan korporat memainkan peranan yang amat penting sebagai pemudahcara dalam memastikan kelangsungan persekitaran perniagaan yang mencabar pada masa sekarang. Portal EzBiz online, MyCoID dan MyLLP yang disediakan oleh SSM telah banyak memudahkan transaksi dalam talian semasa negara kita melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun ini dan diharapkan pendigitalan perkhidmatan awam sepertimana yang digambarkan oleh usaha SSM akan terus maju selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Malaysia.

Dalam mendepani pandemik COVID-19 yang telah memberi impak kepada sektor korporat dan perniagaan, saya memuji usaha SSM dalam penerbitan dua (2) Dokumen Konsultasi mengenai Cadangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2020 dan Dokumen Konsultasi mengenai Cadangan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2020 bagi memudahkan syarikat dan perkongsian liabiliti terhad yang terjejas untuk terus bertahan.

Saya telah dimaklumkan bahawa proses Konsultasi awam mengenai dokumen ini berjalan dengan lancar walaupun terdapat halangan akibat pandemik dan PKP yang dikenakan sepanjang tahun 2020 dengan maklum balas baik diterima daripada pihak berkuasa lain, badan profesional dan orang ramai. Dokumen Konsultasi pertama berkaitan pengenalan dasar-dasar baharu untuk menambah baik peruntukan sedia ada yang berkaitan dengan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi telah diedarkan untuk ulasan kepada pihak berkepentingan yang disasarkan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, badan profesional dan institusi kewangan dari 2 Jun 2020 hingga 1 Julai 2020. Ini diikuti dengan Konsultasi awam berkenaan cadangan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) yang telah diedarkan kepada orang ramai dari 28 Julai 2020 hingga 26 Ogos 2020. Sebagai tambahan kepada penambahbaikan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi, draf Rang Undang-Undang ini juga mengandungi cadangan untuk menambah baik Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial untuk *legal persons* di Malaysia. Oleh kerana cadangan pindaan kepada Akta Syarikat dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad akan memberi impak yang besar kepada komuniti korporat, di samping Konsultasi awam, SSM juga telah mengadakan rundingan meja bulat seperti berikut:



**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
**Pengerusi**
**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

(a) pada 19 Jun 2020 dan 29 September 2020 dengan badan profesional dan intermediari korporat; dan

(b) pada 21 Ogos 2020 dengan institusi kewangan.

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menambah baik kerangka undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan pemulihan syarikat termasuk mekanisme penyelamat korporat dan skim perkiraan atau kompromi. SSM juga sedang menyediakan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) yang antara lain bertujuan untuk memperkenalkan kerangka mekanisme penyelamat korporat bagi perkongsian liabiliti terhad.

Selain itu, SSM akan memperkenalkan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar yang akan memberi kelebihan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memanfaatkan harta alih sebagai cagaran serta meningkatkan akses mereka terhadap pembiayaan dan modal perniagaan. SSM juga telah memperkenalkan garis panduan berkenaan kerangka pelaporan pemunya benefisial yang telah dilaksanakan berkuatkuasa 1 Mac 2020. Pengenalan garis panduan ini adalah untuk memupuk ketelusan korporat dalam sektor perniagaan di Malaysia.

SSM sentiasa menggalakkan masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan yang secara langsung akan membantu meringankan beban golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Sehubungan itu, SSM telah melancarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan memperluaskan insentif di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) kepada golongan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 berkuatkuasa pada 22 Disember 2020. Inisiatif ini membolehkan golongan usahawan belia, ibu tunggal dalam kumpulan B40 serta pelajar sepenuh masa di IPTA, IPTS, Politeknik, Kolej, Institut Kemahiran dan Pusat Kemahiran di dalam negara untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tanpa dikenakan fi bagi pendaftaran perniagaan baharu. Ini selaras dengan dasar inklusiviti dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup kumpulan B40 kepada kumpulan kelas pertengahan terutamanya dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Peranan SSM sebagai pengawal selia korporat tidak terhad di peringkat nasional sahaja. Sebagai pengawal selia korporat, mereka juga terlibat dalam pelbagai mesyuarat antarabangsa peringkat tinggi dan rundingan meja bulat seperti Dialog Polisi Memulakan Perniagaan di ASEAN dan Mesyuarat Pasukan Petugas ASEAN berkenaan Memulakan Perniagaan, Laporan Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia, isu-isu berkaitan Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF), Forum Pendaftar Korporat (CRF) dan lain-lain. Penyertaan SSM semasa mesyuarat dan forum global ini membolehkan SSM berkongsi pengalamannya serta belajar daripada badan Pendaftar yang lain dan memastikan kerangka pengawalseliaan korporat di Malaysia adalah setanding dengan piawaian dan keperluan antarabangsa serta memastikan kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia adalah lancar dengan proses kerja yang minimum.

Saya berharap SSM sebagai pengawal selia sektor korporat dan perniagaan akan terus mengekalkan momentum ini dalam amalan penguatkuasaan seimbang dan pada masa yang sama cakna serta prihatin terhadap keperluan pemegang taruh SSM. Hal ini penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan pembangunan mampan seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia ke-11.

Saya percaya SSM akan terus mengorak langkah ke hadapan untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi pada tahun 2021 dalam ketidaktentuan ekonomi dunia. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pemegang taruh SSM, Anggota Suruhanjaya atas sokongan, pandangan, kerjasama dan kepada Pengurusan Eksekutif serta warga kerja SSM atas dedikasi berterusan sepanjang tahun 2020 yang mencabar ini. Semoga semangat kerjasama berpasukan ini akan diteruskan pada tahun-tahun mendatang.

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**
Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

# ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**YBRS. PUAN NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.**

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tahun 2020 yang merupakan tahun yang sangat mencabar bukan sahaja kepada SSM bahkan juga dilalui oleh seluruh masyarakat global. Pelantikan saya berkuatkuasa 1 Mei 2020 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berlangsung memerlukan pelbagai inisiatif dibangunkan bagi membantu sektor perniagaan dan korporat mengharungi cabaran dalam tempoh ini.

Tahun 2020 juga merupakan ulang tahun SSM ke-18 yang telah menunjukkan kemajuan dari segi kecekapan penyampaian perkhidmatan dalam ekosistem perniagaan digital, di mana jumlah pendaftaran entiti baharu yang baik telah direkodkan walaupun berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Pada tahun 2020, sebanyak 389,913 (2019: 362,600) perniagaan yang merangkumi 350,686 (2019: 320,357) perniagaan milikan tunggal dan 39,227 (2019: 42,243) perniagaan perkongsian telah didaftarkan daripada 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Manakala sebanyak 3,856 (2019: 3,943) perkongsian liabiliti terhad dan 43,998 (2019: 47,028) syarikat yang merangkumi 22 syarikat asing telah diperbadankan dalam tempoh yang sama. Statistik ini menyumbang kepada jumlah pendaftaran entiti perniagaan sehingga 31 Disember 2020 iaitu 8,064,300 perniagaan, 26,598 perkongsian liabiliti terhad dan 1,388,905 syarikat.

SSM juga telah melaksanakan beberapa inisiatif pembaharuan undang-undang dalam usaha berterusan untuk mewujudkan kerangka perundangan yang dinamik dan inovatif selaras dengan keperluan komuniti perniagaan di Malaysia di tahun yang mencabar ini. Pada 21 April 2020, YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah meluluskan pengeluaran arahan mengikut seksyen 466(1)(a) Akta Syarikat 2016 (AS 2016) iaitu menaikkan jumlah hutang sesebuah syarikat secara sementara kepada jumlah melebihi RM50,000. Arahan ini berkuatkuasa mulai 23 April 2020 hingga 31 Disember 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu meringankan beban komuniti korporat yang terkesan oleh pandemik COVID-19 dari dikenakan tindakan penggulungan akibat kegagalan membayar hutang berikutan nilai ambang keterhutangan asal adalah amat rendah iaitu RM10,000 sahaja.

Selain itu, YB Menteri juga telah mengeluarkan arahan mengikut seksyen 466(1)(a) AS 2016 di mana sesebuah syarikat dikecualikan daripada memberi maklum balas terhadap sebarang notis tuntutan dalam tempoh 21 hari selepas serahan notis tuntutan ke atas syarikat tersebut. Syarikat itu diberi tempoh yang lebih lama iaitu sehingga enam (6) bulan selepas serahan notis tuntutan ke atas syarikat itu untuk memberi maklum balas terhadap notis tuntuan. Kegagalan syarikat untuk menjawab dalam tempoh itu membolehkan pemiutang memfailkan petisyen untuk penggulungan syarikat. Perintah ini berkuatkuasa mulai 23 April 2020 sehingga 31 Disember 2020.

SSM juga mencadangkan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) yang bertujuan untuk menambah baik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi syarikat termasuk mekanisme penyelamat korporat dan skim perkiraan atau kompromi. RUU ini akan membolehkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan untuk terus berdaya saing

melalui cadangan pindaan bersifat fasilitatif yang antaranya adalah seperti berikut:

(a) Meluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat sedia ada iaitu perkiraan sukarela korporat (*corporate voluntary arrangement*) dan pengurusan kehakiman (*judicial management*) kepada lebih banyak kategori syarikat termasuk syarikat awam yang disenaraikan (*public listed company*);

(b) Menambah baik peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi (*scheme of arrangement*) dengan menyediakan prosedur yang lebih efisien bagi membolehkan syarikat mendapatkan perintah halangan daripada tindakan penggulungan atau perundangan oleh pemiutang;

(c) Memberikan kuasa kepada Mahkamah untuk meluluskan skim perkiraan atau kompromi dengan memastikan hak-hak pemiutang minoriti tidak diprejudis serta memberi kuasa kepada pemiutang untuk menghalang pelupusan harta semasa tempoh moratorium dalam skim perkiraan atau kompromi;

(d) Membolehkan syarikat yang telah memasuki skim perkiraan atau kompromi atau yang telah mendapat perintah pengurusan kehakiman mendapatkan pembiayaan penyelamat (*rescue financing*) serta memberikan perlindungan terhadap pembiaya tersebut; dan

(e) Menyediakan peruntukan yang melindungi pembekalan perkhidmatan atau barangan yang penting (*supply of essential goods and services*) kepada syarikat yang telah memasuki proses rehabilitasi.

Penambahbaikan ini adalah penting untuk membantu sektor korporat yang menghadapi masalah kewangan serta peranan SSM dalam menyokong inisiatif berterusan oleh Kerajaan untuk membantu komuniti perniagaan mengharungi kesusahan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

SSM juga mencadangkan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) (RUU PLT) untuk memperkenalkan kerangka mekanisme penyelamat korporat seperti yang sedia ada dalam AS 2016 untuk turut terpakai kepada PLT. SSM mengambil kira impak pandemik COVID-19 dan selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara, keperluan untuk menyediakan kerangka perundangan yang lebih komprehensif berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan rehabilitasi untuk semua jenis entiti perniagaan merupakan komponen penting untuk keseluruhan kerangka perundangan korporat negara.

Tanpa kerangka perundangan yang komprehensif, entiti perniagaan seperti syarikat dan PLT akan menghadapi risiko untuk diambil tindakan penggulungan sekiranya mereka berdepan dengan masalah kewangan walaupun perniagaan tersebut pada hakikatnya masih berdaya maju. Melalui pindaan yang dicadangkan, mana-mana PLT yang menghadapi masalah kewangan sementara boleh menggunakan mekanisme penyelamat korporat untuk memasuki pelan rehabilitasi dengan pemiutang mereka.

Pada tahun 2020, SSM juga telah mengeluarkan garis panduan di bawah seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta SSM 2001) mengenai kerangka pelaporan pemunya benefisial bagi syarikat dan perkongsian liabiliti terhad untuk memupuk budaya ketelusan korporat dalam komuniti perniagaan di Malaysia. Garis panduan mengenai kerangka pelaporan pemunya benefisial ini telah dilaksanakan berkuatkuasa pada 1 Mac 2020.

Maklumat pemunyaan benefisial adalah kritikal bagi memastikan entiti perniagaan di Malaysia tidak disalahgunakan untuk tujuan jenayah atau digunakan untuk melindungi aktiviti jenayah seperti pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan serta untuk mencegah aktiviti rasuah atau pengelakkan cukai. Kerangka pelaporan ini adalah selaras dengan perkembangan di peringkat antarabangsa dalam memerangi jenayah yang sama di seluruh dunia.

Pada tahun 2020, SSM juga meneruskan usaha penyediaan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar yang akan menyediakan peruntukan untuk memperkenalkan kerangka perundangan bagi kepentingan bercagar dan mewujudkan sebuah pendaftaran cagaran bersepadu di Malaysia. Pengenalan cadangan RUU ini akan menangani jurang utama bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memanfaatkan harta alih sebagai cagaran dan secara signifikan meningkatkan akses mereka terhadap pembiayaan kerana harta alih sama ada aset ketara atau tidak ketara sering menyumbang sebahagian besar modal perniagaan khasnya kepada PKS. Manfaat lain daripada cadangan RUU tersebut ialah:

(a) Meningkatkan akses kredit dan mengurangkan risiko terhadap kredit (mengurangkan kos dalam mendapatkan kredit) terutamanya bagi PKS;

(b) Meningkatkan kepelbagaian harta yang boleh diterima sebagai cagaran oleh institusi kewangan dengan lebih efisien; dan

(c) Memungkinkan aset tidak ketara digunakan sebagai cagaran (contoh: harta intelek).

Untuk memastikan pengenalan RUU ini berjalan lancar di Malaysia, beberapa siri perbincangan telah diadakan pada tahun 2020 dengan pelbagai Kementerian dan Agensi untuk memuktamadkan kenyataan polisi yang dicadangkan dan menangani pindaan berbangkit yang diperlukan berikutan pengenalan kerangka perundangan ini untuk Malaysia. RUU yang dicadangkan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen selepas draf dimuktamadkan.

Tahun 2020 juga telah melakar sejarah kepada SSM dengan pencapaian yang membanggakan iaitu penganjuran program #JOMDAFTARSSM2020 yang telah mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records.* Program ini telah diadakan pada 20 Februari 2020 di Menara SSM@Sentral bertujuan untuk mendaftarkan lebih ramai usahawan baharu dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). SSM juga ingin memupuk kesedaran kepada orang ramai berkenaan kepentingan mendaftar perniagaan mengikut undang-undang memandangkan pemilikan perniagaan yang sah akan membolehkan PKS menikmati manfaat dalam transaksi perniagaan serta pelbagai insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan. Inisiatif ini adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam membangunkan ekosistem perniagaan dan industri yang holistik di Malaysia.

Program #JOMDAFTARSSM2020 ini telah berjaya mencatatkan sebanyak 2,705 pendaftaran perniagaan baharu yang merupakan rekod tertinggi pernah dicatatkan oleh SSM dalam tempoh 1 hari dibandingkan dengan purata rekod harian pendaftaran baharu perniagaan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,100 pendaftaran. Rekod ini sekaligus melayakkan SSM memperoleh pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records.*

SSM juga telah melancarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan memperluaskan insentif di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) kepada golongan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 yang berkuatkuasa pada 22 Disember 2020. Pelancaran ini adalah lanjutan daripada pengumuman yang dibuat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi di sidang Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020. Inisiatif ini akan membolehkan golongan usahawan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 termasuk pelajar sepenuh masa (IPTA/IPTS, Politeknik, Kolej, Institut Kemahiran dan Pusat Kemahiran di dalam negara) mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tanpa dikenakan fi untuk pendaftaran baharu dan maklumat perniagaan.

SPPP diperkenalkan dengan tujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan dari golongan usahawan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan, menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan seharian seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan dan ekonomi negara. SPPP ini diberikan untuk satu (1) kali permohonan bagi tempoh perniagaan selama satu (1) tahun sahaja sepanjang pelaksanaan skim ini dijalankan. Inisiatif ini akan membolehkan golongan usahawan memperolehi akses kepada pelbagai dana dan pinjaman bagi operasi perniagaan mereka dalam suasana sukar dan mencabar berikutan penularan pandemik COVID-19.

Bagi menyahut seruan Kerajaan untuk membantu mengurangkan masalah dan tekanan komuniti perniagaan dan sektor korporat terutamanya yang terkesan akibat pandemik COVID-19, SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan peniaga dan sektor korporat bagi memastikan mereka berdaya tahan dan seterusnya berdaya saing untuk menjana aktiviti ekonomi dalam tempoh penularan wabak ini. Inisiatif-inisiatif SSM untuk mengurangkan beban serta laporan impak ke atas sektor korporat dan perniagaan adalah seperti berikut:

(a) Melaksanakan tempoh moratorium 30 hari dari tarikh berakhir Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk serah simpan dokumen berkanun SSM. Bermula 18 Mac 2020 sehingga 30 September 2020, sejumlah 250,640 dokumen berkanun telah diberi kemudahan moratorium ini;

(b) Pengecualian fi lewat serah simpan bagi serah simpan dokumen berkanun syarikat berikutan arahan Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan di Malaysia bagi membendung gelombang ketiga pandemik COVID-19. Sehingga 31 Disember 2020, SSM telah memberikan pengecualian fi kepada 57,693 permohonan;

(c) Melanjutkan jangka masa untuk serah simpan penyata kewangan kepada SSM. Sebanyak 261,891 syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir pada 1 September 2019 hingga 31 Mac 2020 telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini. SSM juga melanjutkan tempoh pematuhan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 3,570 syarikat Berhad yang mempunyai tahun kewangan berakhir 1 September 2019 hingga 31 Mac 2020;

(d) Menaikkan nilai ambang keterhutangan daripada RM10,000 kepada RM50,000 dan memberikan tempoh enam (6) bulan untuk menjawab notis tuntutan. Inisiatif ini telah berjaya menunjukkan penurunan yang ketara dalam jumlah Petisyen Penggulungan yang diserah simpan ke SSM bagi tempoh dari bulan April 2020 hingga Disember 2020 iaitu sebanyak 665 petisyen berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 dengan 1,760 petisyen dan 2018 sebanyak 1,533 petisyen;

(e) Memberi pengecualian kelulusan kepada Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) membuat kutipan sumbangan. Pengecualian ini diberikan untuk tempoh kutipan sumbangan sehingga 31 Disember 2020;

(f) Melanjutkan tempoh masa bagi setiausaha syarikat mematuhi keperluan 20 mata untuk *Continuing Professional Education* (CPE) bagi pembaharuan perakuan amalan sehingga 31 Disember 2020 iaitu pematuhan kepada seksyen 241 AS 2016. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 683 daripada 4,138 permohonan pembaharuan Sijil Perakuan Amalan Setiausaha (PC) telah diluluskan dengan lanjutan masa diberikan untuk mengumpul jumlah mata CPE yang ditetapkan;

(g) Memberikan kadar pengurangan kompaun iaitu maksimum sebanyak 90% bagi kesalahan lazim di bawah AS 1965 dan AS 2016. Dalam tempoh 1 April 2020 hingga 30 Jun 2020, sebanyak 2,406 notis kompaun telah mendapat pengurangan melalui inisiatif ini;

(h) Inisiatif pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah 191,802 pemilik perniagaan telah menerima manfaat pengecualian kompaun atas kelewatan pembaharuan pendaftaran perniagaan;

(i) Insentif pengurangan kompaun sebanyak 90% kepada syarikat yang memohon pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 549/550 AS 2016. Dalam tempoh dari 17 Ogos 2020 hingga 31 Disember 2020, sebanyak 2,626 syarikat telah menerima manfaat pengurangan kompaun ini;

(j) Pengecualian kompaun bagi kegagalan serah simpan dokumen berkanun di bawah AS 2016. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 194,352 syarikat yang berkewajipan untuk membuat serah simpan Penyata Tahunan kepada SSM dalam tempoh bulan September 2020 hingga Disember 2020; dan

(k) Memberikan pelanjutan masa untuk pendaftaran percuma SSM BizTrust. Statistik sehingga 31 Disember 2020 menunjukkan sebanyak 4,410 entiti perniagaan dalam talian telah berdaftar dengan SSM BizTrust dengan sejumlah 858 entiti perniagaan didaftarkan sepanjang tahun 2020.

Di samping menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu sektor korporat dan perniagaan yang terkesan dengan pandemik COVID-19, SSM juga telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan berterusan dan keperluan menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan seperti aktiviti pemeriksaan melalui pangkalan data SSM. Inisiatif ini telah menyumbang kepada kadar pematuhan yang baik pada tahun 2020 iaitu 91% berbanding dengan 94% pada tahun 2019.

Saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi serta Anggota Suruhanjaya atas bimbingan mereka, sokongan dan sumbangan berterusan sepanjang tahun 2020. Terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua warga kerja SSM atas kerja keras dan komitmen mereka sebagai satu pasukan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pemegang taruh kita walaupun dalam persekitaran kerja yang amat mencabar akibat pandemik COVID-19. Tahun mendatang akan lebih banyak cabaran dan ketidaktentuan, tetapi dengan usaha dan kerjasama serta komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada pasukan SSM di semua peringkat, kita semua boleh memandang tahun hadapan dengan lebih banyak kejayaan, In Sya Allah.

**YBRS. NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

# ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA




## YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD

**YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 1 April 2020.** Beliau merupakan pemegang Sarjana Muda Perancangan Bandar dari University of Utah, Salt Lake City, USA dan Sarjana Perancangan Bandar dari University of Pennsylvania, Philadelphia, USA. Beliau juga merupakan pemegang diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia sejak tahun 2002 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2019 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada Februari 2020.




## YBRS. EN. MOHAMED ZAHARI BIN RAZALI

**YBrs. Encik Mohamed Zahari bin Razali telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 15 April 2019.** Beliau memperolehi Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). YBrs. Encik Mohamed Zahari memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Sementara di Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Terengganu pada 1 Ogos 1986, sebaik sahaja menamatkan pengajian Bachelor Sains Perniagaan Tani, Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Beliau juga pernah dilantik sebagai Pegawai Eksekutif Koperasi Pekebun Kecil Daerah Dungun Bhd., RISDA Daerah Dungun yang juga merangkap sebagai *Trading Executive* di *National Rubber Smallholders Cooperative* (NARSCO) Cawangan Terengganu pada 1 Mac 1987. Beliau seterusnya telah berkhidmat di dalam sektor Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Bahagian Perancangan Dan Dasar, Kementerian Pertanian Malaysia bermula 1 Disember 1992 dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Pengarah, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Pahang Barat, di Kementerian yang sama. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam Perkhidmatan Awam dan telah ditempatkan di pelbagai Jabatan dan Kementerian iaitu di Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak, Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak (MINDEF Sarawak), INTAN Kampus Wilayah Sarawak, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) Lahad Datu, Sabah, INTAN Kampus Wilayah Timur Kemaman, Unit Pemulihan Pasca Banjir (UPPB, JPM) dan seterusnya di Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), JPM. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan Pasca Bencana, NADMA, Putrajaya. Beliau kini memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 8 April 2020.



## YBHG. DATO' ZAMZURI BIN ABDUL AZIZ

**YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz berkelulusan Sarjana Ekonomi (Kewangan Islam) Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020.** Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam pada 1995 sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Elektrik & Elektronik, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Beliau seterusnya telah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan seterusnya di Kementerian Kewangan sehingga sekarang. Dato' Zamzuri merupakan Timbalan Pengarah di Sektor Perkhidmatan Am Bahagian Pengurusan Belanjawan, sebelum dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Sektor Perkhidmatan Am) Pejabat Belanjawan Negara. Beliau kini memegang jawatan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan.



## YBHG. DATO HJ IBRAHIM BIN HJ. BAKI

**YBhg. Dato Hj Ibrahim bin Hj. Baki dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 17 April 2020.** Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian LLB (Hons) dari University Wolverhampton pada tahun 1983 dan kelayakan profesional Barrister At Law (Lincoln's Inn), England, United Kingdom pada tahun 1984.

YBhg. Dato Hj. Ibrahim memulakan kerjaya beliau sebagai pegawai undang-undang di Petronas, Kuala Lumpur pada tahun 1984. Beliau pernah menjadi rakan pengasas di Tetuan Idris Buang, Ibrahim Baki & Co., Peguambela & Peguamcara, Sarawak dari tahun 1985 sehingga 1991. Beliau terlibat secara aktif dalam sektor korporat bermula tahun 1991 sehingga kini dan dilantik sebagai pengerusi dan pemegang saham di beberapa syarikat seperti Hubline Bhd., Supreme Consolidated Resources Berhad., Gegasan Sdn. Bhd., Warisan Kenyalang Sdn. Bhd., IBZ Corporation Sdn. Bhd., New Sarawak Tribune, Suara Sarawak dan Layang-Layang Aerospace Sdn. Bhd. Beliau juga dilantik sebagai pengerusi Daya Builders Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat berkaitan kerajaan. Selain itu, beliau turut terlibat secara aktif dalam pelbagai organisasi bukan kerajaan dan organisasi sosial kemasyarakatan.



## YBRS. EN. SHAMSHAWAL AZRAAI BIN AHMAD

**YBrs. Encik Shamshawal Azraai bin Ahmad telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 17 April 2020.** Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Shariah) (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

YBrs. Encik Shamshawal Azraai merupakan peguambela dan peguamcara serta rakan kongsi di Tetuan Ahmad Shahabudin & Co. sejak tahun 1999 sehingga sekarang. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajar Islam Malaysia (YPIM) pada tahun 2013 hingga 2015. Beliau juga terlibat secara aktif dalam bidang perundangan dan politik di Terengganu.



## YBRS. PROF. DR. NORMAH BINTI HAJI OMAR

**YBrs. Prof. Dr. Normah binti Haji Omar telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2020.** Beliau merupakan pengasas kepada Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), iaitu sebuah Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (HICoE) yang bersifat global dan diiktiraf serta dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Beliau juga merupakan Felo Penyelidik Kanan di ARI HICoE. Selain itu, beliau juga merupakan ahli kepada dua badan perakaunan profesional yang terkenal di peringkat global iaitu Certified Practising Accountants (CPA Australia) dan Certified Management Accountants (CMA Australia).

Bidang pengkhususan kajian beliau adalah Integriti Korporat, Tadbir Urus, laporan kewangan, Perakaunan Pengurusan, Kewangan Islam dan Kriminologi Kewangan Islam. Sebagai pendokong kepada pentafsiran kajian lapangan industri, YBrs. Prof. Dr. Normah telah menjalinkan banyak kerjasama dengan Agensi Kerajaan, Badan Profesional, Pengawalselia, Organisasi Bukan Kerajaan dan sektor korporat di dalam dan luar negara. Beliau juga telah berjaya menyelesaikan projek penyelidikan seperti Penarafan Tadbir Urus Korporat bersama Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Sistem Penilaian Integriti Korporat bersama Institut Integriti Malaysia, Pematuhan & Keberkesanan Regim Anti Pengubahan Wang Haram bersama Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Kumpulan Jalinan Kerjasama Pegawai Pematuhan (CONG), dan Penilaian ke atas Organisasi Bukan Keuntungan bagi Penggubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan bersama Pendaftar Pertubuhan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Antara bidang kepakaran beliau adalah termasuk Perakaunan Pengurusan & Laporan Kewangan, Tadbir Urus Korporat & Integriti Korporat, dan Forensik Akaun & Kriminologi Kewangan.



## YBRS. PUAN NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

**YBrs. Puan Nor Azimah binti Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkuatkuasa 1 Mei 2020.** Sebelum beliau dilantik sebagai KPE SSM, beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE), Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya bertukar portfolio sebagai TKPE Perkhidmatan Korporat untuk tempoh di antara tahun 2016 hingga 2020. YBrs. Puan Nor Azimah memulakan kerjaya pada tahun 1992 sebagai Peguambela dan Peguamcara, dan seterusnya beliau telah berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa beliau berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Pengawalseliaan dan Standard di Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000. Beliau kemudiannya telah menyertai SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. YBrs. Puan Nor Azimah mempunyai pengalaman luas dalam inisiatif pembaharuan undang-undang dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan semakan perundangan di bawah seliaan SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Kini beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemantauan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF) dan juga Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). YBrs. Puan Nor Azimah berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang daripada Institut Teknologi MARA (kini UiTM) dan memperolehi Sarjana Undang-Undang (LLM in Business Law), daripada University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.



## YBHG. DATO ZAIDON BIN HJ. ASMUNI

**YBhg. Dato Zaidon bin Hj. Asmuni yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Hons) dari Universiti Sains Malaysia telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 1 Julai 2016 sehingga 15 April 2020.** Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik pada tahun 1981 di Kementerian Dalam Negeri. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di Kementerian tersebut, termasuk sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Imigresen Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan. Dato Zaidon merupakan mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.



## YBRS. EN. TAN KEE HENG

**YBrs. Encik Tan Kee Heng telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2018 sehingga 15 April 2020.** Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-Undang dari University of Wolverhampton, United Kingdom.

YBrs. Encik Tan Kee Heng aktif sebagai pengamal undang-undang yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dan kini merupakan rakan kongsi di S.K. Ling & Tan Advocates (Kuching). Beliau berpengalaman dalam undang-undang berkaitan litigasi, sivil dan kes-kes rayuan. Beliau juga merupakan penulis buku dan editor untuk penerbitan akademik perundangan. Beliau juga dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan dan merupakan Ketua Pesuruhjaya Sumpah di Sarawak.



## YBRS. DR. ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH

**YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2018 sehingga 31 Oktober 2020.** Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran Falsafah (D.Phil) Kejuruteraan EE dan Sains Komputer dari University of Sussex England, Sarjana Sains (M.S.) dalam bidang Sains Komputer dari Indiana University Bloomington, U.S.A., Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (B.Sc.) dari Sunderland Polytechnic, England, dan Sijil Analisa Rangkaian Sosial dari University of Michigan U.S.A. Beliau memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf iaitu sebagai bekas ahli senior dalam Pertubuhan Jurutera Pembuatan di U.S.A dan bekas ahli dan wakil Asia Pasifik di Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE).

YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah pernah bertugas sebagai seorang pensyarah dan Timbalan Pengarah di Pusat Komputer Universiti Malaya di peringkat awal kerjaya beliau. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Research and Innovation Review Board di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan merupakan salah seorang ahli panel untuk Panel Pembangunan dan Semakan Kurikulum di Universiti Industri Selangor (UNISEL). Beliau kini dilantik sebagai Lembaga Penasihat di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, University of Nottingham Malaysia dan Jurusan Sarjana Industri Otomasi di Universiti Kuala Lumpur – Institut Malaysia Perancis (UNIKL-MFI).



## YBRS. EN. PAWANCHEEK BIN MARICAN

**YBrs. Encik Pawancheek bin Marican telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2018 sehingga 31 Oktober 2020.** Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-undang dengan kepujian (LL.B) dan Sarjana Undang-undang (LL.M) dari Universiti Malaya. Beliau merupakan pengamal undang-undang dan menjadi ahli kepada Badan Peguam Malaysia sejak tahun 1977. Beliau kini merupakan rakan kongsi di firma guaman di Tetuan Wan Marican, Hamzah & Shaik.

YBrs. Encik Pawancheek bin Marican pernah dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia dan Profesor (Jemputan) Adjung di Kulliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia untuk tempoh tahun 2006 hingga 2009. Beliau merupakan Ahli Lembaga Penasihat Editor Jurnal Perundangan dan Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Syariah Majlis Peguam Malaysia. Beliau juga merupakan ahli kepada Jawatankuasa Penyelidikan Bersama – Universiti Malaya dan ahli Jawatankuasa Penyelidikan Waqaf di YADIM bagi mencadangkan pembaharuan perundangan dan pengenalan produk-produk baharu berkaitan waqaf di negeri-negeri di Malaysia.

Beliau telah mengendalikan kes-kes berkaitan perundangan terhadap Muslim dan bukan Muslim, pertikaian undang-undang perbankan, pertikaian korporat, pertikaian tanah dan hartanah dan pertikaian dan konflik bagi perundangan Sivil dan Syariah. Bersesuaian dengan dirinya sebagai seorang pengamal undang-undang yang berpengalaman luas, beliau merupakan seorang penulis buku berkaitan Undang-Undang Islam di Malaysia, tesis dan penerbitan jurnal di peringkat tempatan dan antarabangsa.



## YBRS. DR AZMAN BIN HUSSIN

**YBrs. Dr. Azman bin Hussin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkuatkuasa 28 September 2019 sehingga 30 April 2020.** Beliau merupakan KPE yang ke-enam sejak penubuhan SSM pada tahun 2002. YBrs. Dr. Azman memiliki Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat serta kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia. YBrs. Dr. Azman mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang keusahawanan, korporat, teknologi dan strategi perniagaan di dalam dan luar negara. Beliau antara lain pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Silicon Vision Corporation dan TSI-Telsys Corporation (disenaraikan di Bursa Saham Montreal, Canada). Beliau juga pernah bekerja dalam bidang strategi korporat dan pengurusan prestasi di Qatar Steel Company dan Ooredoo (dahulunya Qatar Telecom). Di samping itu, beliau mengajar dan melatih dalam bidang strategi dan pengurusan prestasi di Saudi Arabia, Qatar, Kuwait, Jordan dan Malaysia. Dalam kapasiti beliau sebagai KPE, YBrs. Dr. Azman telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah, ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF) dan ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan (AIC) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Beliau juga pernah menulis beberapa buah buku yang telah dipasarkan ke peringkat antarabangsa termasuk penerbitan bertajuk *Higher Objectives of Humanity* dan *Prophet Muhammad the Hallmark of Leadership.*

# JUMLAH KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA UNTUK MESYUARAT ANGGOTA SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2020

| Anggota Suruhanjaya | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-110 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-111 | Mesyuarat Anggota Suruhanjaya ke-112 | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|---|---|
| | 25 Jun 2020 | 3 September 2020 | 26 November 2020, 3 Disember 2020, 9 Disember 2020 | |
| YBhg. Datuk Seri Haji. Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad | ● | ● | ● | 3/3 |
| YBrs. Encik Mohamed Zahari bin Razali | ● | ● | ● | 3/3 |
| YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz | ● | ● | ● | 3/3 |
| YBhg. Dato Haji Ibrahim bin Haji Baki | ● | ● | ● | 3/3 |
| YBrs. Encik Shamshawal Azraai bin Ahmad | ● | ● | ● | 3/3 |
| YBrs. Prof. Dr. Normah binti Haji Omar | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 November 2020 | | ● | 1/1 |
| YBrs. Puan Nor Azimah binti Abdul Aziz | ● | ● | ● | 3/3 |
| YBrs. Encik Pawancheek bin Marican | ● | ● | Telah tamat tempoh pelantikan sebagai Anggota Suruhanjaya pada 31 Oktober 2020 | 2/2 |
| YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah | ● | ● | Telah tamat tempoh pelantikan sebagai Anggota Suruhanjaya pada 31 Oktober 2020 | 2/2 |

● Hadir
X Tidak hadir dengan izin

*Sebanyak sembilan (9) Kertas Resolusi Edaran telah diluluskan dalam tahun 2020

# PENGURUSAN EKSEKUTIF



## YBRS. PUAN NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**(Dilantik pada 1 Mei 2020)**

Sebelum beliau dilantik sebagai KPE SSM pada 1 Mei 2020, beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE), Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya bertukar portfolio sebagai TKPE Perkhidmatan Korporat untuk tempoh di antara tahun 2016 hingga 2020. YBrs. Puan Nor Azimah memulakan kerjaya pada tahun 1992 sebagai Peguambela dan Peguamcara, dan seterusnya beliau telah berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa beliau berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Pengawalseliaan dan Standard di Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000. Beliau kemudiannya telah menyertai SSM sebagai Pengurus Besar di Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada tahun 2003. YBrs. Puan Nor Azimah mempunyai pengalaman luas dalam inisiatif pembaharuan undang-undang dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan semakan perundangan di bawah seliaan SSM antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Kini beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pemantauan Audit (AOB), Ahli Lembaga Pensijilan Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO), Ahli Lembaga Yayasan Laporan Kewangan (FRF) dan juga Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). YBrs. Puan Nor Azimah berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang daripada Institut Teknologi MARA (kini UiTM) dan memperolehi Sarjana Undang-Undang (LLM in Business Law), daripada University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.



## YBRS. DR AZMAN BIN HUSSIN

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**(Sehingga 30 April 2020)**

YBrs. Dr. Azman memiliki Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat serta kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia. YBrs. Dr. Azman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkuatkuasa pada 28 September 2019. Beliau mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang keusahawanan, korporat, teknologi dan strategi perniagaan di dalam dan luar negara. YBrs. Dr. Azman antara lain pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Silicon Vision Corporation dan TSI-Telsys Corporation (disenaraikan di Bursa Saham Montreal, Canada). Beliau juga pernah bekerja dalam bidang strategi korporat dan pengurusan prestasi di Qatar Steel Company dan Ooredoo (dahulunya Qatar Telecom). Di samping itu, beliau mengajar dan melatih dalam bidang strategi dan pengurusan prestasi di Saudi Arabia, Qatar, Kuwait, Jordan dan Malaysia. YBrs. Dr. Azman telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan (AIC) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Beliau pernah menulis beberapa buah buku yang telah dipasarkan ke peringkat antarabangsa termasuk penerbitan bertajuk *Higher Objectives of Humanity* dan *Prophet Muhammad the Hallmark of Leadership.*



## ROSLI HAJI AHMAD
### TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PERKHIDMATAN KORPORAT)

Haji Rosli Haji Ahmad telah diberi tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) berkuatkuasa 24 Jun 2020. Portfolio beliau termasuk mengawal selia fungsi Bahagian Modal Insan, Bahagian Kewangan & Akaun, Bahagian Pentadbiran & Fasiliti serta Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan serta Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Beliau telah memulakan kerjaya di Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985 dan pada tahun 1990 sebagai Pengurus di Pejabat Cawangan Labuan. Pada tahun 1992, beliau bertugas sebagai Ketua Cawangan Negeri Pahang dan Negeri Melaka. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Ibu Pejabat sebagai Ketua Unit Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pelaksana penubuhan SSM antara tahun 1999 hingga 2002. Pada tahun 2004 beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka dan kemudiannya Pengarah Negeri SSM Johor pada tahun 2006. Pada tahun 2008 beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan dan seterusnya sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran pada tahun 2014. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) pada 15 Mac 2015. Kemudian beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Januari 2019. Haji Rosli Haji Ahmad berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



## KHUZAIRI YAHAYA
### TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KAWAL SELIA & PENGUATKUASAAN)

Khuzairi Yahaya bertanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan) bermula 15 Januari 2019. Beliau mengawal selia Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan & Litigasi, Bahagian Pematuhan Korporat dan Bahagian Siasatan. Khuzairi Yahaya memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1994. Selepas sembilan (9) tahun bersama Suruhanjaya Sekuriti, pada tahun 2003 beliau menjadi Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM dan ini diikuti oleh pelantikan beliau sebagai Pengarah Audit Dalaman pada tahun 2007. Pada tahun 2010, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Khuzairi telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Mac 2015 di mana beliau menguruskan semua Bahagian di bawah Operasi di SSM. Khuzairi memainkan peranan instrumental dalam inisiatif untuk mengubah sistem pendaftaran berasaskan kerangka utama kepada sistem berasaskan web pada tahun 2003 dan beliau juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam SSM. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan proses kerja baharu di bawah indikator 'Memulakan Perniagaan' di bawah Laporan Bank Dunia 'Ease of Doing Business'.



## REZY IZWAN RAMLY
### TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PENDAFTARAN & PERKHIDMATAN PERNIAGAAN)

Rezy Izwan Ramly telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan) berkuatkuasa pada 24 Jun 2020. Portfolio di bawah penyeliaan beliau adalah Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dan Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise. Beliau mula berkhidmat di SSM sebagai Ketua Seksyen Pendakwaan di Bahagian Pendakwaan dan litigasi pada 2010. Kemudiannya pada Februari 2014, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan Korporat dan seterusnya pada Julai 2017, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Siasatan. Beliau memulakan karier sebagai Pegawai Pendakwa Kanan di Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia. Beliau mempunyai 13 tahun pengalaman dalam menjalankan pendakwaan jenayah berkaitan kes-kes jenayah kolar putih. Rezy Izwan Ramly berkelulusan LLB (Hons.) dari Universiti Warwick, United Kingdom pada tahun 1998 dan memperolehi Sijil Amalan Guaman ('CLP') pada tahun 2000. Beliau juga merupakan Certified Financial Investigators ('CFIs').



**AMIR AHMAD**
PENGARAH
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENDAFTARAN



**REZY IZWAN RAMLY**
PENGARAH
BAHAGIAN SIASATAN
(Sehingga 23 Jun 2020)



**AZNORASHIQ MOHAMED ZIN**
PENGARAH
BAHAGIAN PEMATUHAN KORPORAT
(Sehingga 2 Ogos 2020)
BAHAGIAN SIASATAN
(Bermula 3 Ogos 2020)



**MUHAMAD FARIS OTHMAN**
PENGARAH
BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN & PENGURUSAN PENGETAHUAN



**ZARINA ABDUL SAMAD**
PENGARAH
BAHAGIAN KEWANGAN & AKAUN



**AIDA ADHAA ABU BAKAR**
PENGARAH
BAHAGIAN PENDAKWAAN & LITIGASI



**AZIZAH ROHANI**
PENGARAH
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



**FARID AHMAD**
PENGARAH
BAHAGIAN STRATEGI & KOMUNIKASI KORPORAT



**SAMSIAH IBRAHIM**
PENGARAH
BAHAGIAN MODAL INSAN



**NORHAIZA JEMON**
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PERKHIDMATAN PERUNDANGAN



**MOHAMAD AWI IBRAHIM**
PENGARAH
BAHAGIAN PENTADBIRAN & FASILITI



**MOHAMMAD PERKASI**
PENGARAH
BAHAGIAN PEMASARAN & PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

# CARTA ORGANISASI



# STATISTIK UTAMA 2020

## KADAR PEMATUHAN

91%

## SYARIKAT

| Tempatan | Asing | Jumlah Syarikat Diperbadankan 2020 | Jumlah Syarikat Diperbadankan Sehingga 31 Disember 2020 |
|---|---|---|---|
| 43,976 | 22 | 43,998 | 1,388,905 |

## PERNIAGAAN

| Milikan Tunggal | Perkongsian | Jumlah Perniagaan Didaftarkan 2020 | Jumlah Perniagaan Didaftarkan sehingga 31 Disember 2020 |
|---|---|---|---|
| 350,686 | 39,227 | 389,913 | 8,064,300 |

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

| Jumlah PLT Didaftarkan 2020 | Jumlah PLT Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2020 |
|---|---|
| 3,856 | 26,598 |

## PENGUATKUASAAN

| Bilangan pemeriksaan dijalankan ke atas syarikat | Bilangan pemeriksaan dijalankan ke atas perniagaan | Bilangan pendakwaan dijalankan ke atas syarikat | Bilangan pendakwaan dijalankan ke atas perniagaan |
|---|---|---|---|
| 101,620 | 157,823 | 4,948 | 103 |

# PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2020

**100%** 1 HARI — Pemerbadanan Syarikat

**100%** 1 HARI — Kelulusan Permohonan Nama

**100%** 3 HARI — Pendaftaran Prospektus

**100%** 1 HARI — Sijil Memulakan Perniagaan Bagi Syarikat Awam

**100%** 2 HARI — Pendaftaran Gadaian

**100%** 1 HARI — Penukaran Nama Syarikat

**100%** 1 HARI — Pertukaran Status Syarikat

** Piagam pelanggan merekodkan prestasi yang merujuk kepada permohonan dengan dokumentasi yang lengkap tanpa kueri

# PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## PIAGAM PELANGGAN

SSM mensasarkan pencapaian 99% bagi semua piagam pelanggan yang telah ditetapkan bagi tahun 2020. Pencapaian sebenar bagi tahun 2020 adalah sebanyak 100%.

### Pencapaian Piagam Pelanggan Syarikat

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pemerbadanan Syarikat Baharu | 1 Hari | 100 |
| Kelulusan Permohonan Nama | 1 Hari | 100 |
| Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam | 1 Hari | 100 |
| Perubahan Pertukaran Nama Syarikat | 1 Hari | 100 |
| Pertukaran Status Syarikat | 1 Hari | 100 |
| Pendaftaran Gadaian | 2 Hari | 100 |
| Pendaftaran Prospektus | 3 Hari | 100 |

### Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

Statistik pendaftaran PLT bagi tahun 2018 hingga 2020

| TRANSAKSI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran PLT baharu | 3,858 | 3,783 | 4,327 |
| Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada PLT | 86 | 112 | 82 |
| Penukaran daripada syarikat persendirian kepada PLT | 25 | 48 | 21 |
| **JUMLAH** | **3,969** | **3,943** | **4,430** |

Serah simpan transaksi pasca pendaftaran PLT bagi tahun 2018 hingga 2020

| TRANSAKSI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Perakuan Tahunan | 7,721 | 7,363 | 5,814 |
| Perubahan maklumat | 4,443 | 3,315 | 2,904 |
| *Rectification* | 96 | 97 | 79 |
| Permohonan Lanjutan Masa | 40 | 39 | 23 |

## *Malaysia Corporate Identity* (MyCoID)

Permohonan yang diterima melalui MyCoID pada tahun 2020 adalah sebanyak 635,878 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 711,514. Ianya menunjukkan penurunan sebanyak 75,636 atau 10.63%. Pada tahun 2020, SSM telah berjaya memperbadankan syarikat sebanyak 43,779 melalui sistem MyCoID yang  menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 3,042 atau 6.50%.

**Statistik MyCoID tahun 2020**




## Statistik MyCoID Tahun 2020

| TRANSAKSI MYCOID | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan nama syarikat | 70,582 | 81,297 | 83,675 |
| Pemerbadanan syarikat | 43,779 | 46,821 | 47,214 |
| Pelantikan setiausaha syarikat pertama | 43,783 | 46,856 | 47,292 |
| Penyata perumpukan syer | 40,069 | 43,301 | 41,625 |
| Daftar anggota | 122,894 | 127,621 | 100,028 |
| Serah simpan perlembagaan syarikat serta *e-stamping* | 6,746 | 6,380 | 6,142 |
| Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar | 57,923 | 69,406 | 66,613 |
| Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha | 213,466 | 253,008 | 214,660 |
| *Reassignment of Company Secretary* | 27,455 | 30,669 | 26,393 |
| Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian | 9,181 | 6,155 | 1,560 |
| **JUMLAH** | **635,878** | **711,514** | **635,202** |

# Gadaian

Statistik pendaftaran gadaian tahun 2020 (serahan borang melalui kaunter dan dalam talian melalui MyCoID 2016) adalah sebanyak 21,139. Ianya menunjukkan penurunan 6.74% berbanding dengan jumlah pendaftaran gadaian pada tahun 2019 di mana jumlah pendaftaran gadaian adalah sebanyak 22,667. Pendaftaran gadaian adalah berdasarkan kepada pendaftaran 'Borang Penyata Butir-butir Yang Ditetapkan Berkenaan Dengan Gadaian' yang diserah simpan oleh syarikat-syarikat yang mewujudkan suatu gadaian.

Statistik pendaftaran pelepasan gadaian tahun 2020 adalah sebanyak 17,001. Ianya menunjukkan kenaikan 76.2% berbanding dengan jumlah pendaftaran pelepasan gadaian pada tahun 2019 di mana jumlah pendaftaran pelepasan gadaian adalah sebanyak 9,467. Pendaftaran gadaian dan pendaftaran pelepasan gadaian melibatkan jumlah sijil yang dikeluarkan kepada syarikat seperti berikut:

**Statistik Pendaftaran Gadaian dan Pendaftaran Pelepasan Gadaian**




| TRANSAKSI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran Gadaian | 21,139 | 22,667 | 20,045 |
| Pendaftaran Pelepasan Gadaian | 17,001 | 9,467 | 12,130 |

## *Malaysian Business Reporting System*

Sungguhpun perkhidmatan *Malaysian Business Reporting System* (MBRS) baharu beroperasi pada 28 September 2018, namun jumlah serah simpan melaluinya terus meningkat. Sistem ini menyediakan khidmat serah simpan di bawah AS 2016 iaitu:

- Penyata Kewangan dan laporan (PK);
- Penyata Tahunan (PT); dan
- Permohonan Pengecualian dan lanjutan masa serah simpan berkaitan dengan Penyata Kewangan dan Penyata Tahunan.

| PERKHIDMATAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Penyata Tahunan bagi syarikat yang mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016) | 478,090 | 467,539 | 32,166 |
| Penyata Tahunan bagi syarikat yang tidak mempunyai modal saham (seksyen 68 AS 2016) | 1,939 | 1,772 | 84 |
| Penyata Tahunan bagi syarikat asing (seksyen 576 AS 2016) | 438 | 441 | 27 |
| Penyata Tahunan bagi tiada pertukaran maklumat (seksyen 68 AS 2016) | 26,275 | 4,314 | 35 |
| **JUMLAH** | **506,742** | **474,066** | **32,312** |

| PERKHIDMATAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Penyata Kewangan - Beraudit (seksyen 244 AS 2016) | 4,660 | 3,697 | 142 |
| Penyata Kewangan - Tidak Beraudit (seksyen 267(2) AS 2016) | 903 | 655 | 4 |
| *Certificate for Exempt Private Company* (seksyen 260 AS 2016) | 12,352 | 14,098 | 360 |
| **JUMLAH** | **17,913** | **18,450** | **506** |

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan pengecualian daripada penyatuan tahun kewangan anak syarikat asing dengan syarikat induk (seksyen 247(5) AS 2016) | 55 | 47 | - |
| Permohonan pengecualian dari serahan Penyata Kewangan dalam format XBRL (seksyen 604(2) AS 2016) | 4 | 12 | - |
| Permohonan pengecualian untuk menyerah Penyata Kewangan oleh syarikat asing (seksyen 575(7) AS 2016) | 1 | 11 | - |
| Permohonan pelepasan dari keperluan kandungan laporan pengarah (seksyen 255(1) AS 2016) | 3 | 16 | - |
| Permohonan pelepasan dari keperluan seperti pembentangan dan kandungan Penyata Kewangan (seksyen 255(1) AS 2016) | 1 | - | - |
| Permohonan lanjutan masa untuk edaran Penyata Kewangan (seksyen 259(2) AS 2016) | 865 | 849 | 44 |
| Permohonan lanjutan masa untuk serah simpan Penyata Kewangan (seksyen 259(2) AS 2016) | 1 | 7 | - |
| Permohonan lanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan (seksyen 340(4) AS 2016) | 35 | 19 | - |
| Permohonan lanjutan masa serah simpan Penyata Tahunan (seksyen 609(2) AS 2016) | 2 | 1 | 1 |
| Permohonan kepada Menteri berkaitan dengan Penyata Kewangan atau Penyata Tahunan (seksyen 247(8) AS 2016 dan seksyen 38E Akta SSM 2001) | - | 1 | - |
| **JUMLAH** | **967** | **963** | **45** |

## Permohonan Pengurusan Korporat

Jumlah permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2), seksyen 340 dan seksyen 22(5)(b) AS 2016 | 2,729 | 2,072 | 2,582 |
| Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan penyata kewangan beraudit dan laporan pengarah di bawah seksyen 253(2) dan seksyen 255(1) AS 2016 | 40 | 98 | 144 |
| Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016 | 21 | 37 | 45 |
| Permohonan pengenepian (*waiver*) bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016 | 17 | 28 | 57 |
| Serah simpan *initial public offerings, abridged prospectus* dan dokumen lain yang berkaitan | 1,228 | 1,134 | 715 |
| Serah simpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat | 60 | 70 | 64 |
| **JUMLAH** | **4,095** | **3,439** | **3,607** |

## Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)

Statistik permohonan untuk kelulusan Menteri:

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' pada namanya | 44 | 55 | 61 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk menggugurkan perkataan 'Berhad' | 3 | 4 | 0 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk memiliki/ mencagar dan menjual tanah | 34 | 53 | 78 |
| Permohonan Kelulusan Menteri bagi pelantikan pengarah baharu | 425 | 425 | 415 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai | 11 | 17 | 11 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk pindaan Perlembagaan syarikat | 62 | 70 | 55 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk memegang milik penuh anak syarikat | 5 | 0 | 0 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah | 2 | 9 | 0 |
| **JUMLAH** | **586** | **633** | **620** |

Statistik permohonan bagi mendapatkan kelulusan Pendaftar:

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan 'Berhad' | 27 | 35 | 39 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar bagi pelantikan pengarah baharu | 601 | 828 | 422 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai | 11 | 10 | 7 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk pindaan Perlembagaan syarikat | 23 | 33 | 19 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk memegang milik penuh anak syarikat | 1 | 2 | 0 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah | 4 | 7 | 0 |
| **JUMLAH** | **667** | **915** | **487** |

## SKIM KEPENTINGAN

### Pendaftaran Skim Baharu

Pada tahun 2020, terdapat empat (4) permohonan pendaftaran skim baharu yang telah diproses. Daripada empat (4) permohonan tersebut, satu (1) skim telah didaftar pada tahun 2020 iaitu satu (1) skim Taman Memorial. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak tiga (3) permohonan iaitu satu (1) skim Hibrid (skim Pelaburan dan Kelab Rekreasi), satu (1) skim Kelab Rekreasi, dan satu (1) skim Taman Memorial masih dalam proses mematuhi syarat-syarat pendaftaran bagi membolehkan skim didaftarkan. Bilangan skim kepentingan yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

| KATEGORI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Golf dan Kelab Rekreasi | 72 | 72 | 72 |
| Kelab melalui Saham | 22 | 22 | 22 |
| Kelab Rekreasi | 36 | 36 | 35 |
| Kongsimasa | 29 | 29 | 28 |
| Marina | 10 | 10 | 10 |
| Taman Memorial | 22 | 21 | 18 |
| Kongsitani | 14 | 14 | 13 |
| Peralatan | 4 | 4 | 3 |
| Hartanah | 10 | 10 | 10 |
| **JUMLAH** | **219** | **218** | **211** |

### Hasil dan Impak

Skim Kelab Golf dan Rekreasi merangkumi sebahagian besar daripada skim kepentingan berdaftar dengan catatan peratusan sebanyak 32.88% meliputi 72 skim diikuti oleh skim Kelab Rekreasi sebanyak 16.44% meliputi 36 skim. Pendaftaran skim Taman Memorial meningkat sebanyak 4.76% meliputi 22 skim. Secara keseluruhan, pendaftaran skim kepentingan telah meningkat kepada 219 buah skim dengan nilai saiz dana berjumlah RM32.92 bilion setakat 31 Disember 2020.

**Bilangan Skim Kepentingan Baharu Didaftarkan**




| | Golf dan Kelab Rekreasi | Kelab Melalui Saham | Kelab Rekreasi | Kongsimasa | Marina | Taman Memorial | Kongsitani | Peralatan | Hartanah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2020 | 72 | 22 | 36 | 29 | 10 | 22 | 14 | 4 | 10 |
| 2019 | 72 | 22 | 36 | 29 | 10 | 21 | 14 | 4 | 10 |
| 2018 | 72 | 22 | 35 | 28 | 10 | 18 | 13 | 3 | 10 |

## Pendaftaran Dokumen Utama Skim Kepentingan Selain Pendaftaran Skim Baharu

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PENCAPAIAN (%) | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendaftaran Prospektus | 3 Hari | 100 | 91 | 180 | 184 |
| Pendaftaran Penyata Tahunan Skim | 7 Hari | 100 | 94 | 100 | 105 |

Pada tahun 2020 sebanyak 82 pembaharuan prospektus dan sembilan (9) prospektus tambahan telah diterima dan didaftarkan berbanding 170 pembaharuan prospektus dan 10 prospektus tambahan pada 2019. Pada tahun 2020, sebanyak 94 serah simpan penyata tahunan skim telah diterima dan didaftarkan berbanding 100 serah simpan penyata tahunan skim pada tahun 2019. Penurunan angka serah simpan dokumen khasnya prospektus disebabkan oleh dua (2) Arahan Amalan yang telah diperkenalkan seperti berikut:

(a) Arahan Amalan Bil. 1/2019 yang telah berkuatkuasa pada 25 Julai 2019 yang membenarkan prospektus diperbaharui untuk tempoh satu (1) tahun berbanding dengan tempoh enam (6) bulan untuk syarikat yang memenuhi kelayakan. Sehingga 31 December 2020 sebanyak 41 permohonan telah diluluskan di bawah Arahan Amalan Bil. 1/ 2019; dan

(b) Arahan Amalan Bil. 2/2020 iaitu Tempoh Moratorium untuk Kesahan Prospektus atau Penyataan Penzahiran Produk yang telah berkuatkuasa pada 19 Mei 2020 yang membenarkan mana - mana prospektus yang tamat tempoh semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 dilanjutkan tempoh kesahihannya sehingga tamat tempoh PKP.

## Hasil dan Impak

Pada tahun 2020, semua pendaftaran Prospektus dan Penyata Tahunan skim telah berjaya dilakukan dengan mematuhi piagam pelanggan. Penguatkuasaan Arahan Amalan Bil. 1/2019 dan Arahan Amalan Bil. 2/2020 telah memberi penjimatan kos kepada sekitar 120 pengusaha skim kepentingan meliputi penjimatan RM460,000 dari segi penjimatan langsung (penjimatan fi yang tidak dikenakan) dan penjimatan tidak langsung yang dianggarkan bernilai antara RM1 juta hingga RM1.5 juta (penjimatan kos profesional dan sebagainya) pada tahun 2020.

## Penamatan Skim Kepentingan Berdaftar

SSM telah mengambil pendekatan proaktif untuk mengawal selia penamatan atau penggulungan skim secara teratur seperti skim-skim yang tidak aktif tetapi masih belum ditamatkan dengan sewajarnya, skim bermasalah yang tidak lagi boleh diteruskan atau tidak lagi menguntungkan atau skim yang menanggung kerugian. SSM memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya agar penamatan atau penggulungan skim berkenaan mematuhi peruntukan undang-undang.

Antara bulan Januari dan Disember 2020, sebanyak dua (2) skim telah digulungkan menjadikan jumlah terkumpul bagi skim yang ditamatkan sehingga bulan Disember 2020 adalah sebanyak 42 skim. Sebanyak 20 skim masih dalam proses penamatan.

**Status Skim Kepentingan Berdaftar**




## Hasil dan Impak

Penamatan atau penggulungan skim yang telah dilaksanakan dengan teratur mengikut ketetapan undang-undang dapat membuka laluan kepada para pelabur dan pihak berkepentingan untuk mencapai penyelesaian yang adil. Contohnya, bagi sesebuah skim yang digulungkan secara sah sekiranya masih memiliki dana atau aset, terma penggulungan boleh menetapkan supaya sebahagian daripada dana atau aset skim dapat dibahagikan kepada pelabur sebagai pampasan.

## Penggulungan

Tahun 2020 merekodkan sejumlah 2,834 syarikat telah digulungkan berbanding dengan 2,930 syarikat pada tahun sebelumnya. Ianya menunjukkan penurunan sebanyak 3%. Manakala jumlah syarikat yang dibubarkan pada tahun 2020 adalah 1,483 berbanding dengan 1,535 syarikat bagi tahun sebelumnya. Ianya juga menunjukkan penurunan sebanyak 3%. Statistik ini adalah berdasarkan jumlah dokumen yang diserah simpan kepada Pendaftar.

| TAHUN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Jumlah syarikat digulung | 2,834 | 2,930 | 3,059 |
| Jumlah syarikat bubar | 1,483 | 1,535 | 1,724 |

## Pemotongan Nama Syarikat

Jumlah syarikat yang dibubarkan melalui proses pemotongan nama syarikat mencatatkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 1%, daripada 56,712 bagi tahun 2019 kepada 57,365 bagi tahun 2020. Peningkatan jumlah syarikat bubar melalui proses pemotongan nama berkemungkinan disebabkan oleh inisiatif pengurangan kompaun yang ditawarkan oleh SSM dan juga akibat pengenaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan akibat pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada aliran tunai syarikat.

| TAHUN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Jumlah syarikat bubar melalui proses pemotongan nama syarikat | 57,365 | 56,712 | 67,110 |

## Pengurusan Aset Syarikat Bubar

Pada tahun 2020, jumlah permohonan pengurusan aset syarikat bubar yang merangkumi permohonan di bawah seksyen 556, 557 dan 558 AS 2016 mencatatkan kenaikan daripada 101 permohonan pada tahun 2019 kepada 225 permohonan pada tahun 2020 iaitu kenaikan sebanyak 122.77%.

## Seksyen 556 AS 2016

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, permohonan kepada Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai wakil syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016 mencatatkan kenaikan sebanyak 33.33%, iaitu daripada 39 permohonan pada tahun 2019 kepada 52 permohonan pada tahun 2020.

## Seksyen 557 AS 2016

Permohonan untuk peletakhakkan statutori aset kepada Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 557 AS 2016 pula telah mencatatkan kenaikan sebanyak 187.93% iaitu daripada 58 permohonan pada tahun 2019 kepada 167 permohonan pada tahun 2020.

## Seksyen 558 AS 2016

Seterusnya, SSM juga menerima enam (6) permohonan untuk pembelian aset yang terletakhak pada Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 558 AS 2016 sepanjang tahun 2020 berbanding empat (4) permohonan pada tahun 2019 dengan mencatat kenaikan sebanyak 50%.

## Impak dan Kesan

Peningkatan jumlah permohonan bagi pengurusan aset syarikat bubar pada tahun 2020 menunjukkan terdapat kesedaran dalam kalangan pihak-pihak berkepentingan mengenai peruntukan AS 2016 berhubung pengurusan aset syarikat berstatus bubar.

## Pengurusan Aset Syarikat Bubar

Jumlah permohonan yang diterima adalah seperti di bawah:

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan kepada Pendaftar untuk menjadi wakil syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016 | 52 | 39 | 45 |
| Permohonan peletakhakkan aset kepada Pendaftar di bawah seksyen 557 AS 2016 | 167 | 58 | 35 |
| Permohonan pembelian aset syarikat bubar yang terletakhak kepada Pendaftar di bawah seksyen 558 AS 2016 | 6 | 4 | 7 |
| **JUMLAH** | **225** | **101** | **87** |

## Mekanisme Penyelamat Korporat

SSM telah menguatkuasakan Bahagian III, Penggal 8, Subbahagian 1 & 2 AS 2016 yang berkaitan dengan Mekanisme Penyelamatan Korporat CRM yang terdiri daripada Perkiraan Sukarela Korporat CVA dan Pengurusan Kehakiman JM pada 1 Mac 2018. CVA dan JM membolehkan syarikat yang berdepan dengan masalah kewangan atau *insolvent* direhabilitasikan atau untuk mencapai suatu persetujuan penyelesaian hutang secara keseluruhan atau sebahagiannya seperti penjadualan semula hutang piutang.

CVA adalah suatu proses penstrukturan semula hutang syarikat tanpa memerlukan persetujuan Mahkamah. Manakala JM pula adalah suatu proses penyusunan semula hutang syarikat yang dikendalikan pengurus kehakiman yang dilantik oleh Mahkamah. Walau bagaimanapun, JM memerlukan pengawasan sepenuhnya oleh Mahkamah. Sejak CRM dikuatkuasakan sehingga Disember 2020, sebanyak lima (5) permohonan telah difailkan di Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah CVA. Daripada jumlah itu, tiga (3) permohonan telah dibuat pada tahun 2018 dan satu (1) permohonan masing-masing pada tahun 2019 dan 2020.

Daripada kesemua permohonan yang telah dibuat, sebanyak tiga (3) cadangan penstrukturan hutang telah diluluskan dan dua (2) tidak diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham syarikat. Untuk pengurusan kehakiman, sebanyak 36 buah syarikat telah memfailkan permohonan ke Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah pengurus kehakiman pada tahun 2020 di mana sebanyak 11 buah syarikat telah mendapat perintah pengurusan kehakiman daripada Mahkamah. Sementara itu, empat (4) buah syarikat telah dilepaskan daripada pengurusan kehakiman.

## Pengurusan Kehakiman

Jumlah permohonan yang diterima adalah seperti di bawah:

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan Pengurusan Kehakiman di Mahkamah | 36 | 9 | 16 |
| Perintah Pengurusan Kehakiman diberikan *(Application Granted)* | 11 | 4 | 5 |
| Perintah Pengurusan Kehakiman dilepaskan *(Discharged Order)* | 4 | 4 | 2 |

## Perkiraan Sukarela Korporat

Jumlah permohonan yang diterima adalah seperti di bawah:

| PERMOHONAN | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Permohonan Perkiraan Sukarela Korporat | 1 | 1 | 3 |
| Cadangan Penstrukturan diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham | 1 | 1 | 2 |
| Cadangan Penstrukturan tidak diluluskan oleh pemiutang dan pemegang saham | - | - | 1 |

## Pencapaian Piagam Pelanggan Perniagaan (Perkhidmatan Kaunter)

Pencapaian piagam pelanggan adalah seperti di bawah:

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | 1 Jam | 99.91 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1) | 15 Minit | 98.04 |
| Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B) | 1 Jam | 98.73 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | 15 Minit | 99.47 |

## Pencapaian Piagam Pelanggan Perniagaan (EzBiz *Online*)

Pencapaian piagam pelanggan adalah seperti di bawah:

| BORANG | PERATUSAN (%) |
|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | 78.00 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1) | 100.00 |
| Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B) | 87.00 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | 93.00 |

Terdapat peningkatan mendadak pada jumlah permohonan melalui EzBiz *Online* berikutan pelanggan tidak dapat hadir ke Pejabat SSM dalam tempoh PKP. Dalam tempoh PKP, piagam pelanggan telah dipinda dari tempoh satu (1) hari bekerja kepada tiga (3) hari bekerja.

## Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan

Jumlah transaksi yang diterima adalah seperti di bawah:

| TRANSAKSI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | 1,587 | 1,808 | 1,801 |
| Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan (Borang A1) | 4,586 | 11,150 | 17,570 |
| Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B) | 8,813 | 14,423 | 9,781 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | 1,388 | 2,328 | 1,929 |

## Kaunter Perkhidmatan Pendaftaran Syarikat

Statistik penerimaan dokumen berkanun syarikat dengan bayaran dan tanpa bayaran dipaparkan pada rajah di bawah.

**Penerimaan Dokumen Melalui Pengurusan Khidmat Pelanggan**




| TRANSAKSI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Dokumen dengan bayaran | 259,344 | 306,375 | 537,741 |
| Dokumen tanpa bayaran | 115,840 | 173,428 | 143,627 |

## Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (Skim 1P1P)

Sehingga Disember 2020, seramai 65,663 pelajar IPT telah mendaftar perniagaan di bawah Skim 1P1P.

## Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP)

SSM telah melancarkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dengan memperluaskan insentif di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (S1P1P) kepada golongan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 yang berkuatkuasa pada 22 Disember 2020. Pelancaran ini adalah lanjutan daripada pengumuman yang dibuat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi di sidang Dewan Rakyat pada 15 Disember 2020.

Inisiatif ini akan membolehkan golongan usahawan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 termasuk pelajar sepenuh masa (IPTA/IPTS, Politeknik, Kolej, Institut Kemahiran dan Pusat Kemahiran di dalam negara) mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tanpa dikenakan fi untuk pendaftaran baharu dan maklumat perniagaan.

SPPP diperkenalkan dengan tujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan dari golongan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan, menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan seharian seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan dan ekonomi negara. SPPP ini diberikan untuk satu (1) kali permohonan bagi tempoh perniagaan selama satu (1) tahun sepanjang pelaksanaan skim ini dijalankan.

Inisiatif ini akan membolehkan golongan usahawan memperolehi akses kepada pelbagai dana dan pinjaman bagi kelangsungan operasi perniagaan mereka dalam suasana sukar dan mencabar berikutan penularan pandemik COVID-19. SPPP ini telah dilancarkan oleh YB Menteri KPDNHEP pada 23 Disember 2020 semasa pelancaran Program Jualan Kembali Ke Sekolah yang telah diadakan di bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Putrajaya.

## Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1OKU1P)

Skim ini mula diperkenalkan pada 23 Oktober 2012 dikenali sebagai Insentif OKU 2012 dan telah dijenamakan kepada S1OKU1P pada 5 Januari 2017. Skim ini bertujuan memberi fokus serta galakan kepada golongan istimewa untuk menyertai bidang perniagaan secara sah di sisi undang-undang dan seterusnya mempertingkatkan ekonomi melalui aktiviti perniagaan.

Permohonan pendaftaran baharu dan pembaharuan tahunan adalah terhad kepada satu (1) perniagaan sahaja. Statistik sehingga 31 Disember 2020 menunjukkan sebanyak 12,603 pendaftaran telah diterima dengan sejumlah 2,128 permohonan S1OKU1P didaftarkan sepanjang tahun 2020.

## Kaunter Perkhidmatan SSM Di KPDNHEP Putrajaya

Jumlah transaksi yang diterima adalah seperti di bawah:

| 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| 23,987 (Kaunter)<br>7,499 (EzBiz OTC) | 30,801 (Kaunter)<br>24,468 (EzBiz OTC) | 46,957 (Kaunter)<br>21,131 (EzBiz OTC) |

## Pusat Transformasi Bandar (Kuala Lumpur, Perlis & Melaka)

Jumlah transaksi yang diterima adalah seperti di bawah:

| UTC | 2020 | | 2019 | | 2018 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | SYARIKAT | PERNIAGAAN | SYARIKAT | PERNIAGAAN | SYARIKAT | PERNIAGAAN |
| Kuala Lumpur | - | 80,804 | - | 183,903 | - | 190,018 |
| Melaka | - | 4,922 | - | 22,237 | - | 17,125 |
| Perlis | 696 | 21,495 | 886 | 14,412 | 1,221 | 27,773 |

## SSM e-Info

Jumlah transaksi yang diterima adalah seperti di bawah:

| 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| 2,164,924 | 1,971,389 | 1,821,182 |

## MyDATA-SSM

Jumlah transaksi yang diterima adalah seperti di bawah:

| 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| 2,132,904 | 1,900,795 | 1,306,978 |

## Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (CBID)

Jumlah permohonan yang diterima adalah seperti di bawah:

| 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| 170 | 154 | 89 |

Pada 10 Oktober 2020, SSM telah menambah baik pakej penawaran CBID yang dikenali sebagai CBID-X. Terdapat dua (2) pakej yang ditawarkan iaitu:

**(a) Pakej CBID *Add-On***

- Pakej ini menawarkan pembelian data mengikut keperluan dan bajet sedia ada.



(b) **Pakej CBID *Ala Carte***

- Setiap pembelian satu (1) skema data dikenakan bayaran RM1.00.




## Jumlah Transaksi EzBiz Kiosk

Jumlah transaksi yang diterima adalah seperti di bawah:

| PEMBAYARAN KOMPAUN | PEMBAHARUAN PERNIAGAAN | PEMBELIAN MAKLUMAT PERNIAGAAN |
|---|---|---|
| 45,306 | 216,844 | 187,165 |

Pada tahun 2020, EzBiz Kiosk telah diselaraskan kepada bukan tunai sahaja seperti kad debit, kad kredit dan e-wallet. Ini bagi memberikan variasi pilihan kepada pelanggan.

## EzBiz *Online*

EzBiz *Online* adalah perkhidmatan pendaftaran perniagaan dalam talian yang disediakan oleh SSM untuk membolehkan pelbagai transaksi di bawah APP 1956. EzBiz *Online* kini telah menyediakan perkhidmatan seperti berikut:

(a) Pendaftaran perniagaan baharu;

(b) Perubahan maklumat perniagaan;
- Alamat utama perniagaan
- Jenis perniagaan
- Maklumat cawangan
- Maklumat pemilik dan rakan kongsi.

(c) Pembaharuan perniagaan bagi perniagaan yang tempoh pembaharuan sebelum atau dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh luput;

(d) Penamatan perniagaan bagi perniagaan yang aktif; dan

(e) Perkhidmatan semakan kompaun untuk melihat kompaun yang belum dijelaskan dan pembayaran kompaun secara dalam talian.

## Jumlah Pendaftaran Pengguna EzBiz *Online*

Jumlah pendaftaran yang diterima adalah seperti di bawah:

| AKTIVITI | 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran Pengguna | 491,741 | 471,912 | 433,880 |

## SSM BizTrust

Pada 20 November 2020, SSM telah mengumumkan pelaksanaan pelanjutan tempoh pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021 sebagai usaha membantu mengurangkan beban komuniti perniagaan dalam talian dan menggalakkan pertumbuhan sektor e-Dagang di Malaysia.

Statistik sehingga 31 Disember 2020 menunjukkan sebanyak 4,410 entiti perniagaan dalam talian yang telah berdaftar dengan SSM BizTrust, dengan sejumlah 858 pendaftaran baharu direkodkan sepanjang tahun ini.

| TAHAP | 2020 | 2019 | 2018 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 783 | 592 | 1,828 | 4,119 |
| 2 | 8 | 11 | 13 | 52 |
| 3 | 67 | 45 | 75 | 239 |
| **KESELURUHAN** | **858** | **648** | **1,916** | **4,410** |

## Khidmat Nasihat Perniagaan

Jumlah enkuiri diterima adalah seperti di bawah:

| 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| 141 | 42 | 4 |

## Integrasi Secara Dalam Talian

Jumlah integrasi baharu dalam talian adalah seperti di bawah:

| 2020 | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| 10 | 5 | 4 |

# Pusat Panggilan SSM

Bagi tahun 2020, Pusat Panggilan SSM telah mencatatkan sejumlah 310,641 panggilan masuk berbanding 186,194 panggilan masuk pada tahun sebelumnya. Manakala jumlah e-mel yang diterima mencatatkan peningkatan sebanyak 38.85% kepada 128,087 e-mel berbanding hanya 92,244 e-mel pada tahun 2019. Secara purata, SSM menerima sebanyak 25,886 panggilan telefon sebulan (61.8% lebih tinggi berbanding tahun lalu) daripada pelanggan.

## Jumlah Panggilan Masuk

| TAHUN | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | JUMLAH TAHUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2020** | 16,758 | 20,617 | 13,442 | NA | 20,481 | 28,511 | 33,115 | 31,347 | 34,990 | 41,011 | 33,904 | 36,465 | 310,641 |
| **2019** | 17,421 | 12,751 | 17,916 | 18,806 | 14,256 | 10,994 | 15,035 | 14,904 | 13,272 | 19,172 | 16,408 | 15,259 | 186,194 |

## Jumlah E-mel Diterima

| TAHUN | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | JUMLAH TAHUNAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2020** | 9,340 | 9,347 | 6,059 | 1,303 | 16,189 | 6,400 | 13,855 | 9,412 | 13,249 | 14,900 | 13,842 | 14,191 | 128,087 |
| **2019** | 6,211 | 4,345 | 7,394 | 9,241 | 7,687 | 6,848 | 8,795 | 8,561 | 7,376 | 8,944 | 8,850 | 7,992 | 92,244 |

# Inkubator

Permohonan pendaftaran perniagaan melalui Inkubator untuk penduduk negeri Sarawak telah direalisasikan menerusi EzBiz *Online* portal bermula 1 Disember 2016. Proses pendaftaran adalah sama dengan pendaftaran perniagaan melalui EzBiz *Online* cuma terdapat bayaran bagi Perjanjian Penyewaan yang dikenakan kepada pengguna yang bersetuju menggunakan perkhidmatan inkubator dan setiap perniagaan yang berdaftar melalui inkubator mestilah menggunakan alamat utama perniagaan seperti berikut:

**UNIT T01-U07**
**NO. 5, JALAN P16, PRESINT 16**
**62150 PUTRAJAYA**

Sehingga Disember 2020, sebanyak 844 perniagaan telah didaftarkan menggunakan perkhidmatan inkubator di mana 414 berstatus aktif, 409 berstatus luput dan 21 perniagaan telah ditamatkan.

# Pembekalan Maklumat Korporat Secara Dalam Talian Kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan (KJAKP)

Pelaksanaan bekalan maklumat secara dalam talian kepada Kementerian Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan (KJAKP) merupakan satu inisiatif inovasi bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada KJAKP dengan memanfaatkan keupayaan teknologi sedia ada dan dibekalkan secara dalam talian.

Pembekalan maklumat secara dalam talian kepada KJAKP telah pun dikuatkuasakan pada 25 September 2018 di seluruh negara bagi menggantikan pembekalan maklumat secara manual di kaunter. Pakej yang ditawarkan adalah seperti berikut:




Pihak KJAKP boleh memilih pakej-pakej yang ditawarkan mengikut kesesuaian dan fungsi yang dijalankan oleh KJAKP. Kelebihan pembekalan maklumat secara dalam talian kepada KJAKP adalah seperti berikut:

- Carian boleh dibuat 24/7
- Penjimatan kos dari segi masa, tenaga dan wang
- Tiada kesesakan di kaunter
- Menjaga integriti dan kerahsiaan dokumen

Statistik pendaftaran pengguna portal KJAKP yang telah diluluskan sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak 1,121 pengguna di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Bagi kategori Agensi pula, sebanyak 639 agensi yang telah berdaftar sebagai pengguna portal ini dengan 175,398 transaksi direkodkan.

# Penglibatan SSM Dalam Projek MalaysiaBiz

Portal Informasi Pendaftaran dan Perlesenan Perniagaan Setempat atau lebih dikenali sebagai Portal MalaysiaBiz telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2016 dan diperluaskan horizon pelaksanaannya ke negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 2017.

Pelaksanaan Program Berimpak Tinggi 1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP 1) telah memasuki fasa integrasi dan Portal MalaysiaBiz dinaik taraf bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan pendaftaran dan perlesenan perniagaan dalam talian. Fasa pertama integrasi melibatkan integrasi bersama 17 sistem agensi yang dilaksanakan selama dua (2) tahun bermula dari 26 Disember 2017 sehingga 25 Disember 2019.

Portal Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Setempat

https://malaysiabiz.gov.my

**BADAN BERDAFTAR**

**PIHAK BERKUASA MELESEN**




https://malaysiabiz.gov.my

**KINI ANDA BOLEH MENDAFTAR DAN MEMOHON LESEN PERNIAGAAN SECARA DALAM TALIAN DI PORTAL MALAYSIABIZ**

## #JOMDAFTARSSM2020 dan Pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Records*

Pada 20 Februari 2020, SSM telah menganjurkan program khas yang dikenali sebagai #JOMDAFTARSSM2020. Objektif program ini adalah untuk mendaftarkan paling banyak usahawan baharu dalam satu (1) hari. Program ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada orang ramai bahawa dengan mendaftar perniagaan, mereka boleh menikmati pelbagai manfaat dan insentif yang ditawarkan oleh kerajaan. Hal ini adalah selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam membangunkan ekosistem perniagaan dan industri yang holistik di Malaysia.

SSM melalui penganjuran program #JOMDAFTARSSM2020 telah meletakkan sasaran untuk pendaftaran perniagaan baharu dalam tempoh satu hari sebanyak 2,020 pendaftaran. Hasilnya, program #JOMDAFTARSSM2020 telah berjaya mencatatkan sebanyak 2,705 pendaftaran perniagaan baharu yang merupakan pendaftaran tertinggi pernah dicatatkan oleh SSM dalam tempoh satu (1) hari. Purata pendaftaran perniagaan harian di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,100 pendaftaran sahaja. Rekod ini sekaligus melayakkan SSM mendapatkan pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* sebagai agensi pertama mencipta rekod pendaftaran perniagaan terbanyak di negara ini.











Program #JOMDAFTARSSM2020 telah diadakan pada 20 Februari 2020 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur

# Pengurusan Arkitek Enterprise

Inisiatif untuk membangunkan repositori terpusat untuk data pendaftaran telah diperoleh pada tahun 2019. Repositori data pendaftaran terpusat ini juga dikenali sebagai projek Pangkalan Data Tunggal (PDT) yang diterajui oleh Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise (SPAE). Anggota pasukan PDT dipilih dari pelbagai Bahagian di SSM berdasarkan kepada kepakaran dan pengetahuan mereka dalam bidang masing-masing.

Objektif utama projek ini adalah sebagai pembuktian terhadap kapasiti sumber dan infrastruktur teknologi sedia ada selain daripada pembuktian terhadap peningkatan tahap kecekapan operasi seperti berikut:

- Penetapan konsep asas reka bentuk pembangunan sistem dan *database* yang boleh diguna pakai bagi tujuan pembangunan *Corporate Registry System* (CRS) secara bersepadu;
- Penghasilan sistem bersepadu yang merangkumi syarikat, perniagaan dan perkongsian;
- Penetapan reka bentuk sistem secara modular dan seragam ke atas keseluruhan pendaftaran entiti korporat SSM;
- Kemampuan SDB di dalam menyokong aktiviti perkongsian data SSM; dan
- Kemampuan SDB untuk menyokong pengoperasian aplikasi secara berpusat bersekali dengan penganalisaan informasi yang lebih menyeluruh dan tepat.

SSM telah menubuhkan *war room* selama dua (2) bulan dari 11 Disember 2019 hingga 14 Februari 2020 untuk pelaksanaan projek PDT ini. Prototaip pertama untuk Pencarian Nama berjaya dibentangkan melalui aplikasi web carian satu nama pada 30 Januari 2020. Prototaip kedua berkaitan unjuran kemampuan PDT dalam melakukan pencarian terpusat untuk Maklumat Pendaftaran Korporat dan Penglibatan Peribadi berlangsung pada 14 Februari 2020. Untuk memastikan konsep PDT difahami dan dilaksanakan dengan sewajarnya, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan pada 7 Julai 2020 untuk menetapkan garis panduan pelaksanaan PDT.



Sesi Business Process Re-Engineering bersama SME dan BTMK



Sesi Pembentangan Pertama Prototaip PDT

## Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ)

SSM meneruskan komitmen dalam pertumbuhan bakat di Malaysia dengan menyokong inisiatif Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ). PROTÉGÉ bertujuan untuk melengkapkan graduan dengan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dalam dunia korporat. Seramai 40 orang peserta telah melapor diri pada 3 Februari 2020. Program selama 1 tahun ini menggabungkan latihan kemahiran insaniah yang intensif dan latihan di tempat kerja (*on-the-job training*). Latihan ini buat julung kalinya telah dilaksanakan dengan jayanya secara maya pada 7 Julai 2020 hingga 25 Ogos 2020 iaitu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.





## Perhimpunan Awal Tahun 2020

Majlis Perhimpunan ini telah diadakan pada 17 Februari 2020 yang dianjurkan oleh Bahagian Strategi & Komunikasi Korporat, Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan, Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan dan Seksyen Integriti & Disiplin.





## Majlis Makan Tengahari Tahun Baru Cina





Majlis ini telah diadakan pada 24 Februari 2020 di Menara SSM@Sentral.

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019








Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 telah diadakan pada 12 Mac 2020 di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat dan dirasmikan oleh YBrs. Dr. Azman Hussin. Majlis ini merupakan anjuran bersama Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

## Perutusan Khas Aidilfitri

Perutusan Maya Khas Aidilfitri kepada semua pekerja SSM di seluruh negara telah diadakan pada 18 Jun 2020 oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM. SSM juga telah menyampaikan cenderahati Aidilfitri “RayaKita” kepada semua pekerja sebagai tanda penghargaan daripada pihak Pengurusan.





## Majlis Jasamu Dikenang




Majlis Jasamu Dikenang untuk YBrs. Dr. Azman Hussin telah diadakan pada 23 Julai 2020 di Hotel Hilton Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Pengerusi SSM, Anggota Suruhanjaya dan pekerja SSM. Majlis ini diadakan sebagai penghargaan kepada YBrs. Dr. Azman Hussin di atas sumbangan dan perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

## Majlis Perhimpunan Kemerdekaan



Majlis Perhimpunan sempena Kemerdekaan Malaysia yang ke-63 telah diadakan pada 28 Ogos 2020 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral.

## Ujian Saringan COVID-19





SSM dengan kerjasama pihak Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad telah mengadakan ujian saringan COVID-19 di Menara SSM@Sentral pada 26 Oktober 2020. Seramai 210 orang pekerja SSM telah melakukan ujian saringan COVID-19 ini. Perkhidmatan ujian saringan COVID-19 ini telah diadakan kali kedua pada 4 November 2020 di Menara SSM@Sentral. Seramai 187 orang pekerja SSM telah melakukan ujian saringan COVID-19 bagi sesi ini.

## Perutusan Khas Pengerusi SSM





Perutusan Khas secara maya telah diadakan secara langsung pada 3 Disember 2020 di Menara SSM@Sentral bersama YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Pengerusi SSM dan YBrs. Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkenaan bantuan khas COVID-19.

## Skim Kenaikan Pangkat Bukan Eksekutif

SSM telah memperkenalkan Skim Kenaikan Pangkat Bukan Eksekutif (KPBE) kepada pekerja yang berkelayakan. Objektif pengenalan skim ini adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pekerja SSM sedia ada. Selain itu, SSM memberi peluang kepada pekerja yang telah lama berkhidmat untuk ditawarkan kenaikan pangkat ke jawatan Eksekutif (Gred 50). Sebanyak 108 permohonan telah diterima dan seramai 72 pekerja telah melepasi tapisan yang ditetapkan. Pemilihan telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilihan yang diwakili oleh pekerja dari pelbagai Bahagian dan Seksyen.

## SSM Hackathon 1.0




21 Februari 2020 (Jumaat)

8.00 am hingga 11.00 pm

Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah,
Bilik Enggang dan foyer Tingkat 10
Menara SSM@Sentral

**Penganjuran Program**

Seksyen Strategi Korporat (SSK) dengan kerjasama Bahagian Modal Insan, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Bahagian Pentadbiran & Fasiliti telah berjaya melaksanakan program julung kali yang diadakan iaitu SSM Hackathon 1.0.

**Penyertaan Program**

Program SSM Hackathon 1.0 ini hanya melibatkan warga kerja di Ibu Pejabat SSM yang terdiri daripada pekerja sokongan sehinggalah kepada pihak Pengurusan Tertinggi SSM dengan penyertaan seramai 261 orang.

***Idea Pitching***

SSK telah mengumpul idea atau penyataan masalah yang diterima daripada Bahagian / Seksyen di mana idea yang diterima adalah berkaitan dengan SSM *Transformation Plan* (SSMTP, Teras Strategik dan Nilai Korporat. Kesemua idea telah disaring dengan berpandukan kriteria mengikut 'Value Propositions" (VP) SSM).




**Pembahagian Kumpulan**

Peserta program SSM Hackathon 1.0 ini telah dibahagikan kepada 28 kumpulan untuk membincangkan 47 idea dan telah membentangkan idea yang telah dibincangkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**Idea SSM Hackathon 1.0**

Kesemua cadangan idea tersebut sebahagiannya dijadikan sebagai KPI bahagian / seksyen dan sebahagian lagi dijadikan depositori idea SSM untuk dikembangkan sebagai inovasi.

## Program SSM Hackathon 1.0











## Kajian Separuh Penggal SDP III (2017-2021)

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL**
***SSM's STRATEGIC DIRECTION PLAN III (SDP)***

Tempoh Masa Asal
**2017-2021**

Tempoh masa lanjutan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya
**2023**

Kesinambungan daripada **Suruhanjaya Syarikat Malaysia *Transformation Program Blueprint*** (SSMTP Blueprint)

**66** Projek
**314** Aktiviti utama
berlandaskan lima (5) Teras Strategik

**TERAS STRATEGIK SSM**

- Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses
- Menggunakan Platform Teknologi Agil
- Memupuk Budaya Kerja Cemerlang
- Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Dipercayai
- Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

**RINGKASAN STATUS BAGI 314 AKTIVITI UTAMA**




- *Completed*
- *On-going*
- *Under* Hala Tuju
- *Completed (operationalized)*
- Cadangan projek untuk digugurkan
- *Not Started*

Hasil Kajian Separuh Penggal SDP telah diluluskan oleh pengurusan pada Disember 2020

## Pelan Strategik Pelaksanaan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (RUU HAKB)

Ringkasan latar belakang RUU HAKB adalah seperti dalam gambar rajah berikut:

### LATAR BELAKANG

### RANG UNDANG-UNDANG HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR (RUU HAKB)

**2015**

**Kedudukan Getting Credit**

Kedudukan Malaysia dalam penunjuk *"Getting Credit"* menurun daripada tangga pertama ke tangga 23 di dalam Laporan *"Ease of Doing Business"* Bank Dunia

**Jun 2015**

**PEMUDAH**

Mesyuarat Kumpulan Fokus PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas untuk Memudahkan Perniagaan) "Getting Credit' telah diadakan pada 16 Jun 2015 di mana SSM dan Bank Negara telah diminta untuk membuat satu kajian awal

**2016**

**Fungsi Pendaftaran**

Kajian telah dibentangkan di dalam Mesyuarat PEMUDAH. PEMUDAH telah mencadangkan agar SSM menjalankan fungsi sebagai pendaftar cagaran berdasarkan kerangka yang dicadangkan

**Sept 2017**

**Dokumen Perundingan**

SSM telah menerbitkan Dokumen Perundingan mengenai Pengenalan Undang-Undang Pendaftaran Sekuriti Harta Peribadi di Malaysia pada 8 September 2017.

**Dis 2017**

**Jawatankuasa Khas**

Laporan akhir telah disediakan selepas proses perundingan tersebut selesai dan dibentangkan kepada Pengurusan Eksekutif SSM pada 22 Disember 2017.

**Jawatankuasa Khas** telah ditubuhkan yang dianggotai oleh wakil daripada pelbagai Kementerian, Agensi dan Organisasi yang berkenaan.

**2018**

**Sesi Konsultasi**

- Sebanyak **enam (6)** sesi perundingan berkenaan Laporan Interim telah berlangsung dari bulan Mac hingga Oktober 2018 bertujuan untuk membuat penilaian dan mempertimbangkan kesemua cadangan yang dicadangkan.
- Undang-undang Pendaftaran Sekuriti Harta Peribadi telah diubah menjadi Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar pada 23 April 2018.

**Dis 2018**

**Laporan Akhir**

Pada 23 Disember 2018, Jawatankuasa Kerja telah memuktamadkan Laporan Akhir yang mengenal pasti 23 Cadangan yang mencerminkan keperluan, amalan dan operasi komuniti perniagaan di Malaysia.

Pengurusan Eksekutif SSM merasakan terdapat keperluan untuk mewujudkan pelan strategik yang komprehensif bagi melaksanakan pengoperasian RUU HAKB. Garis masa pelaksanaan RUU HAKB bermula pada **Oktober 2020 sehingga Mac 2023.**

Pelan strategi ini mempunyai 6 tonggak pelaksanaan atau *Implementation Pillar* (IP) iaitu:

**IP1: *LEGAL FRAMEWORK***
Memuktamadkan RUU HAKB termasuk peraturan dan garis panduan, nota penjelasan (explanatory notes), MJM dan mengambil bahagian secara berkala dalam pelbagai mesyuarat dan bengkel bersama pihak berkepentingan seperti yang diperlukan

**IP 2: *Institutional Set-Up: PEOPLE***
Memastikan keperluan institusi dari segi tenaga kerja dan infrastruktur tersedia bagi pengoperasian fungsi pendaftaran RUU HAKB.

**IP 3: *Institutional Set-Up: SYSTEM DEVELOPMENT***
Memastikan keperluan institusi dari segi pembangunan sistem pendaftaran tersedia bagi pengoperasian fungsi pendaftaran RUU HAKB.

**IP4: *Capacity Building: INTERNAL***
Mengendalikan bengkel latihan dan peningkatan kesedaran kepada warga kerja SSM mengenai RUU HAKB bagi melahirkan *subject matter expert* (SME) dalam kalangan warga kerja SSM.

**IP 5: *Capacity Building: EXTERNAL***
Mengadakan bengkel latihan berkaitan penggunaan sistem pendaftaran HAKB dan peningkatan kesedaran kepada pihak berkepentingan awam dan swasta (termasuk yang terlibat dengan Kehakiman) mengenai RUU HAKB

**IP 6: *ENTERPRISE RISK MANAGEMENT***
Menetapkan Petunjuk Risiko Utama (KRI) yang dapat diukur dan dipantau agar tindakan pencegahan awal dapat dilaksanakan sekiranya perlu.

Ringkasan pelan tindakan bagi setiap IP adalah seperti berikut:

***LEGAL FRAMEWORK***
**Objektif:**
RUU dibentangkan & diluluskan oleh Parlimen (Sasaran: April 2022)
**7 Pelan Tindakan**

***Institutional Set-Up: PEOPLE***
**Objektif:**
Penubuhan Seksyen baharu yang akan menguruskan pendaftaran
**7 Pelan Tindakan**

***Institutional Set-Up: SYSTEM DEVELOPMENT***
**Objektif:**
Penubuhan pendaftaran HAKB
**12 Pelan Tindakan**

***Capacity Building: INTERNAL***
**Objektif:**
Memberikan kesedaran dan melahirkan SME berhubung HAKB kepada warga kerja SSM
**6 Pelan Tindakan**

***Capacity Building: EXTERNAL***
**Objektif:**
Mempromosikan pelaksanaan RUU HAKB kepada orang awam
**5 Pelan Tindakan**

***ENTERPRISE RISK MANAGEMENT***
**Objektif:**
Untuk memastikan SSM dapat mengenal pasti tanda-tanda amaran dan potensi risiko yang dapat mempengaruhi pelaksanaan HAKB
**6 Pelan Tindakan**

## Sesi Brainstorming KPI SSM 2021

Pada 24 hingga 26 Ogos 2020, SSM telah mengadakan Sesi *Brainstorming* KPI SSM 2021 yang telah diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan bagi merangka petunjuk prestasi utama (KPI) SSM bagi tahun 2021.









# Penyertaan SSM di Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna 2020

Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP adalah program tahunan yang telah ditetapkan di dalam Pelan Tindakan Inovasi KPDNHEP 2018 - 2020. Selain itu, program ini juga merupakan agenda tahunan KPDNHEP dalam menggalakkan dan menginstitusikan budaya inovasi di peringkat Kementerian dan Agensi-Agensi di bawahnya.

SSM telah menerima jemputan daripada KPDNHEP untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi melalui surat jemputan bertarikh 20 Ogos 2020. Pihak pengurusan SSM telah mencalonkan Projek *e-Secretary* untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2020. Projek ini merupakan kolaborasi Bahagian Pematuhan Korporat dengan Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Memandangkan pembangunan projek ini menggunakan kepakaran warga SSM, pihak pengurusan berpendapat projek ini mempunyai peluang yang baik untuk mendapat tempat di Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP.

Pertandingan Anugerah Inovasi KPDNHEP telah berlangsung secara dalam talian iaitu melalui aplikasi *Google Meet* pada 17 Disember 2020. KPDNHEP Kelantan, KPDNHEP Sabah dan MyIPO juga menyertai pertandingan ini.









# Inisiatif dan Hebahan Berkaitan Pandemik COVID-19

Penularan pandemik COVID-19 yang berlaku sejak awal tahun 2020 telah memberi kesan kepada sektor ekonomi. Bagi meneruskan operasi harian, SSM perlu memastikan tempat kerja sentiasa dalam keadaan selamat dan tanpa risiko jangkitan COVID-19 kepada pekerja dan orang awam yang berurusan di SSM.

Bermula pertengahan April 2020, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan SSM telah membuat rujukan serta kajian dengan pelbagai jabatan mengenai prosedur atau kaedah dalam menangani penularan wabak COVID-19 di dalam komuniti SSM. Inisiatif dan aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

| PERSPEKTIF | TINDAKAN |
|---|---|
| Pelanggan | ▪ Pengaktifan perkhidmatan dalam talian dibuat secara berperingkat mulai 28 Mac 2020.<br>▪ Kehadiran pelanggan melalui janji temu.<br>▪ Mengambil suhu badan setiap hari dan merekod kehadiran melalui aplikasi MySejahtera. |
| Pekerja | ▪ Memperkenalkan *google form* untuk mengetahui keberadaan pekerja.<br>▪ Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (BDR) dikeluarkan.<br>▪ Penggiliran bekerja dengan peratus kemasukan pada kadar 50% atau 30% mengikut arahan Kerajaan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).<br>▪ Membekalkan pelitup muka, *face shield* (bagi *frontliner*) serta *hand sanitizer.*<br>▪ Menyediakan Alat Pengimbas Suhu Badan Automatik di pintu masuk bangunan.<br>▪ Mengeluarkan notis hebahan terkini dan peringatan mingguan kepada pekerja.<br>▪ Memaklumkan kepada pekerja status pengesahan pekerja yang positif COVID-19 dan yang telah sembuh. |
| Bangunan | ▪ Menjalankan aktiviti sanitasi di bangunan Ibu Pejabat pada 14 Mac dan 18 Oktober 2020 serta mengulangi proses sanitasi di beberapa tingkat tertentu yang tercemar.<br>▪ Menjalankan proses sanitasi di Pejabat Negeri dan Cawangan. |
| Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 di SSM | ▪ Telah disediakan dan berkuatkuasa pada 12 Januari 2021.<br>▪ Prosedur ini telah diedarkan kepada semua warga SSM sebagai panduan dan rujukan. |
| Kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah | ▪ SSM telah bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dalam membuat pengesanan kontak rapat dalam kalangan pekerja SSM.<br>▪ SSM juga sentiasa berhubung dengan pegawai perubatan di PKD untuk mendapatkan nasihat dan pandangan bagi menangani penularan wabak COVID-19 di SSM. |

# Sanitasi Bangunan dan Pemasangan Alat Pengimbas Suhu Badan Automatik

SSM telah mengambil pendekatan drastik dalam pengamalan norma-norma baharu terhadap pekerja dan pelanggan yang hadir ke SSM dengan mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Inisiatif amalan norma-norma baharu yang telah dilaksanakan adalah:

**(a) Sanitasi Bangunan SSM Bagi Mengekang Penularan COVID-19**

SSM telah menjalankan kerja-kerja pembasmian kuman di bangunan Menara SSM@Sentral pada 12 Mac 2020 iaitu sebelum pelaksanaan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020. Berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara disebabkan peningkatan kes jangkitan di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya serta arahan Kerajaan untuk menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula pada 14 Oktober 2020, SSM sekali lagi telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi dan nyahkuman di bangunan Menara SSM@Sentral pada 17 Oktober 2020. Arahan kepada semua Pejabat Negeri dan Cawangan juga telah dikeluarkan untuk mengambil tindakan yang sama.

Selain itu, SSM juga telah mengambil tindakan sepertimana SOP daripada MKN dengan mengamalkan penjarakan fizikal melalui penandaan kawasan-kawasan seperti lif, kaunter, surau, tandas, kafeteria, bilik-bilik mesyuarat, bilik-bilik perbincangan, auditorium dan juga arahan kepada semua Pejabat Negeri dan Cawangan untuk mengambil tindakan yang sama.










Aktiviti Sanitasi di Menara SSM@Sentral

## (b) Pemasangan Alat Pengimbas Suhu Badan Automatik di Menara SSM@Sentral

Bagi mengurangkan risiko jangkitan, SSM telah melaksanakan inisiatif dan penambahbaikan ke atas fasiliti dan kemudahan kepada pekerja dan pelanggan SSM dengan menyediakan Pengimbas Suhu Badan Automatik untuk mengekang penularan pandemik COVID-19. Alat pengimbas suhu ini telah dipasang di kawasan lobi utama pintu masuk ke premis SSM bermula pada 17 September 2020.







Alat Pengimbas Suhu Badan Automatik di Lobi Menara SSM@Sentral

## Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SSM 2019-2023

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SSM adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah dilancarkan oleh mantan YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir bin Mohamad pada 29 Januari 2019. OACP SSM telah dilancarkan dengan rasminya pada 17 Disember 2019 oleh mantan KPE SSM, YBrs. Dr. Azman bin Hussin untuk menjadikan SSM bebas dan bersih dari gejala rasuah.

Terdapat empat (4) bidang keutamaan dalam OACP SSM iaitu Tadbir Urus Korporat, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam dan Penguatkuasaan Undang-Undang yang merangkumi 106 inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh Bahagian/ Seksyen Peneraju dalam tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2019 sehingga 2023. OACP SSM ini juga merupakan salah satu keperluan bagi memenuhi kriteria untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR).

## Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) SSM

SSM kini sedang membangunkan Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) SSM bagi mendapatkan pensijilan *Malaysian Standard* (MS) ISO 37001:2016 SPAR pada tahun 2021. Ini adalah selaras dengan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPDNHEP 2019-2023 di bawah Bidang Keutamaan Tadbir Urus Terbaik dan Berintegriti Tinggi, inisiatif 4.3.3.1 yang turut menetapkan supaya setiap agensi di bawah KPDNHEP perlu mendapatkan pensijilan dan memastikan pelaksanaan SPAR dalam tempoh masa Oktober 2019 - Disember 2023.

SPAR merupakan dokumen yang direka bentuk untuk membantu SSM mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap perlakuan rasuah. Sistem pengurusan ini juga bagi memastikan SSM mematuhi undang-undang antirasuah yang berkuatkuasa. SSM dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menganjurkan Taklimat Kesedaran Pelaksanaan SPAR seperti berikut:

| TARIKH | TEMPAT |
|---|---|
| 27 Februari 2020 | SSM Pahang |
| 28 Ogos 2020 | SSM Melaka |
| 9 September 2020 | SSM Terengganu |
| 22 September 2020 | Menara SSM@Sentral |
| 8 Oktober 2020 | Menara SSM@Sentral |

Program yang dianjurkan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:



Taklimat Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) oleh SIRIM STS Sdn Bhd kepada pegawai-pegawai SPAR yang dilantik oleh Ketua Jabatan.

24 Februari 2020
Menara SSM@Sentral
Kuala Lumpur



Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Liabiliti Korporat, seksyen 17A, ASPRM 2009 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

27 Februari 2020
SSM Pahang



Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

28 Februari 2020
SSM Pahang



Bengkel Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) dengan kerjasama SIRIM STS Sdn Bhd.

9-12 Mac 2020
Movenpick Hotel and Convention Centre, KLIA



Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Pengenalan seksyen 17A, ASPRM 2009 (Liabiliti Korporat) oleh SPRM melalui Program CTT.

20 Julai 2020
Menara SSM@Sentral
Kuala Lumpur



Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Liabiliti Korporat: Pengenalan seksyen 17A, ASPRM 2009 oleh SPRM melalui Program CTT.

11 Ogos 2020
SSM Sabah




Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Liabiliti Korporat: Pengenalan seksyen 17A, ASPRM 2009 oleh SPRM melalui Program CTT.

27 Ogos 2020
SSM Melaka



Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK.

28 Ogos 2020
SSM Melaka




Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Liabiliti Korporat: Pengenalan seksyen 17A, ASPRM 2009 oleh SPRM melalui Program CTT.

9 September 2020
SSM Terengganu




Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh AADK dan menjalankan ujian air kencing.

10 September 2020
SSM Terengganu



Kursus 'Kawalan Tatatertib Kepada Pegawai-Pegawai Penyelia SSM' dengan kerjasama DMHR Consultancy.

22 - 23 September 2020
Menara SSM@Sentral
Kuala Lumpur

## Terima Kasih Barisan Hadapan SSM Di Seluruh Negara!






















# INISIATIF PENGUATKUASAAN

## Pematuhan Korporat

Pada tahun 2020, SSM meneruskan fokus terhadap tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan dalam kalangan komuniti korporat. Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan seperti rajah berikut:

### STRATEGI PEMANTAUAN

**KADAR PEMATUHAN DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF**

Meningkatkan kadar pematuhan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan memastikan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan

**KUALITI DAN INTEGRITI PENYATA KEWANGAN**

Menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat dengan memberi penekanan kepada kualiti dan integriti Penyata Kewangan

**TADBIR URUS KORPORAT, AMALAN DAN TAHAP KOMPETENSI INTERMEDIARI KORPORAT**

Memastikan tadbir urus, amalan dan tahap kompetensi yang baik dalam kalangan intermediari korporat dengan memantau pematuhan setiausaha syarikat dan juruaudit terhadap perundangan, kaedah, kod etika dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat

## OBJEKTIF PEMANTAUAN

**MEMASTIKAN PEMATUHAN**
Memastikan pematuhan terhadap akta yang dikawal selia oleh SSM

**TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN**
Memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kesalahan undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM

**KELAYAKAN YANG SESUAI**
Memastikan pegawai-pegawai syarikat serta intermediari korporat mempunyai kelayakan dan kompetensi yang sesuai untuk mentadbir syarikat dengan telus dan bertanggungjawab

**MEMINIMUMKAN RISIKO**
Meminimum risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara

Usaha penguatkuasaan berterusan dengan sokongan dan kerjasama agensi berkaitan dan pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi penguatkuasaan telah memberikan hasil yang lebih bersinergi dan menjadikan pendekatan penguatkuasaan yang seimbang lebih bermakna dan efektif. Program kesedaran dan kerjasama strategik SSM sepanjang tahun 2020 adalah seperti dalam rajah berikut:

## LAWATAN STRATEGIK DAN KERJASAMA

Objektif lawatan strategik dan kerjasama yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 bagi mempelajari kaedah penguatkuasaan yang diamalkan oleh pihak agensi penguatkuasa luar dalam menguatkuasakan undang-undang yang ditadbir urus oleh agensi-agensi penguatkuasa tersebut.

Selain daripada itu, lawatan kerjasama ini dapat mengeratkan hubungan di antara agensi penguatkuasa yang lain

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh SSM sepanjang tahun 2020 ialah menjalankan lawatan pembelajaran strategik melibatkan SSM dengan Agensi-Agensi Penguatkuasa luar seperti Bank Negara Malaysia, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Siasatan dan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Penguatkuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan mempelajari kaedah penguatkuasaan yang diamalkan oleh pihak Agensi Penguatkuasa luar dalam menguatkuasakan undang-undang yang ditadbir urus oleh Agensi-Agensi Penguatkuasa tersebut.

Selain daripada itu, SSM juga telah menjalankan operasi bersepadu yang dikenali sebagai "OPS Niaga 5". "OPS Niaga 5" ini melibatkan SSM dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Penguatkuasa KPDNHEP, PDRM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara.

Tujuan operasi bersepadu "OPS Niaga 5" adalah bagi memantau tahap pematuhan para peniaga di Malaysia berhubung dengan Akta yang dikawal selia oleh SSM. Statistik "OPS Niaga 5" adalah seperti berikut:

## HASIL DARIPADA OPERASI BERSEPADU



## Inisiatif Baharu dan Pandemik COVID-19

SSM *Online Business Alert* (SSM OBA) adalah satu langkah proaktif dan inovatif oleh SSM melalui Bahagian Pematuhan Korporat untuk mewujudkan satu pautan khas dalam laman sesawang rasmi SSM bagi memaparkan senarai laman sesawang atau media sosial yang disyaki terlibat dalam penipuan perniagaan dalam talian berdasarkan kepada laporan aduan yang diterima. SSM OBA telah dilancarkan pada 29 Julai 2020 bagi membantu orang awam dengan memberi kesedaran awal supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti yang menjalankan perniagaan dalam talian secara tidak beretika. Sepanjang tempoh SSM OBA dilancarkan, sebanyak 13 entiti yang telah dikenal pasti dan telah dimuat naik ke dalam laman rasmi SSM. Senarai entiti yang terkini di dalam SSM OBA adalah seperti di bawah:

## Senarai *SSM Online Business Alert* (SSM OBA)

Berikut adalah senarai laman sesawang dan media sosial yang disyaki terlibat di dalam penipuan perniagaan dalam talian merujuk kepada maklumat dalam fail aduan yang diterima. Sila berwaspada semasa berurusan dengan entiti berkenaan:

| BIL | NAMA ENTITI | LINK URL / NO. AKAUN BANK | TARIKH DIPAPARKAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Beauty Trendy | https://www.facebook.com/mybeautytrendy/ | 22/07/2020 |
| 2. | Redgiants | http://redgiants.com.my/<br>https://www.facebook.com/redgiants.com.my/ | 22/07/2020 |
| 3. | Craftivity Clothing Enterprise | No. Akaun MayBank : 564397122899 | 22/07/2020 |
| 4. | Wellven Enterprise | No. Akaun CIMB : 8010107687 | 22/07/2020 |
| 5. | Heong Leong Software Enterprise | Melalui Laman Mudah.my | 22/07/2020 |
| 6. | Paris Lovy Risha | No. Akaun Maybank : 560278011041 | 22/07/2020 |
| 7. | Dm.Motorspart | https://www.instagram.com/dm.motorparts/ | 22/07/2020 |
| 8. | Ubid Net Enterprise | https://www.facebook.com/Ubet918-2349932328569048/?ref=page_internal | 22/07/2020 |
| 9. | Mobile Accessories | https://www.facebook.com/S.MAccessoriesMY/photos/?tab=album&album_id=286120998806647 | 22/07/2020 |
| 10. | Cik Puan | No. Akaun BSN : 02995-29-000176452 | 10/08/2020 |
| 11. | Jintara Success Trading (002995911-P) | No. Akaun Maybank : 564481414722 | 08/09/2020 |
| 12. | Yr Sathis Enterprise (002545800-W) | No. Akaun Maybank : 51231662013400 | 08/09/2020 |
| 13. | P&P Marketing | No. Akaun CIMB : 8603864890 | 07/12/2020 |
| 14. | Photographer Wanita | https://www.facebook.com/glitterlifephotography/?ref=page_internal | 03/02/2021 |
| 15. | City Technology | https://www.instagram.com/fhonesaller/ | 03/02/2021 |
| 16. | Extraordinary Unicorn | No. Akaun Maybank : 151101315437 | 27/04/2021 |
| 17. | JG Fashion House | No. Akaun Maybank : 551146531814 | 27/04/2021 |
| 18. | MCT Software Trading | No. Akaun Ambank : 8881030732461 | 27/04/2021 |
| 19. | LaptopProduct | https://www.facebook.com/LapTopProduct/?ref=page_internal<br>No. Akaun CIMB : 7071179773 | 21/09/2021 |

Sekiranya mana-mana entiti ingin memohon nama untuk dikeluarkan daripada senarai ini boleh membuat permohonan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui e-mel : aduan@ssm.com.my untuk pertimbangan.

## Aktiviti Pemeriksaan dan Pemantauan

Sepanjang tahun 2020, SSM meneruskan pemeriksaan fizikal dan data ke atas 510,984 syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad (PLT). Skop pemeriksaan adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKOP PEMANTAUAN | JUMLAH PEMERIKSAAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2020 | 2019 | 2018 |
| Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan di dalam pangkalan data SSM (pemantauan data) | • Status serah simpan Penyata Tahunan berdasarkan peruntukan seksyen 68(1) AS 2016.<br>• Status serah simpan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 258(1) & 259(1) AS 2016.<br>• Pemantauan pematuhan seksyen 248(1) & 340 AS 2016.<br>• Menganalisa Penyata Kewangan yang diserah simpan di SSM.<br>• Memantau kelayakan pengarah-pengarah syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 198 dan 198(1)(b) AS 2016.<br>• Memantau pematuhan syarikat di dalam proses penggulungan di bawah seksyen 484(3) & 388(1) AS 2016.<br>• Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) APP 1956.<br>• Memantau serah simpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) APLT 2012.<br>• Pemeriksaan berhubung status pematuhan syarikat dan perniagaan yang mempunyai lesen atau permit daripada agensi berkaitan (Kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi perlesenan (contohnya Majlis Perbandaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Darat (SPAD). | 479,499 | 967,023 | 1,353,917 |
| Pemeriksaan fizikal ke premis perniagaan dan pejabat berdaftar | • Pematuhan terhadap seksyen 30(2) AS 2016 dan Kaedah 13A(2) KPP 1957 berkaitan paparan nama perniagaan dan nombor pendaftaran di luar premis perniagaan.<br>• Pematuhan di bawah seksyen 12(2) APP 1956 berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan.<br>• Pemeriksaan berkaitan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956.<br>• Pemeriksaan rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 105, 362, 59, 57, 47, 343, 54 AS 2016 dan kehendak di bawah Kaedah-kaedah Syarikat 1966.<br>• Pematuhan PLT terhadap keperluan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 APLT 2012. | 20,778 | 25,725 | 23,872 |

| AKTIVITI | SKOP PEMANTAUAN | JUMLAH PEMERIKSAAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2020 | 2019 | 2018 |
| Pemantauan perniagaan berasaskan internet dan iklan-iklan media | • Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 30(1) AS 2016 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan syarikat.<br>• Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956 berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan.<br>• Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh syarikat dan perniagaan. | 8,229 Laman sesawang syarikat dan perniagaan | 5,239 Laman sesawang syarikat dan perniagaan serta 3,189 Iklan syarikat dan perniagaan | 4,209 Laman sesawang syarikat dan perniagaan serta 1,898 Iklan syarikat dan perniagaan |
| Pemantauan berkaitan Intermediari Korporat ke atas Setiausaha Syarikat, Penyelesai Syarikat, Juruaudit dan Pemegang Saham Substansial | **Pemantauan terhadap kewajipan dan kebebasan juruaudit dan penyelesai syarikat:**<br>• Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 264 AS 2016 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.<br>• Kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun di bawah seksyen 266(3)(b) AS 2016.<br>• Kelayakan dan kebebasan penyelesai syarikat di bawah seksyen 433 AS 2016.<br>**Pemantauan terhadap kelayakan dan kompetensi setiausaha syarikat:**<br>• Pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235 AS 2016.<br>• Pemantauan terhadap syarikat di bawah seksyen 240 AS 2016 bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha.<br>• Penilaian kompetensi setiausaha syarikat melalui penilaian terhadap peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. | 1,125 Firma audit<br><br>916 Juruaudit<br><br>61 Laporan Juruaudit<br><br>100 Penyelesai Syarikat<br><br>276 Setiausaha Syarikat | 961 Firma audit<br><br>764 Juruaudit<br><br>60 Laporan Juruaudit<br><br>70 Penyelesai Syarikat<br><br>455 Setiausaha Syarikat | 889 Firma audit<br><br>835 Juruaudit<br><br>364 Laporan Juruaudit<br><br>70 Penyelesai Syarikat<br><br>356 Setiausaha Syarikat |
| **JUMLAH** | | **510,984** | **1,003,486** | **1,386,410** |

# HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

## Kadar Pematuhan

Berdasarkan pemeriksaan melalui pangkalan data, SSM telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan. Inisiatif-inisiatif tersebut telah menyumbang kepada 91% kadar pematuhan bagi tahun 2020. Antara inisiatif-inisiatif dan aktiviti pemantauan adalah seperti berikut:

- Pengenalan Moratorium serah simpan dokumen berkanun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lanjutan tempoh serah simpan bermula 1 September 2020 hingga 30 September 2020.
- Pemberian pengecualian fi lewat serah simpan dan kompaun dokumen berkanun bermula 9 November 2020 hingga 31 Disember 2020.

## KADAR PEMATUHAN DAN INISIATIF PEMANTAUAN

KADAR PEMATUHAN







## TINDAKAN LANJUT BAGI KETIDAKPATUHAN



## Pemeriksaan

Bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif dan tadbir urus korporat yang baik di kalangan pengarah dan pemilik perniagaan, SSM meneruskan tindakan ke atas ketidakpatuhan yang dikenal pasti hasil daripada pemeriksaan fizikal di premis syarikat, perniagaan, PLT, pemantauan internet dan media serta pemantauan kelayakan pengarah syarikat seperti dalam jadual berikut:

### PEMANTAUAN INTERNET DAN MEDIA

#### TINDAKAN DARI HASIL PEMANTAUAN

| Bilangan | Tindakan |
|---|---|
| 138 | Seksyen 12(1)(a) APP1956<br>Perniagaan tidak berdaftar |
| 150 | Seksyen 12(1)(b) APP1956<br>Perniagaan gagal memperbaharui pendaftaran perniagaan |
| 331 | Seksyen 30(2) AS 2016<br>Perniagaan tidak mempamerkan nama dan nombor pendaftaran di laman web/media sosial |
| 599 | Kaedah 17A(2) KPP 1957 |

**NOTIS PEMATUHAN**: 507

**KOMPAUN DIKELUARKAN ATAS KEGAGALAN PEMATUHAN SELEPAS NOTIS DIKELUARKAN**: 35



**LAMAN SESAWANG YANG TIDAK AKTIF**: 80

### PEMERIKSAAN TERHADAP PREMIS SYARIKAT, PERNIAGAAN DAN PLT

#### JUMLAH PEMERIKSAAN FIZIKAL

| Premis Syarikat | Premis Perniagaan | Premis PLT |
|---|---|---|
| 7,373 | 13,356 | 49 |
| 2019 : 9,411 | 2019 : 16,218 | 2019 : 96 |
| 2018 : 8,319 | 2018 : 15,332 | 2018 : 221 |

#### TINDAKAN HASIL PEMERIKSAAN

| Bilangan | Tindakan |
|---|---|
| 36 | Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mempamerkan nama dan nombor syarikat di premis perniagaan, pejabat daftar dan dokumen rasmi syarikat/perniagaan.<br>(Seksyen 30(2) AS 2016 & Kaedah 13A(2) KPP 1957) |
| 21 | Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mempamerkan sijil pendaftaran perniagaan di premis perniagaan.<br>(Seksyen 12(2) APP 1956) |
| 15 | Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mendaftar atau memperbaharui pendaftaran perniagaan kepada Pendaftar.<br>(Seksyen 12(1)(a) & (b) APP 1956) |

## PEMANTAUAN KE ATAS PENGARAH BANKRAP & PENGARAH YANG TELAH DISABITKAN KESALAHAN

**NOTIS PEMATUHAN**



**Seksyen 198(1)(a)/(b)/(c) & (d) AS 2016**

59 notis pematuhan telah dikeluarkan terhadap pengarah bankrap untuk maklumkan kehilangan kelayakan dan permintaan untuk peletakan jawatan

**TINDAKAN SENARAI HITAM**



3 Pengarah telah dikenakan senarai hitam

## PEMANTAUAN KE ATAS SYARIKAT DALAM PROSES PEMBUBARAN

**NOTIS PEMATUHAN**



**Seksyen 484(3) & 383(1) AS 2016**

311 notis pematuhan telah dikeluarkan terhadap pengarah dan setiausaha syarikat yang telah gagal mengemukakan Penyata Hal Ehwal kepada penyelesai syarikat

## Pemantauan Penyata Kewangan bagi Entiti yang Diperbadankan dan Didaftarkan di Malaysia

Pada tahun 2020, pemantauan ke atas integriti Penyata Kewangan sentiasa menjadi keutamaan. Pemantauan terhadap 1,063 Penyata Kewangan telah dilaksanakan dengan melakukan semakan terperinci terhadap rekod-rekod kewangan syarikat dan PLT selaras dengan kehendak AS 2016, AS 1965, Akta Syarikat Amanah 1949 (ASA 1949), APLT 2012, ASSM 2001, pematuhan ke atas piawaian perakaunan yang diluluskan untuk penyediaan Penyata Kewangan dan lain-lain akta yang dikawal selia.

Fokus pemantauan ke atas entiti yang dikawal selia oleh SSM adalah untuk memastikan penyimpanan rekod perakaunan dan dokumen-dokumen sokongan syarikat disimpan dengan sewajarnya, Penyata Kewangan disediakan secara teratur serta dapat menjelaskan setiap transaksi yang terlibat, penekanan terhadap pematuhan piawaian perakaunan yang diluluskan ke atas Penyata Kewangan turut diberi perhatian serta memastikan Penyata Kewangan yang disediakan memberikan gambaran benar dan adil *(true and fair)* sebagaimana kehendak seksyen 259 AS 2016.

Selain Penyata Kewangan beraudit, SSM turut memantau Penyata Kewangan tidak beraudit yang diserah simpan bagi memastikan pematuhan kepada kriteria yang ditetapkan di dalam *Practice Directive 3/2017: Qualifying Criteria for Audit Exemption for Certain Categories of Private Companies*. SSM juga memantau maklumat kewangan dalam Perakuan Tahunan PLT bagi memastikan setiap PLT mematuhi peruntukan di bawah seksyen 69 APLT 2012 berhubung penyimpanan rekod-rekod perakaunan.

Pemantauan syarikat amanah juga dilaksanakan bagi melihat pematuhan di bawah seksyen 21 ASA 1949 terhadap serah simpan penyata liabiliti bersama dengan penyata affidavit dan penyata aktiviti dwi tahunan. Selain itu, pemantauan terhadap seksyen 245 AS 2016 bagi syarikat amanah dijalankan bagi memastikan kepatuhan terhadap penyimpanan rekod-rekod perakaunan.

Berdasarkan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang telah diambil, diharap integriti maklumat korporat yang dibekalkan oleh SSM dapat mengekalkan standard yang lebih tinggi. Statistik berhubung pemantauan Penyata Kewangan, pemeriksaan rekod-rekod perakaunan dan program kesedaran kepada setiausaha syarikat dan pengarah serta pegawai pematuhan melalui e-poskad adalah seperti berikut:

## STATISTIK PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN & REKOD PERAKAUNAN

**Penyata Kewangan Bersyarat**
**408**
2019 : 809
2018 : 750

**Penyata Kewangan Tidak Beraudit**
**172**
2019 : 7
2018 : N/A

**Perkongsian Liabiliti Terhad**
**427**
2019 : 928
2018 : 13

**Syarikat Amanah**
**37**
2019 : 38
2018 : 35

**Malaysian Business Reporting Sytem (MBRS)**
**19**
2019 : N/A
2018 : N/A

**Sesi Perkongsian Informasi**
**10**
2019 : N/A
2018 : N/A

**Program Kesedaran E-Poskad**
**11,893**
2019 : 9,610
2018 : N/A

### Berikut adalah Seksyen Kesalahan, Keterangan dan Jumlah Kesalahan

| SEKSYEN KESALAHAN | KETERANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 245 & 246 AS 2016 | i. Kegagalan untuk penyimpan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod bagi memastikan Penyata Kewangan dapat disediakan dengan adil dan saksama.<br>ii. Kegagalan pengarah syarikat awam dan anak syarikat awam untuk memastikan sistem kawalan dalaman syarikat berkaitan dengan aset -aset dan transaksi rekod-rekod perakaunan dapat dikawal dan direkodkan dengan sewajarnya bagi memastikan Penyata Kewangan disediakan dengan benar dan saksama. | 144 |
| 27B(4) ASSM 2001 | Kegagalan perkongsian liabiliti terhad memberikan maklum balas terhadap notis di bawah seksyen 27B ASSM 2001 bagi Borang Maklumat Kewangan (BMK). | 419 |
| 27B(4) ASSM 2001 | Kegagalan syarikat asing memberikan maklum balas terhadap notis di bawah seksyen 27B ASSM 2001 bagi BMK. | 24 |
| **JUMLAH** | | **587** |

## Pemantauan Syarikat Berhad Menurut Jaminan

Pada tahun 2020, sebanyak 18 notis telah dihantar kepada Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) bagi rekod-rekod perakaunan dan verifikasi aset. Sebanyak 3,114 SBMJ telah dihantar notis 27B di bawah AS 2016 bagi menjawab Borang Maklumat Kewangan (BMK) dan Borang Maklumat Kawalan Dalaman (BMKD). Sebanyak 25 notis dihantar kepada SBMJ bagi dana permulaan RM1 juta yang perlu diperolehi dalam tempoh enam (6) bulan selepas diperbadankan. Terdapat dua (2) program kesedaran untuk meningkatkan tahap kefahaman dalam kalangan pengarah dan setiausaha SBMJ dengan memuat naik "Panduan Amalan Terbaik SBMJ" di laman sesawang SSM dan tiga (3) siri e-poskad kesedaran (siri 1, 2 dan 3/2020) telah dimajukan kepada pengarah dan setiausaha daripada 6,441 SBMJ. Ringkasan aktiviti pemantauan pada tahun 2020 adalah ditunjukkan seperti berikut:

### PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN




### TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS SBMJ



## Pemantauan Skim Kepentingan Berdaftar

Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) adalah satu perundangan tunggal untuk mentadbir dan mengawal selia Skim Kepentingan Berdaftar (SKB). SKB adalah merupakan satu bentuk pengumpulan dana alternatif di mana sumbangan oleh pemegang kepentingan dikumpulkan di dalam perusahaan yang sama. Objektif pemantauan adalah:

- Untuk mengenal pasti jenis-jenis SKB untuk dijadikan asas bagi mengambil tindakan di bawah ASK 2016;
- Memastikan pegawai-pegawai syarikat pengurusan (operator skim) mengamalkan tadbir urus korporat yang baik;
- Melindungi hak dan pemegang-pemegang kepentingan SKB;
- Memastikan pemegang amanah bagi skim yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang termaktub di bawah ASK 2016;
- Memastikan syarikat pengurusan (operator skim) mematuhi peruntukan di bawah ASK 2016 dan mematuhi Surat Ikatan Amanah (SIA) dan prospektus yang didaftarkan dan mengeluarkan peringatan kepada syarikat yang telah dikenal pasti; dan
- Dokumen yang diperiksa adalah SIA, Surat Ikatan Amanah Tambahan (SIAT) dan Prospektus.

## Mekanisme Perlindungan Terhadap Pemegang Kepentingan

| PERKARA | AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016 |
|---|---|
| **Mekanisme Perlindungan Terhadap Pemegang Kepentingan** | **Seksyen 9(5)** - Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan syarikat memberi pampasan kepada pelabur terdahulu sebelum mendaftarkan skim |
| | **Seksyen 42** - Kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan Perintah Berhenti ke atas syarikat pengurusan |
| | **Seksyen 55** - Hak pemegang kepentingan untuk meminta pengarah syarikat pengurusan supaya memanggil mesyuarat pemegang kepentingan |
| | **Seksyen 71** - Kuasa Pendaftar untuk campur tangan sekiranya pengendalian skim tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan |
| | **Seksyen 72** - Kuasa Pendaftar untuk menamatkan skim tidak berdaftar |

Statistik pemeriksaan SKB yang melibatkan pemantauan fizikal dan data bagi tahun 2020:



Hasil pemeriksaan fizikal dan data bagi tahun 2020:

| PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|
| Pemeriksaan fizikal | Tindakan lanjut diperlukan untuk satu (1) fail manakala satu (1) skim digulungkan. |
| Pemeriksaan data | 22 notis pematuhan bagi pembaharuan prospektus dikeluarkan kepada skim-skim berikut:<br>• Skim Keahlian Rekreasi Kelab Golf & Rekreasi - **10**<br>• Skim Keahlian Rekreasi Kelab Rekreasi - **1**<br>• Skim Perkongsian Masa - **7**<br>• Skim Pelaburan Kongsi Tani - **1**<br>• Skim Pelaburan Taman Memorial - **1**<br>• Skim Pelaburan Hartanah - **2** |

Program kesedaran melalui e-poskad kepada operator skim dan pemegang amanah untuk skim bagi tahun 2020:




## PENDAFTARAN SETIAUSAHA SYARIKAT

### Perakuan Amalan Setiausaha

Berdasarkan rekod SSM mulai 15 Mac 2019 sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 8,552 setiausaha syarikat telah berdaftar dan memperolehi Sijil Perakuan Amalan Setiausaha di bawah seksyen 241 AS 2016. Peruntukan ini menghendaki mana-mana individu yang berkelayakan di bawah seksyen 235 AS 2016 dan berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha untuk mendaftar dengan SSM tanpa mengira latar belakang pengalaman serta kelulusan profesional mereka sebelum boleh bertindak sebagai setiausaha syarikat.

Penguatkuasaan seksyen 241 AS 2016 adalah bertujuan memastikan suatu daftar setiausaha syarikat di Malaysia dapat diwujudkan bagi memantau kompetensi dan profesionalisme setiausaha syarikat yang seterusnya memberi impak yang positif terhadap tahap pematuhan dan tadbir urus yang baik dalam kalangan syarikat dan komuniti korporat. Berikut adalah statistik permohonan baharu Perakuan Amalan Setiausaha bagi tahun 2020.

| Permohonan Baharu Perakuan Amalan Setiausaha Tahun 2020 | |
|---|---|
| Jumlah Permohonan Diterima | 4,529 |
| Jumlah Permohonan Diluluskan | 4,447 |
| Pecahan permohonan baharu yang diluluskan mengikut kelayakan dan badan profesional yang diluluskan | |
| (a) Lesen Setiausaha Syarikat | 982 |
| (b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia | 996 |
| (c) Institut Akauntan Malaysia | 1,981 |
| (d) Majlis Peguam Malaysia | 225 |
| (e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia | 169 |
| (f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia | 18 |
| (g) Persatuan Undang-Undang Sabah | 21 |
| (h) Persatuan Peguam Bela Sarawak | 55 |

Jadual di bawah menunjukkan statistik permohonan pembaharuan Perakuan Amalan Setiausaha bagi tahun 2020.

| Permohonan Pembaharuan Perakuan Amalan Setiausaha Tahun 2020 | |
|---|---|
| Jumlah Permohonan Diterima dan Diluluskan | 4,138 |
| Pecahan permohonan pembaharuan yang diluluskan mengikut kelayakan dan badan profesional yang diluluskan | |
| (a) Lesen Setiausaha Syarikat | 1,359 |
| (b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia | 861 |
| (c) Institut Akauntan Malaysia | 1,424 |
| (d) Majlis Peguam Malaysia | 98 |
| (e) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia | 365 |
| (f) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia | 10 |
| (g) Persatuan Undang-Undang Sabah | 6 |
| (h) Persatuan Peguam Bela Sarawak | 15 |

## Lesen Setiausaha Syarikat

Sebanyak 2,417 individu telah dilesenkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 20G ASSM 2001 sehingga 31 Disember 2020. Ringkasan aktiviti pelesenan bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

**Permohonan Lesen**
**243**
2019 : 299

**Permohonan Pembaharuan**
**953**
2019 : 822

**Sesi Temuduga**
**68**
2019 : 44

**Peratusan Calon Lulus**
**46%**

## Pemantauan Setiausaha Syarikat

Bagi pemantauan setiausaha syarikat, sebanyak 167 (2019: 299) penilaian kompetensi setiausaha syarikat telah dijalankan di pejabat berdaftar syarikat bagi menilai peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. Sebanyak 109 (2019: 156) notis pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235(2) AS 2016 telah dikeluarkan. Ringkasan aktiviti pemantauan setiausaha bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:




## Pemantauan Juruaudit

SSM terus menjalankan pemantauan ke atas juruaudit syarikat bagi memastikan pematuhan terhadap semua peruntukan di bawah AS 2016 dan permohonan Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Aktiviti ini juga dapat memastikan tahap kompetensi dan profesionalisme juruaudit dapat dipantau secara berkesan oleh SSM menerusi mekanisma yang komprehensif. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan juruaudit dan firma audit berkaitan keperluan untuk patuh kepada akta yang dikawal selia oleh SSM. Statistik berhubung pemantauan juruaudit dan firma audit bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

### PEMANTAUAN JURUAUDIT



Bagi tahun 2020, hasil pemeriksaan ke atas 916 juruaudit mendapati dua (2) orang juruaudit telah dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh SSM bagi kesalahan gagal mematuhi peruntukan di bawah seksyen 264(1)(c)(iii)(A) AS 2016. Pada tahun 2020, SSM menjalankan pemeriksaan fizikal dan data ke atas 916 juruaudit. Berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan, terdapat isu ketidakpatuhan di bawah AS 2016 seperti di bawah:

**KESALAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Kesalahan di bawah seksyen 264(1)(c)(iii)(A), AS 2016

**TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

**NOTIS KOMPAUN**

**2**
2019 : 2
2018 : 11

**SURAT AMARAN**

**5**
2019 : 5
2018 : 17

**KES DIRUJUK KEPADA JABATAN AKAUNTAN NEGARA BAGI MEMAKLUMKAN PELANGGARAN JURUAUDIT**

**2**
2019 : 5
2018 : 6

## Pengurusan Aduan

Penerimaan aduan dalam tahun 2020 ialah sebanyak 1,183 aduan dengan pengurangan sebanyak 365 aduan (23.58%) berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah aduan diterima, sebanyak 1,156 (97.72%) aduan telah berjaya diproses dalam tempoh sasaran yang ditetapkan sepanjang tahun 2020.

**Aduan 2020**

| Aduan diterima | Aduan berjaya diselesaikan | | Aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh sasaran | | Aduan diselesaikan melebihi tempoh sasaran | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1,183 | 1,156 | 97.72% | 1,156 | 97.72% | 27 | 2.28% |

**Aduan Diterima Mengikut Entiti**

| TAHUN | SYARIKAT | PERNIAGAAN | LAIN-LAIN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| **2020** | 786 | 371 | 26 | 1,183 |
| **2019** | 1,109 | 408 | 31 | 1,548 |
| **2018** | 717 | 280 | 0 | 997 |

**Aduan Diselesaikan Mengikut Entiti**

| TAHUN | SYARIKAT | PERNIAGAAN | LAIN-LAIN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| **2020** | 768 | 362 | 26 | 1,156 |
| **2019** | 1,076 | 403 | 31 | 1,510 |
| **2018** | 666 | 274 | 0 | 940 |

**Klasifikasi Penerimaan Aduan**

| ISU | | JUMLAH TERIMA |
|---|---|---|
| 1 | Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan | 27 |
| 2 | Salahlaku pengarah syarikat | 85 |
| 3 | Salahlaku setiausaha syarikat | 102 |
| 4 | Salahlaku juruaudit syarikat | 1 |
| 5 | Penipuan dan kesalahan serius seperti tadbir urus korporat dan serah simpan maklumat palsu dan mengelirukan | 317 |
| 6 | Salahlaku semasa penggulungan syarikat | 12 |
| 7 | Ketidakaturan perakaunan | 3 |
| 8 | Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan yang berdaftar | 0 |
| 9 | Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar | 12 |
| 10 | Kesalahan melibatkan skim pelaburan dalam talian atau skim kepentingan tidak berdaftar | 1 |
| 11 | Kesalahan asas dan rutin | 213 |
| 12 | Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan | 152 |
| 13 | Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir seperti tuntutan wang atau barangan, masalah dalaman dan aturan mesyuarat | 90 |
| 14 | Aduan / Pertanyaan berkaitan salahlaku korporat | 168 |
| **JUMLAH** | | **1,183** |

## PECAHAN (3) ADUAN TERTINGGI 2020




Tiga (3) kategori aduan tertinggi yang diterima dalam tahun 2020 iaitu:

(a) Isu kesalahan penipuan dan kesalahan serius merupakan isu aduan yang tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 317 aduan (26.80%). Antara kesalahannya seperti menyerah simpan maklumat palsu dan mengelirukan, isu kewajipan dan liabiliti pengarah serta pengambilan deposit atau tawaran pembelian saham kepada orang awam.

(b) Aduan berhubung kesalahan asas dan rutin merupakan isu aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 213 aduan (18.00%). Antara kesalahan di bawah kategori ini ialah tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), tidak menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan serta menjalankan perniagaan tanpa berdaftar.

(c) Aduan yang melibatkan pertanyaan dan salahlaku korporat merupakan aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 168 aduan (14.20%).

# SIASATAN



## AUDIT *“KNOW-YOUR-CUSTOMER”* (KYC) 2.0

PENGAUDITAN TERHADAP 16 SETIAUSAHA SYARIKAT MELIBATKAN 36 SYARIKAT TEMPATAN YANG MEMPUNYAI PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM WARGANEGARA ASING DARI NEGARA BERISIKO TINGGI MENGIKUT TAKRIFAN *FINANCIAL ACTION TASK FORCE* (FATF).

## OBJEKTIF

1. Menilai tahap pemahaman dan pematuhan setiausaha syarikat terhadap garis panduan berkaitan Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) yang dikeluarkan oleh BNM

2. Menilai tahap kompetensi KYC setiausaha syarikat dalam mengenal pasti dan membuat semakan *Customer Due Diligence* (CDD) yang bersesuaian dengan profil dan latar belakang pelanggan daripada negara berisiko (Iran, Pakistan, Korea Utara)

## HASIL AUDIT




Secara keseluruhan, hanya 6% setiausaha syarikat berada pada tahap KYC **“SEDERHANA”**. Kesemua 16 setiausaha syarikat didapati gagal membuat pemprofilan pelanggan berdasarkan kepada risiko dan latar belakang serta gagal melaksanakan proses *Enhanced Due Diligence* (EDD) termasuk tapisan pelanggan berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh *United Nations Security Council Resolution* (UNSCR) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

***SEDERHANA***

- Membuat semakan latar belakang pelanggan secara minima; dan
- Maklumat pelanggan tidak disimpan secara teratur serta tepat.

***LEMAH***

- Tiada semakan latar belakang pelanggan;
- Maklumat pelanggan tidak disimpan; dan
- Membuat pengesahan identiti pelanggan melalui pihak ketiga.

***SANGAT LEMAH***

- Tiada semakan latar belakang pelanggan;
- Maklumat tidak disimpan; dan
- Tidak membuat pengesahan identiti pelanggan.

**Kriteria Penilaian**



# *DATA ANALYTICS PILOT PROJECT*

MEMBUAT ANALISA DATA KE ATAS 60 ORANG PENGARAH SYARIKAT BERHUBUNG PELANTIKAN DAN/ ATAU PELETAKAN JAWATAN PENGARAH BERDASARKAN SERAH SIMPAN YANG DIBUAT OLEH 8 SETIAUSAHA SYARIKAT TERPILIH BAGI TAHUN 2019.

## OBJEKTIF




Mengambil langkah pencegahan awal bagi menangani isu-isu kesalahan membuat dan/atau memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar di bawah seksyen 364(2) AS 1965/ seksyen 591 AS 2016.




Menjalankan tindakan secara pro-aktif bagi mengenal pasti kebarangkalian berlakunya pelantikan dan/ atau peletakan jawatan pengarah syarikat tanpa pengetahuan.




Memastikan data yang berintegriti diserah simpan ke SSM.

## TINDAKAN

**Menganalisa 470 Borang seksyen 58 yang telah diserah simpan ke SSM.**

**Hantar Notis 27B ASSM 2001 kepada 60 orang pengarah.**

**39 pengarah telah memberikan maklum balas dan mengesahkan mengetahui berkaitan pelantikan atau peletakan jawatan pengarah.**

**21 pengarah tidak dapat dihubungi.**

## HASIL




Secara keseluruhannya, sebanyak **65% (39 pengarah)** telah dapat dihubungi dan mengesahkan berpengetahuan mengenai pelantikan dan/atau peletakan jawatan sebagai pengarah syarikat. Manakala, **35% (21 pengarah)** lagi tidak dapat dihubungi berdasarkan alamat yang direkodkan dalam daftar SSM.

SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian bagi memastikan peruntukan Akta dipatuhi. Tindakan *Ongoing Due Diligence* (ODD) dan kemaskini maklumat perlu dilakukan oleh setiausaha syarikat terhadap pelanggan bagi memastikan tiada maklumat palsu yang diserah simpan dalam data SSM.

# STATISTIK & ANALISA SIASATAN

## JUMLAH KESELURUHAN KERTAS SIASATAN

- Jumlah Kertas Siasatan yang dibuka (termasuk baki Kertas Siasatan tahun sebelumnya)
- Jumlah Kertas Siasatan yang diselesaikan




## 481 JUMLAH KES MENGIKUT JENIS KESALAHAN

| Bilangan | Jenis kesalahan |
|---|---|
| 267 | Penipuan pelaporan syarikat |
| 78 | Pelanggaran tugasan fidusiari |
| 55 | Penipuan pelaporan perniagaan |
| 23 | Penipuan pelaburan |
| 17 | Entiti dan skim kepentingan tidak berdaftar |
| 11 | Penipuan wang kutu |
| 30 | Lain-lain |

## PECAHAN SIASATAN MENGIKUT AKTA

| Bilangan | Akta |
|---|---|
| 274 | Akta Syarikat 2016 |
| 124 | Akta Syarikat 1965 |
| 11 | Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 |
| 58 | Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 |
| 9 | Akta Skim Kepentingan 2016 |
| 5 | Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 |

## 481 ENTITI YANG TERLIBAT DI DALAM SIASATAN

**PERNIAGAAN**

48 Entiti Milikan Tunggal | 13 Entiti Perkongsian

**SYARIKAT**

391 Entiti Persendirian | 24 Entiti Awam

**PLT**

5 Entiti

## AKTIVITI PENGUATKUASAAN

### PENDAKWAAN
**3**
Kes Kerana Gagal Hadir Untuk Rakaman Percakapan

**25**
Untuk Kes-Kes lain

### SEKATAN PERJALANAN
**18**
Notis Seksyen 27J ASSM 2001 Untuk Menyekat Perjalanan Suspek Dan Saksi Ke Luar Negara Bagi Membantu Siasatan

### SENARAI HITAM
**25**
Senarai Hitam Telah Dilakukan

### PEMERIKSAAN
**140**
Permis Perniagaan

**132**
Alamat Berdaftar

**260**
Alamat Kediaman Saksi / Suspek Kes

### CARIAN MAKLUMAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 15 | Jabatan Insolvensi | 16 | Mahkamah | 106 | Jabatan Pendaftaran Negara |
| 50 | Jabatan Kimia | 24 | Facebook / Akhbar | 116 | Jabatan Imigresen |
| 89 | Jabatan Pengangkutan Jalan | 126 | Bank | 562 | Telco |

### RAKAMAN PERCAKAPAN
**1,151**
Rakaman Telah Dijalankan

### NOTIS
**1,366**
Notis Seksyen 111 Kanun Prosedur Jenayah Untuk Rakaman Percakapan

**633**
Notis Seksyen 27B ASSM 2001 Untuk Mendapatkan Dokumen

## JALINAN STRATEGIK BERSAMA AGENSI PENGUATKUASA, BADAN BERKANUN DAN LAIN-LAIN

# PENDAKWAAN DAN LIGITASI

Bengkel Perbicaraan dan Rayuan telah diadakan pada 15 dan 16 November 2020 melalui *Microsoft Teams*. Penceramah-penceramah yang menyampaikan modul mengenai perbicaraan dan rayuan ialah Puan Aida Adhha Abu Bakar, mantan Pengarah Bahagian Pendakwaan & Litigasi (BPL) dan Encik Mohd Zulkhairi Kamaruzaman, Ketua Seksyen Pendakwaan, BPL. Peserta-peserta Bengkel Perbicaraan dan Rayuan tersebut merangkumi kesemua pegawai BPL yang ditempatkan di SSM Ibu Pejabat dan pegawai-pegawai Seksyen Penguatkuasaan yang bertempat di Pejabat-Pejabat Negeri SSM.

## Pendakwaan

Pada tahun 2020, SSM telah mengendalikan kes pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah AS 1965, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, AS 2016, APP 1956 dan ASK 2016.

**Jumlah Kes Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didakwa di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956**

| KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 DAN APP 1956 | JUMLAH KES YANG DIDAKWA KESALAHAN |
|---|---|
| Seksyen 91(1) AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan. | - |
| Seksyen 94(1)(b) AS 1965: Gagal untuk mematuhi waad dalam surat ikatan amanah yang diluluskan. | - |
| Seksyen 7D(5) AS 1965: Kegagalan mematuhi notis di bawah seksyen 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar. | - |
| Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | - |
| Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | - |
| Seksyen 132(2)(a) AS 1965: Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. | - |
| Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | - |
| Seksyen 363(3) AS 1965: Menawarkan syer-syer bagi pesanan atau belian kepada orang ramai. | - |
| Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 1 |
| Seksyen 364A(1)(a) AS 1965: Seorang pegawai dengan disedarinya dan dengan sengaja memberi kuasa membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada ahli-ahli syarikat tersebut. | - |
| Seksyen 198(1) AS 2016: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | 1 |
| Seksyen 593(b) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 4 |
| Seksyen 245(9) AS 2016: Gagal menyimpan akaun syarikat. | 1 |
| Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar. | 1 |
| Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971: Menganjurkan kumpulan wang kutu yang melibatkan pembayaran oleh orang awam. | 1 |
| Seksyen 597(1) AS 2016: Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang “Berhad” atau “Limited” merupakan singkatan atau perkataan yang terakhir tanpa kebenaran. | 1 |
| **JUMLAH** | **10** |

**Jumlah Kes Kesalahan-Kesalahan Lazim yang didakwa di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956**

| KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 DAN APP 1956 | JUMLAH KES YANG DIDAKWA KESALAHAN |
|---|---|
| Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat. | 204 |
| Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan. | 26 |
| Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 1,412 |
| Seksyen 165A AS 1965: Gagal melampirkan Penyata Juruaudit. | - |
| Seksyen 68(1) AS 2016: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 3,135 |
| Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | - |
| Seksyen 139C AS 1965: Setiausaha yang hilang kelayakan. | - |
| Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran. | 1 |
| Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh. | 30 |
| Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan. | 17 |
| Kaedah 17A(1)(b) APP 1956: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan. | 1 |
| Kaedah 17A(2) APP 1956: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda. | 22 |
| **JUMLAH** | **4,848** |

## Kes-Kes Penting Dalam Tahun 2020

Tahun 2020 mencatatkan secara keseluruhan jumlah sabitan kes yang dikendalikan di Mahkamah adalah sebanyak 348 kes. Ringkasan kes-kes penting yang dikendalikan oleh SSM adalah seperti berikut:

| PIHAK-PIHAK | JENIS KESALAHAN | KESALAHAN (SEKSYEN) | KETERANGAN |
|---|---|---|---|
| Pendakwa Raya lawan Wan Adnan Wan Berahim | Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 12(1)(d) APP 1956 | Wan Adnan Wan Berahim telah mengaku salah terhadap kesalahan memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar. Mahkamah telah mensabitkan beliau atas kesalahan tersebut dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar, tiga (3) bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Shuadi Bin Mohd Nordin | Pengarah/ pegawai syarikat menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran/ ratifikasi mesyuarat am & memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 132(2)(a), 132(2)(c) & 364(2) AS 1965 | Shuadi Bin Mohd Nordin telah mengaku salah terhadap dua pertuduhan di bawah seksyen 132(2) AS 1965 iaitu kesalahan menggunakan wang syarikat tanpa kelulusan di mesyuarat agung syarikat dan disabitkan dengan kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 untuk setiap pertuduhan jika gagal bayar, tiga (3) bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Danny Lim Tze Hsiang | Pengarah gagal mengemukakan butiran syarikat mengikut cara yang telah ditentusahkan oleh Pendaftar | Seksyen 484(1)(a) AS 2016 | Danny Lim Tze Hsiang telah didapati bersalah dan disabitkan bagi kesalahan gagal mengemukakan butiran syarikat mengikut cara yang telah ditentusahkan oleh Pendaftar dan dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar, satu (1) bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Narayanan a/l Muthiah | Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 593(b) AS 2016 | Narayanan a/l Muthiah telah didapati bersalah oleh Mahkamah atas kesalahan memberi maklumat palsu kepada Pendaftar dan dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM50,000 jika gagal bayar, enam (6) bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Azwan Sabirin | Memberi maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 364(2) AS 1965 | Azwan Sabirin telah didapati bersalah oleh Mahkamah atas kesalahan memberi maklumat palsu kepada Pendaftar dan dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM3,000 dan bon berkelakuan baik selama lima (5) tahun di bawah seliaan penjamin. |

## Pendaftaran Kes Mahkamah Tahun 2020

Tahun 2020 mencatatkan penurunan bilangan pendaftaran kes di Mahkamah. SSM telah mendaftarkan 4,738 kes di Mahkamah pada tahun 2020 berbanding 9,422 kes pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak 49.71%. Berikut adalah pecahan pendaftaran kes di Mahkamah mengikut seksyen kesalahan:

**Jumlah Kes Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang didaftarkan di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan APP 1956**

| KATEGORI KESALAHAN | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN |
|---|---|
| Seksyen 12(1)(d) APP 1956: Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar. | 1 |
| Seksyen 7D(5) AS 1965: Kegagalan mematuhi notis di bawah seksyen 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar. | - |
| Seksyen 89 AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam bukan daripada syarikat atau ejen syarikat. | - |
| Seksyen 91(1) AS 1965: Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan. | 2 |
| Seksyen 125(1) AS 1965: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | - |
| Seksyen 128(2) AS 1965: Pemecatan pengarah-pengarah tanpa notis khas. | - |
| Seksyen 131(1) AS 1965: Kegagalan mengemukakan kepentingan kepada syarikat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. | - |
| Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | - |
| Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | 4 |
| Seksyen 132(2)(d) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan peluang dalam syarikat yang dia sedari. | - |
| Seksyen 364(2) AS 1965: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 3 |
| Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | - |
| Seksyen 167(2) AS 1965: Gagal menyimpan rekod audit perakaunan syarikat selama 7 tahun. | 1 |
| Seksyen 198(1) AS 2016: Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | 2 |
| Seksyen 593(a) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | - |
| Seksyen 593(b) AS 2016: Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 1 |
| Seksyen 591(2)(a) AS 2016: Pernyataan palsu yang mengelirukan. | 5 |
| Seksyen 27B(1)(a) ASSM 2001: Gagal mematuhi notis menghadiri rakaman percakapan di hadapan Pendaftar. | - |
| Seksyen 80(1) APLT 2012: Kenyataan palsu dan mengelirukan. | - |
| Seksyen 484(6) AS 2016: Gagal mengemukakan liabiliti di dalam Pernyataan Hal Ehwal Syarikat. | - |
| Seksyen 245(9) AS 2016: Gagal menyimpan akaun syarikat. | 1 |
| Seksyen 3(2)(a) ASK 2016: Dilarang membuat penawaran bagi sesuatu skim yang tidak didaftarkan. | - |
| Seksyen 3 Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971: Menganjurkan kumpulan wang kutu yang melibatkan pembayaran oleh orang awam. | 1 |
| Seksyen 597(1) AS 2016: Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di bawah apa-apa nama atau gelaran yang ‘Berhad’ atau ‘Limited’ merupakan singkatan atau perkataan yang terakhir tanpa kebenaran. | 1 |
| **JUMLAH** | **22** |

**Jumlah Kes Kesalahan-Kesalahan Lazim yang didaftarkan di bawah AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, ASK 2016 dan APP 1956**

| KATEGORI KESALAHAN | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN |
|---|---|
| Seksyen 143(1) AS 1965: Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat. | 131 |
| Seksyen 169(1) AS 1965: Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan. | 121 |
| Seksyen 165(4) AS 1965: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 1,610 |
| Seksyen 68(1) AS 2016: Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 2,508 |
| Seksyen 121(1)(b) AS 1965: Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat. | - |
| Seksyen 121(3) AS 1965: Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat. | - |
| Seksyen 369(1) (c) AS 1965: Kesalahan lazim (am). | - |
| Seksyen 588(1)(c) AS 2016: Kesalahan lazim (am). | - |
| Seksyen 12(1)(a) APP 1956: Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran. | 34 |
| Seksyen 12(1)(b) APP 1956: Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh. | 63 |
| Seksyen 12(1)(c) APP 1956: Gagal memberikan maklumat kepada Pendaftar. | - |
| Seksyen 12(2) APP 1956: Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan. | 76 |
| Kaedah 17A(1)(b) APP 1956: Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan. | 12 |
| Kaedah 17A(2) APP 1956: Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda. | 118 |
| Seksyen 259(1)(a) AS 2016: Kewajipan untuk menyerah simpan penyata kewangan dan laporan dengan Pendaftar. | 43 |
| **JUMLAH** | **4,716** |

## Sabitan Pendakwaan Pada Tahun 2020

Jumlah sabitan oleh Mahkamah adalah seperti di bawah:

| KATEGORI | KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT | KESALAHAN LAZIM |
|---|---|---|
| Syarikat | - | 309 |
| Pengarah | 3 | - |
| Pemilik/ Perniagaan Individu | 1 | 34 |
| **JUMLAH** | **4** | **343** |

## Litigasi

Pada tahun 2020, SSM telah melaksanakan tiga (3) aktiviti bagi tempoh Januari sehingga Disember 2020 dan aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

(a) Mengadakan bengkel bagi Penyediaan Garis Panduan berkaitan Gadaian di bawah AS 2016;

(b) Mengadakan kursus Penyediaan Manual Prosedur Kerja bagi kes-kes di bawah seksyen 8 APP 1956; dan

(c) Mengadakan bengkel bagi Penyediaan Perintah-Perintah Mahkamah dan Isu-isu Berbangkit yang dihadiri oleh pegawai-pegawai Undang-Undang dari BPL, pegawai-pegawai dari Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, pegawai-pegawai dari Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan dan pegawai-pegawai dari Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan.

Berikut merupakan statistik daripada bulan Januari sehingga Disember 2020:

| FAIL YANG DIBUKA | |
|---|---|
| **KATEGORI** | **TAHUN 2020** |
| Kes Mahkamah | 511 |
| Pandangan Perundangan | 12 |
| Pelbagai | 8 |

Antara kes-kes Mahkamah yang dikendalikan oleh SSM adalah meliputi perkara-perkara berikut:

(a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 555 AS 2016);
(b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 361 AS 2016);
(c) Tindakan menurut seksyen 607 AS 2016;
(d) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah seksyen 602 AS 2016;
(e) Permohonan berkaitan pindaan pada senarai pemegang saham menurut seksyen 103 AS 2016;
(f) Kes-kes yang melibatkan ASK 2016;
(g) Kes-kes permohonan injunksi dibuat oleh SSM terhadap syarikat;
(h) Kes-kes writ saman yang melibatkan tuntutan kecuaian dan ganti rugi terhadap SSM; dan
(i) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

Pada tahun 2020, SSM telah terlibat dengan beberapa kes kepentingan yang perlu diberi perhatian. Antara kes-kes yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

| PIHAK-PIHAK | KETERANGAN |
|---|---|
| Sitrac Corporation Sdn. Bhd. & Puncak Kenangan Sdn. Bhd. | Kes ini melibatkan permohonan di bawah seksyen 602 AS 2016 oleh Dato' Syed Hamzah bin Syed Abu Bakar bagi merektifikasikan saham-saham beliau di dalam syarikat-syarikat Sitrac Corporation Sdn. Bhd. & Puncak Kenangan Sdn. Bhd. SSM telah menolak permohonan rektifikasi Dato' Syed Hamzah dan mengarahkan beliau untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 602(4) AS 2016 bagi menyemak keputusan penolakan pemohonan rektifikasi beliau oleh SSM. Kes ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada suku pertama tahun 2021. |
| Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri v SSM & Abdul Halim Bin Husin | Kes ini adalah berkaitan dengan isu interpretasi seksyen 535 AS 2016 yang difailkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Kes ini didengar oleh Mahkamah Tinggi di mana Mahkamah memutuskan bahawa '*void dissolution*' bagi sesebuah syarikat haruslah diperolehi dalam tempoh masa dua (2) tahun dari tarikh pembubaran sesebuah syarikat. Isu ini telah dirayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi. Tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Rayuan, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan dan berjaya memperolehi kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk isu ini dibicarakan. Kes ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada 08.02.2021. |
| CTG Capital Sdn. Bhd. & 4 Lagi v Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) & 9 Lagi | Di dalam kes ini, SSM bertindak membela Defendan Kedua sehingga Defendan Kesepuluh. Plaintif-Plaintif memfailkan tindakan terhadap kesemua Defendan bagi menuntut pelbagai kerugian yang dialami oleh Plaintif-Plaintif atas kausa tindakan tort konspirasi *(tort of conspiracy)* oleh semua Defendan-Defendan dan atas kausa tindakan siasatan salah dan berniat jahat/ curang (*false and malicious investigation*), salah guna kuasa (*abuse of power*) dan salah laku siasatan (*investigation misconduct*). Plaintif-Plaintif telah memperoleh Perintah Injunksi (Ex Parte) pada 23.10.2019 dan Perintah (Ad Interim) pada 5.11.2019 untuk menghalang SSM membuat siasatan terhadap mereka. Seksyen Litigasi telah memfailkan Pernyataan Pembelaan bagi Defendan Kedua hingga Defendan Kesepuluh pada 6.11.2019 untuk membantah permohonan Injunksi Plaintif-Plaintif yang akan dibicarakan pada 17.02.2020. Pada 25.02.2020, Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan Injunksi Plaintif-Plaintif dan memerintahkan kos sebanyak RM9,000 dibayar kepada SSM. Plaintif-Plaintif tidak berpuas hati dan telah memfailkan satu Injuksi Erinford terhadap SSM untuk menghalang SSM daripada menyiasat mereka. Pada 13.03.2020, Mahkamah Tinggi sekali lagi menolak permohonan Plaintif-Plaintif dan memberikan perintah kos sebanyak RM2,000 kepada SSM. Plaintif-Plaintif telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan bagi menyemak keputusan Mahkamah Tinggi menolak kedua-dua permohonan Injunksi tersebut. Kes ini akan dibicarakan pada bulan Februari 2021. |

# INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Pada tahun 2020, SSM telah melaksanakan beberapa inisiatif pembaharuan undang-undang dalam usaha berterusan untuk mewujudkan rangka kerja perundangan yang dinamik dan inovatif selaras dengan keperluan komuniti perniagaan di Malaysia.

## Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial (PB) Berkaitan *Legal Persons*

Antara inisiatif yang diambil oleh SSM ialah dengan memperkenalkan 'Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial Berkaitan *Legal Persons*' yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2020. Garis Panduan tersebut menyediakan panduan mengenai kerangka pelaporan pemunya benefisial (kerangka pelaporan PB) untuk semua entiti undang-undang yang berdaftar di bawah undang-undang masing-masing di bawah seliaan SSM.

Selaras dengan saranan yang dibuat oleh *Financial Action Task Force (FATF)*, inisiatif tersebut bertujuan mengurangkan risiko entiti undang-undang di Malaysia digunakan sebagai medium untuk menjalankan aktiviti yang tidak sah dari segi undang-undang termasuk pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas. Tempoh peralihan bermula dari 1 Mac 2020 diberikan untuk membolehkan entiti undang-undang mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini.

Tempoh peralihan akan berakhir pada tarikh yang sama dengan tarikh penguatkuasaan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) dan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) yang dicadangkan, yang mengandungi pindaan untuk mengukuhkan rangka kerja pelaporan pemunya benefisial di Malaysia.

### GARIS PANDUAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYA BENEFISIAL BERKAITAN *LEGAL PERSONS*

#### OBJEKTIF

- untuk membantu *legal person* memahami dan mematuhi keperluan untuk mendapatkan, menyimpan dan memegang maklumat PB terkini; dan
- untuk menyediakan akses tepat pada masanya bagi tujuan kerangka pelaporan PB menurut AS 2016 dan APLT 2012.

#### MERANGKUMI KEPERLUAN BERIKUT:

- mengenal pasti dan mengesahkan pemunya benefisial sesebuah entiti undang-undang;
- menyimpan maklumat PB (maklumat PB) yang tepat dan terkini dan boleh diakses pada bila-bila masa;
- memaklumkan kepada Pendaftar maklumat PB termasuk sebarang perubahan daripadanya; dan
- menyediakan akses maklumat PB kepada kategori orang tertentu.

#### TERPAKAI KEPADA SEMUA *LEGAL PERSONS* SEPERTI:

- syarikat (syarikat tempatan dan asing);
- perkongsian liabiliti terhad (perkongsian liabiliti terhad tempatan dan asing); dan
- perniagaan (pemilik tunggal dan perkongsian).

## PENINGKATAN SEMENTARA KETERHUTANGAN SYARIKAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 466(1)(A) AS 2016

Dalam membantu meringankan beban komuniti korporat akibat pandemik COVID-19, pada 21 April 2020, YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengeluarkan arahan mengikut seksyen 466(1)(a) AS 2016 bahawa jumlah hutang sebuah syarikat dinaikkan sementara kepada jumlah melebihi RM50,000. Arahan ini berkuatkuasa mulai 23 April 2020 hingga 31 Disember 2020 dan dilanjutkan lagi sehingga 31 Mac 2021.

Selain itu, YB Menteri juga telah mengeluarkan arahan mengikut seksyen 466(1)(a) AS 2016 di mana sesebuah syarikat dikecualikan daripada memberi maklum balas terhadap sebarang notis tuntutan dalam tempoh 21 hari selepas perkhidmatan notis permintaan ke atas syarikat tersebut. Syarikat itu diberi tempoh sehingga enam (6) bulan selepas perkhidmatan notis permintaan ke atas syarikat itu untuk memberi maklum balas terhadap notis permintaan. Kegagalan syarikat untuk bertindak balas dalam tempoh itu membolehkan pemiutang memfailkan petisyen untuk penggulungan syarikat. Perintah ini berkuatkuasa mulai 23 April 2020 sehingga 31 Disember 2020.

Arahan dan perintah itu adalah sebahagian daripada inisiatif SSM dalam membantu syarikat yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan syarikat menghadapi masalah aliran tunai untuk menyelesaikan hutang perniagaan mereka.

## RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) DAN RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN)

Di pertengahan penularan pandemik COVID-19 yang meluas, SSM telah mencadangkan pindaan kepada AS 2016 dan APLT 2012 yang antara lain bertujuan mengurangkan impak COVID-19 ke atas syarikat dan perkongsian liabiliti terhad di Malaysia dengan mengukuhkan mekanisme penyelamat korporat dan rangka kerja pemulihan korporat. Mekanisme penyelamat korporat dan rangka kerja pemulihan yang dipertingkat akan membolehkan syarikat dan perkongsian liabiliti terhad berpeluang untuk terus beroperasi walaupun sedang menghadapi masalah kewangan semasa keadaan ekonomi yang mencabar. SSM berusaha dengan proaktif bagi membantu komuniti korporat menangani isu-isu kewangan dalam tempoh pasca COVID-19 yang sukar ini.

Selain itu, pindaan juga dicadangkan kepada kerangka pelaporan pemunya benefisial selaras dengan piawaian antarabangsa. Pindaan itu bukan sahaja dapat membantu memperbaiki kedudukan Malaysia semasa proses penilaian oleh badan antarabangsa, *Financial Action Task Force,* tetapi juga menyokong fungsi teras strategik SSM dalam menyediakan persekitaran undang-undang yang kondusif kepada komuniti perniagaan.

### SKOP UTAMA PINDAAN RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Pindaan kepada AS 2016 termasuk peruntukan:
(a) memperluaskan skop penggunaan mekanisme penyelamat korporat;
(b) menambah baik kerangka kerja berkaitan dengan penstrukturan semula dan mekanisme penyelamat;
(c) meningkatkan kerangka kerja berkaitan dengan pemunyaan benefisial; dan
(d) pelbagai maklumat terkini dan penjelasan berkaitan AS 2016.

#### RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PINDAAN)

Pindaan kepada APLT 2012 termasuk peruntukan berkaitan dengan:
(a) memperkenalkan mekanisme rehabilitasi bagi perkongsian liabiliti terhad dalam APLT 2012;
(b) memperkenalkan pelaporan kerangka kerja pemunyaan benefisial dalam APLT 2012; dan
(c) memperkuatkan polisi berkenaan prosedur yang menyokong pelaksanaan tadbir urus APLT yang mampan.

# PERATURAN-PERATURAN DAN KAEDAH-KAEDAH, ARAHAN DAN NOTA AMALAN, PEKELILING DAN GARIS PANDUAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar kepada semua pihak terutamanya bagi sektor korporat. SSM dalam melaksanakan peranannya sebagai pengawal selia korporat di Malaysia juga turut berusaha membantu dan menyokong komuniti perniagaan dalam tempoh yang mencabar ini dengan mengeluarkan beberapa garis panduan, arahan amalan dan lain-lain dokumen perundangan seperti berikut:

## PERATURAN-PERATURAN DAN KAEDAH-KAEDAH, ARAHAN, NOTA AMALAN, PEKELILING DAN GARIS PANDUAN YANG DIKELUARKAN PADA 2020

### PERATURAN & PENGAWALSELIAAN

- Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2020
- Kaedah-Kaedah Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) (No. 2) 2020
- Peraturan-Peraturan Perkongsian Liabiliti Terhad (Pengecualian Fi) 2020

### ARAHAN AMALAN

- PD No.2/2020 - Tempoh Moratorium Bagi Kesahihan Prospektus atau Penyata Pendedahan Produk
- PD 6/2020 - Lanjutan Masa untuk Mesyuarat Agung Tahunan dan Serah simpan Penyata Kewangan (Disemak)

### PEKELILING

- Pekeliling 1/2020 - Nota Panduan Mengenai Pendaftaran Firma Penyelesai dan Pemberitahuan Mengenai Kelulusan sebagai Penyelesai Yang Diluluskan
- Pindaan Pekeliling 1/2020 – Nota Panduan Mengenai Pendaftaran Firma Penyelesai dan Pemberitahuan Mengenai Kelulusan sebagai Penyelesai Yang Diluluskan

### GARIS PANDUAN

- Garis Panduan Pengurusan Aset (seksyen 556 dan 558) (Disemak), Borang 14A, Surat Indemniti
- Garis Panduan Rangka Kerja Pelaporan Bagi Pemilikan Berfaedah Orang Undang-Undang (Disemak)
- Pendaftaran Pertuduhan, Pembentukan dan/ atau Pindaan Maklumat Pertuduhan (termasuk Pembatalan Pertuduhan) di bawah seksyen 361 AS 2016

# AKADEMI LATIHAN
# DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

## NORMA BAHARU SEMINAR TAHUN 2020






Tahun 2020 adalah tahun yang mencabar bagi negara Malaysia dan telah mengubah cara hidup dan pekerjaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia berikutan krisis penularan COVID-19 yang melanda seluruh dunia di mana ia telah mengtransformasikan kaedah penganjuran latihan pembangunan profesional kepada pemegang taruh dengan memanfaatkan landskap yang dinamik dalam norma baharu.

Seminar yang telah dijadualkan pada pertengahan Mac hingga Jun 2020 terpaksa dibatalkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 dan telah digantikan pada pertengahan kedua tahun ini. Semua seminar berskala besar dan Persidangan Kebangsaan SSM tidak dapat diadakan bagi mengelakkan penularan COVID-19 dalam kalangan peserta. Seminar fizikal juga diadakan dengan prosedur operasi yang ketat bagi memastikan peserta berasa yakin dan selamat sewaktu menghadiri seminar anjuran SSM.

Menjelang suku ketiga tahun 2020, SSM telah memperkenalkan seminar secara atas talian ataupun dikenali sebagai *Webinar* secara berperingkat kerana banyak lokasi seminar di seluruh negara berada dalam zon merah sekaligus menyekat pergerakan dan perjalanan peserta ke lokasi seminar. Seminar atas talian ini dijalankan melalui *Microsoft Teams*. Bagi memudahkan para peserta, pada pertengahan bulan Disember 2020, SSM telah memperkenalkan pendaftaran dan pembayaran seminar secara atas talian melalui e-COMTRAC yang merupakan sebahagian daripada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan SSM.

## PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2020, COMTRAC telah menganjurkan sejumlah 139 program (2019: 258) dengan penyertaan yang menggalakkan iaitu seramai 5,470 peserta (2019: 10,062). Dari jumlah itu, 58 program telah dijalankan secara *webinar* dengan penyertaan sebanyak 2,182.




**Penyertaan Pihak Berkepentingan Dalam Program Pendidikan dan Kesedaran dari tahun 2018 hingga 2020**

Jumlah Keseluruhan Program Korporat yang dijalankan sepanjang tahun seperti di bawah:

| PROGRAM | SESI | PESERTA |
|---|---|---|
| *Corporate Directors Training Programme* | 8 | 272 |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* | 21 | 1,185 |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 2.0* | 12 | 568 |
| *Continuing Education Programmes* | 60 | 2,455 |
| *Malaysian Business Reporting Systems (MBRS)* | 27 | 798 |
| *In-house Training Programmes* | 6 | 145 |
| *Collaboration Programmes* | 5 | 47 |
| **JUMLAH** | **139** | **5,470** |

## *CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME* (CDTP)

Program *Corporate Directors Training Programme Fundamental* (CDTPF) *3.0* secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat. Dengan menyertai program CDTPF 3.0, peserta akan memperoleh manfaat berikut:

(a) Meningkatkan pemahaman yang baik tentang konsep, ciri dan watak sesebuah syarikat;
(b) Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;
(c) Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menguruskan syarikat dan memaparkan komitmen profesional untuk amalan etika;
(d) Memberi pemahaman tentang isu-isu etika dan integriti yang mungkin akan dihadapi dalam perniagaan; dan
(e) Meningkat pemahaman berhubung AS 2016.

Terdapat 2 pilihan modul CDTPF 3.0 yang diperkenalkan pada tahun 2020 iaitu *CDTPF 3.0 + Cyber Security Awareness* yang memfokuskan kepada keselamatan siber dan CDTP 3.0 + *Financial Statements* 101 yang memfokuskan pengenalan penyata kewangan kepada pengarah syarikat.  Pada tahun 2020, sebanyak lapan (8) program *CDTPF 3.0* (2019: 8) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 272 orang peserta (2019: 242).




**Penyertaan Pihak Berkepentingan Dalam *Corporate Director Training Programme 3.0* dari tahun 2018 hingga 2020**

# *COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL 1.0*

Program *Company Secretaries Training Programme Essential* (CSTPE) *1.0* adalah kesinambungan dari program *Company Secretaries Training Programme Essential* (CSTPE) di mana isi kandungan program ini telah dikemaskini berdasarkan AS 2016. Program *CSTPE 1.0* ini ialah kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education* (CPE) bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 235(2)(b), AS 2016.

*CSTPE 1.0* direka untuk bakal setiausaha syarikat dan yang sedia ada bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat lembaga pengarah. Walaupun *CSTPE 1.0* disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, pemain peranan korporat seperti setiausaha syarikat daripada badan yang ditetapkan, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan juga dapat memperoleh manfaat daripada program ini sekaligus mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menguruskan syarikat mereka. Para peserta modul *CSTP Essential 1.0* akan memperoleh manfaat berikut:

(a) Membangun pemahaman yang baik tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;
(b) Menyatakan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
(c) Menggariskan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat sebagai pemain peranan utama dalam syarikat;
(d) Mengamalkan pengetahuan dalam menguruskan buku-buku berkanun dan mesyuarat syarikat; dan
(e) Mengenal pasti kesalahan utama di bawah AS 2016.

Pada tahun 2020, sebanyak 21 Program *CSTPE 1.0* (2019: 18) telah diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching dan secara atas talian (*webinar*) yang dihadiri oleh seramai 1,185 peserta (2019: 1,192).




**Peserta Program *Company Secretaries Training Programme Essential* dari tahun 2018 hingga 2020**

## *COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT*

*Company Secretaries Training Programme Significant (CSTPS*) 2.0 merupakan program susulan *kepada Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* dan telah diperkenalkan pada tahun 2013. Para peserta modul *CSTPS 2.0* akan memperoleh manfaat berikut:

(a) Membina nilai-nilai integriti korporat yang baik dan beretika;
(b) Mengenal pasti peranan setiausaha syarikat untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
(c) Menyepadukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam kendalian syarikat;
(d) Mengenal pasti cabaran dan isu utama yang memberi kesan kepada fungsi harian setiausaha syarikat;
(e) Mengetahui pengurusan risiko keselamatan siber untuk lembaga pengarah; dan
(f) Membaca dan mentafsir penyata kewangan.

Sebanyak 12 Program *CSTPS 2.0* (2019: 12) yang telah dianjurkan pada tahun 2020 di Kuala Lumpur, Kuching dan secara atas talian (*webinar*) serta telah dihadiri seramai 568 peserta (2019: 566).




**Peserta Program *Company Secretaries Training Programme Significant* dari tahun 2018 hingga 2020**

## *CONTINUING EDUCATION PROGRAMME*

Program *Continuing Education Programme* (CEP) direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi. Program tersebut telah direka untuk lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional, pereka cipta dan usahawan.

Selari dengan keperluan memperbaharui Sijil Amalan setiausaha di bawah seksyen 241, AS 2016, COMTRAC telah memperkenalkan program Pembangunan Sahsiah (*Personal Development*) untuk ditawarkan kepada komuniti setiausaha syarikat atau orang perseorangan yang berminat. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 60 program (2019: 59) telah diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Sibu, Miri, Kuching, Seremban, Melaka, Kota Bharu, Kota Kinabalu dan dalam talian (*webinar*). Program ini telah dihadiri oleh seramai 2,455 peserta (2019: 3,469).




**Peserta Program *Continuing Education Programme* dari tahun 2018 hingga 2020**

## PROGRAM LATIHAN *MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM* (MBRS)

Pada tahun 2020, sebanyak dua (2) Program Latihan MBRS telah ditawarkan oleh COMTRAC:

(a) ***Introduction to MBRS* (1 hari)**
*Overview of MBRS. How to optimize the use of the preparation tool (mTool). Compulsory digital signature registration. How to prepare and submit Annual Returns under MBRS.*

(b) ***MBRS for Preparers – Financial Statements* (2 hari)**
*Hands-on training for Preparers in using preparation tool (mTool) for submission of financial statements and key financial indicators*.

Sebanyak enam (6) sesi latihan '*Introduction to MBRS*' dan 21 sesi latihan '*MBRS for Preparers – Financial Statements*' telah dianjurkan oleh COMTRAC di Kuala Lumpur, Penang, Sibu, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Melaka serta secara dalam talian (*webinar*). Kedua – dua latihan MBRS tersebut telah dihadiri seramai 798 peserta.

## PROGRAM LATIHAN DALAMAN DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI

COMTRAC turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi dan sambutan adalah amat memberangsangkan. Sepanjang tahun 2020, sebanyak enam (6) (2019: 12) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan, dengan jumlah peserta seramai 145 orang (2019: 414) yang merangkumi tajuk-tajuk berikut:

| PROGRAM | ORGANISASI |
|---|---|
| *CA2016: Impact to Directors & Companies* | IRDA |
| *Business, Company & LLP Registration* | TM Berhad |
| *Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person in Malaysia* | Tricor Corporate Services Sdn. Bhd. |
| *Interview for Approved Liquidators (Series 1)* | MIA |
| *Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person in Malaysia* | Khazanah Nasional Berhad |
| *Interview for Approved Liquidators (Series 2)* | MIA |

## KERJASAMA DENGAN BADAN PROFESIONAL DAN ORGANISASI

Sejak tahun 2018, SSM telah memulakan inisiatif program kolaborasi dengan Rakan Strategik (Partners) dan Penyedia Rangkaian Latihan (TSP) di bawah *SSM Trainers Development Hub* bagi memenuhi keperluan latihan MBRS dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan konsisten dalam kalangan pihak berkepentingan.

Rakan Strategik Latihan MBRS:
(a) Malaysian Institute of Accountants (MIA)
(b) Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
(c) Institute of Approved Company Secretaries (IACS)

Penyedia Rangkaian Latihan MBRS:
(a) Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd (179793-K)
(b) KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd (150059-H)

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 5 (2019: 121) sesi seminar *MBRS for Preparers – Financial Statements* dan telah dihadiri seramai 47 peserta (2019: 2,801) anjuran Rakan Latihan & Penyedia Rangkaian Latihan. Manakala tiada seminar *Introduction to MBRS* dianjurkan pada tahun 2020.

## PROGRAM *CORPORATE TEA TALK*

COMTRAC telah menganjurkan lima (5) program *Corporate Tea Talk* (CTT) pada tahun 2020 kepada pihak berkepentingan seperti di kalangan Pengarah Syarikat, Setiausaha Syarikat, pengurus dan pegawai dalaman syarikat, Ketua/ Wakil Agensi dan Badan Berkanun, Ahli Badan/ Persatuan Profesional serta awam yang lainnya.

Program CTT bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pihak berkepentingan tentang maklumat dan perkembangan terkini menyentuh isu korporat semasa termasuk pematuhan kepada undang-undang yang dikawal selia oleh SSM berserta peraturan perundangan yang berkaitan dengannya.

SSM berpegang kepada falsafah *'Penguatkuasaan Melalui Pendidikan'* dengan pendekatan *'Penguatkuasaan Yang Seimbang'.* SSM percaya melalui pendidikan yang berterusan akan dapat memperlengkapkan inisiatif penguatkuasaan SSM bagi mencapai kadar pematuhan yang tinggi dalam aktiviti pengawalseliaan yang dijalankan.

Berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara, COMTRAC pada satu sudut melihat satu norma baharu perlu dilakukan dalam mengendalikan Program CTT dengan membuat ketetapan untuk meneruskan pelaksanaan program CTT ini secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* (*MS Teams*).

| PROGRAM | TARIKH | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| Penstrukturan Semula Pengurusan Kewangan Perniagaan | 16 Jun 2020 | YBhg. Datin Seri Paduka Dr. Hajah Jamilah Binti Din<br>Anggota Lembaga<br>Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad | 139 |
| *Corporate Liability Provision. Introduction to Section 17A of the MACC Act 2009, Act 694* | 20 Julai 2020 | Encik Mohd Nur Lokman Samingan<br>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 150 |
| *Companies Act 2016 (Updates)* | 15 September 2020 | Encik David Yap Weng Seong<br>Ketua Seksyen<br>Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan<br>Suruhanjaya Syarikat Malaysia | 150 |
| *Cessation of Companies, Asset Management of Dissolved Companies & Corporate Rescue Mechanisms* | 12 November 2020 | Puan Norhaslinda Salleh<br>Ketua Seksyen<br>Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran<br>Suruhanjaya Syarikat Malaysia | 294 |
| *Business Review Reporting under Companies Act 2016* | 22 Disember 2020 | Encik David Yap Weng Seong<br>Ketua Seksyen<br>Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan<br>Suruhanjaya Syarikat Malaysia | 164 |
| **JUMLAH** | | | **897** |

## PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH AGENSI LUAR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Selain program CTT, SSM juga menyertai program yang dianjurkan oleh agensi luar dan pihak bekepentingan yang lain. Pada program tersebut, pegawai SSM dijemput sebagai penceramah bagi memberikan taklimat berkaitan pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956, penubuhan syarikat dibawah AS 2016, produk SSM dan pengaktifan ID bagi sistem atas talian seperti EzBiz *online*, MyCoID dan MyLLP. Pada tahun 2020, SSM telah dijemput untuk mengadakan ceramah anjuran agensi luar dan pihak berkepentingan sebanyak 48 program dengan 2,632 orang peserta.

| TARIKH & PENGANJUR | TAJUK | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 17 Januari 2020<br>NGO Hub, SOLS 24/7 | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 15 |
| 20 Januari 2020<br>PERSOLKELLY | Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 30 |
| 20 Januari 2020<br>PERSOLKELLY | Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Rohaizah Anim | 30 |
| 5 Februari 2020<br>Jabatan Akauntan Negara Malaysia | Khidmat Nasihat & Pandangan Perundangan, Pendaftaran Perniagaan (Perkongsian) di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Pendaftaran Perkongsian Liabiliti di bawah Akta PLT 2012 | Puan Norhaiza Jemon<br>Encik Mohamad Syafiq Hairom<br>Puan Mardiyana Ibrahim | 40 |
| 6 Februari 2020<br>Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Noorsyahmina binti Ismail<br>Puan Nor Aini binti Mohamed Solehan | 30 |
| 11 Februari 2020<br>PERSOLKELLY | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Encik Mohd Syahmi Mad Yasir | 6 |

| TARIKH & PENGANJUR | TAJUK | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 11 Februari 2020<br>PERSOLKELLY | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Murnilawati Mustapha | 30 |
| 14 Februari 2020<br>Kolej Komuniti Ampang | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Ruhaila Mohamed | 22 |
| 15 Februari 2020<br>Yayasan YAUM @YAUM Foundation | Penubuhan Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad,<br>Peranan dan Tanggungjawab Pengarah-Pengarah Syarikat | Cik Suraya Hanim Zainun | 110 |
| 19 Februari 2020<br>Universiti Teknologi Petronas | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N. Vijayasegaran a/l Nadeson | 260 |
| 21 Februari 2020<br>Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia | Pengenalan Kepada Akta Syarikat 2016 dan Kesalahan-Kesalahan Berkaitan | Encik Mohd Zulkhairi Kamaruzaman | 64 |
| 26 Februari 2020<br>Jabatan Siasatan Jenayah Komersial IPK Selangor | Pengenalan Kepada SSM serta Skop Siasatan Melibatkan Jenayah Komersial dan Syarikat | Encik Mohamad Azies Han Mohd Fadzil | 50 |
| 2 Mac 2020<br>Politeknik METrO Tasek Gelugor | Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan | Encik Ahmad Yunus Faeez Md Nor | 30 |
| 3 Mac 2020<br>Politeknik Ungku Omar | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Meor Syafiq Bin Shaidi | 50 |
| 3, 5 & 23 Mac 2020<br>Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N. Vijayasegaran Nadeson | 100 |
| 11 Mac 2020<br>Help University | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Encik Mohd Syahmi Mad Yasir | 30 |
| 12 Mac 2020<br>Kolej Dayatech Subang (HQ) | Entiti Perniagaan di Bawah SSM | Puan Noorsyahmina binti Ismail | 70 |
| 13 Mac 2020<br>Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping | Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan | Encik N. Vijayasegaran Nadeson | 30 |
| 18 Jun 2020<br>GIATMARA Cawangan Mukah | Pendaftaran Perniagaan *Online* | Encik Muhammad Reck Rayyan Abdullah | 30 |
| 11 Julai 2020<br>PEKAP | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Encik Rashidi Bin Mustakim<br>Puan Azihan Binti Ahmad | 100 |
| 15 Julai 2020<br>Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 97 |
| 15 & 16 Julai 2020<br>Media Prima Berhad | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Mohd Syahmi Mad Yasir | 85 |
| 23 Julai 2020<br>Persatuan Kebajikan Warisan Kota | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N. Vijayasegaran a/l Nadeson | 52 |
| 23 Julai 2020<br>MSU College Seremban | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Puan Noor Zaifura Zaharin | 24 |
| 29 Julai 2020<br>GIATMARA Kepong | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan | Encik Mohammad Syafiq Hairom | 25 |
| 11 Ogos 2020<br>Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Wilayah Persekutuan | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Pendaftaran 'ezBiz' | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 30 |

| TARIKH & PENGANJUR | TAJUK | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 11 Ogos 2020<br>KEMAS Negeri Sembilan | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Puan Noor Zaifura Zaharin | 30 |
| 12 Ogos 2020<br>EmpowerNCER @ PERAK | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N.Vijayasegaran a/l Nadeson | 18 |
| 19 Ogos 2020<br>BERJAYA TVET College | Pendaftaran Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 36 |
| 26 Ogos 2020<br>KEMAS Daerah Kerian | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Akta Syarikat 2016 | Encik N.Vijayasegaran a/l Nadeson | 26 |
| 28 Ogos 2020<br>Universiti Sains Islam Malaysia | Pendaftaran Perniagaan, Akta Syarikat 2016 dan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 | Puan Zatullifah Abdullah | 32 |
| 28 Ogos 2020<br>KEMAS Daerah Kuala Kangsar | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik N.Vijayasegaran a/l Nadeson | 27 |
| 3 September 2020<br>Kolej Komuniti Kuala Pilah | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Abdul Nasir Abdul Jalil | 31 |
| 6 September 2020<br>MAICCI (Perak) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Produk SSM | Encik N. Vijayasegaran a/l Nadeson | 100 |
| 7 September 2020<br>Maktab PDRM Kuala Lumpur | Asas Perniagaan & Perdagangan, Peranan SSM Dalam Membantu Siasatan Jenayah Komersil | Encik Sazuree Shuib | 30 |
| 11 September 2020<br>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | Pendaftaran Perniagaan, Akta Syarikat 2016 dan Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 | Puan Azurah Nor Sarif | 12 |
| 11 September 2020<br>Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) | Akta Syarikat 2016 (Akta 777) - Peranan Lembaga Pengarah | Puan Ravinderjit Kaur Savinder Singh | 34 |
| 15 September 2020<br>KEMAS Daerah Manjung | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Cik Suraya Hanim Binti Zainun | 32 |
| 16 September 2020<br>MAICCI (Negeri Sembilan) | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Produk SSM | Puan Sharmila a/p Avaniappan | 300 |
| 24 September 2020<br>Diverge Academy | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Azurah Nor Sarif | 53 |
| 28 September 2020<br>GIATMARA Wangsa Maju | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 16 |
| 6 Oktober 2020<br>MARA Wilayah Persekutuan | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 31 |
| 9 Oktober 2020<br>Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Petaling Jaya | Prosedur Pendaftaran Perniagaan dan Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 51 |
| 10 Oktober 2020<br>Persatuan Penjaja Dan Peniaga Kecil Melayu Daerah Gerik | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Meor Ahmad Shafiq Bin Shaidi | 50 |
| 22 Oktober 2020<br>HELP University | Prosedur Pendaftaran Perniagaan, Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad | Puan Ravinderjit Kaur Savinder Singh | 94 |
| 17 November 2020<br>FunnelEvo | Daftar Perniagaan Anda di SSM | Encik Mohd Syahmi Mad Yasir | 139 |

| TARIKH & PENGANJUR | TAJUK | PENCERAMAH | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 25 November 2020 Universiti Kebangsaan Malaysia | Undang-undang Syarikat | Encik Mohamed Sufyan Mohd Mokhtar | 16 |
| 27 November 2020 International Islamic University Malaysia | Prosedur Pendaftaran Perniagaan | Encik Ezarul Ezwan Yusoff | 34 |
| **JUMLAH** | | | **2,632** |

## KOLABORASI STRATEGIK SSM BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

**Universiti Teknologi MARA**

Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera merupakan program khas kerjasama di antara SSM dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Negeri Sembilan yang bertujuan untuk memberi latihan serta pembelajaran kepada alumni UiTM dan kumpulan profesional yang berkaitan yang berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang Setiausaha Syarikat.

Program yang berlangsung selama empat (4) hari ini dipadatkan dengan sesi pembelajaran, perbincangan dan mini forum bagi mengoptimumkan pengetahuan berkenaan dengan kesetiausahaan syarikat. Setelah program ini tamat, peserta yang berjaya akan diberi lesen untuk menjadi Setiausaha Syarikat. Maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

| PERKARA | PROGRAM 1 (SIRI 10) |
|---|---|
| **Tarikh** | 30 November 2020 – 3 Disember 2020 |
| **Platform** | *Webinar, Microsoft Teams* |
| **Masa** | 8.30 pagi – 5.00 petang |

Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera merupakan sebuah program kesinambungan daripada program yang telah dijalankan bermula tahun 2015 hingga 2019 di UiTM Seremban 3. Rumusan pencapaian siri-siri yang diadakan adalah seperti berikut:

| SIRI | TARIKH | PESERTA |
|---|---|---|
| 1 | 20 April 2015 – 25 April 2015 | 24 |
| 2 | 30 Mei 2016 – 3 Jun 2016 | 32 |
| 3 | 28 November 2016 – 2 Disember 2016 | 22 |
| 4 | 15 Mei 2017 – 19 Mei 2017 | 27 |
| 5 | 23 Oktober 2017 – 27 Oktober 2017 | 28 |
| 6 | 23 April 2018 – 27 April 2018 | 19 |
| 7 | 22 Oktober 2018 – 26 Oktober 2018 | 50 |
| 8 | 17 Jun 2019 – 21 Jun 2019 | 49 |
| 9 | 2 Disember 2019 – 6 Disember 2019 | 27 |
| 10 | 30 November 2020 – 3 Disember 2020 | 146 |
| **JUMLAH** | | **242** |

Seramai 242 orang peserta telah mengikuti program ini sejak ia mula dianjurkan pada tahun 2015 sehingga 2020.



***Company Secretaries Training Programme Essential 1.0***

7 - 9 Januari 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***AGM, Audit and Annual Return under Companies Act 2016***

14 Januari 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur




***Practical Guide for Company Secretaries***

13 Januari 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Corporate Directors Training Programme Fundamental 2.0***

15 Januari 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***MBRS for Preparers - Financial Statements***

15 - 16 Januari 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Company Secretaries Training Programme Essential 1.0***

18 - 20 Februari 2020

Promenade Hotel, Kota Kinabalu



***MBRS for Preparers - Financial Statements***

18 - 19 Februari 2020

Grandriverview Hotel, Kota Bharu




***Workshop on Corporate Liability and Establishing Adequate Procedures for Small Medium Enterprises***

25 - 26 Februari 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Business, Company & LLP Registration (In-House programme for TM Berhad)***

5 Mac 2020

TM Training Centre, Jalan Semarak, Kuala Lumpur




***Company Secretaries Training Programme Essential 1.0***

10 - 12 Mac 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Cessation of Companies & Limited Liability Partnerships***

7 Julai 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Companies Act 2016. Practical Guide for Company Secretaries***

7 Julai 2020

Palm Mall Hotel, Seremban



***Companies Act 2016 & Limited Liability Partnerships Act 2012***

8 Julai 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Resolving Boardroom and Shareholders Disputes***

15 Julai 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur




***Annual General Meeting, Annual Return and Financial Statements under Companies Act 2016***

21 Julai 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Workshop on Corporate Liability and Establishing Adequate Procedures for Small Medium Enterprises***

22 - 23 Julai 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur




***Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person***

30 Julai 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Persuasion and Influencing Skills***

4 Ogos 2020

Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***SSM Webinar - Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person (In-House for Tricor Corporate Services Sdn Bhd)***
6 Ogos 2020
Microsoft Teams platform



***Cyber Security: How to Mitigate the Impact of Cyber Crime on Your Business***
19 Ogos 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Corporate Directors Training Programme Fundamental 3.0 + Cyber Security Awareness***
2 - 3 September 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Annual General Meeting, Annual Return and Financial Statements under Companies Act 2016***
3 September 2020
The Zenith Hotel, Kuantan



***Companies Act 2016. Practical Guide for Company Secretaries***
10 September 2020
Casuarina Hotel, Ipoh



***Mapping Critical Thinking for Company Secretaries***
14 - 15 September 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Advanced Minutes Writing Workshop***
14 - 15 September 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***Value-add Your Role as Company Secretary with Business Model Canvas***
22 September 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***SSM Webinar - Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 for Sabah & Sarawak***
22 - 24 September 2020
Microsoft Teams platform




***Guidelines for Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Person***
24 September 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



***SSM Webinar - Workshop on Corporate Liability and Establishing Adequate Procedures for Small Medium Enterprises***
29 - 30 September 2020
Microsoft Teams platform




***Company Limited by Guarantee under Companies Act 2016***
30 September 2020
Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur



*Directors' Conflict of Interests – How Company Secretary Is to Advise*
19 Oktober 2020
Microsoft Teams platform



*Making Effective Decisions and Solving Problems*
21 Oktober 2020
Microsoft Teams platform



*MBRS for Preparers - Financial Statements*
14 - 15 Disember 2020
Microsoft Teams platform

# PENGLIBATAN DAN KERJASAMA
# PIHAK BERKEPENTINGAN

## Dialog Tahunan 2020

Pada tahun 2020, SSM telah menganjurkan dua (2) sesi Dialog Tahunan yang diadakan di Johor Bahru dan Pulau Pinang. Dialog Tahunan 2020 dihadiri oleh 267 wakil daripada pelbagai badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan persatuan perindustrian di Johor Bahru dan Pulau Pinang.

### DIALOG TAHUNAN 2020

**OBJEKTIF**

- Untuk menggalakkan persefahaman dan hubungan yang lebih erat antara SSM, industri, agensi-agensi kerajaan yang lain dan badan-badan profesional;
- Untuk bertukar-tukar idea dan menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu operasi dan penguatkuasaan yang seterusnya akan meningkatkan kecekapan keseluruhan SSM; dan
- Menyebarkan maklumat kepada ahli dan orang awam ke arah memastikan fungsi SSM, sebagai pengawal selia korporat, difahami sepenuhnya oleh orang ramai.

**TOPIK PEMBENTANGAN**

- Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial berkaitan *Legal Persons* (Dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan)
- Isu Berhubung Sijil Amalan – seksyen 241 AS 2016 (Dibentangkan oleh Pengarah Pematuhan Korporat)
- Isu-Isu Operasi & Penguatkuasaan Di Negeri (Johor Bahru & Penang)

**SESI DIALOG**

**229**

Isu-isu yang diterima daripada pengamal termasuk isu pendaftaran, bekalan maklumat, pematuhan, dan penguatkuasaan

**SESI**

**SESI 1**
Johor Bahru
13 Feb 2020
125 peserta

**SESI 2**
Penang
20 Feb 2020
142 peserta

## Perundingan Awam

SSM sering mengadakan libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pihak industri dan orang awam secara keseluruhannya berkenaan sebarang cadangan berhubung kerangka kerja atau polisi perundangan yang akan dilaksanakan. Pada tahun 2020, SSM telah mengedarkan empat (4) dokumen konsultasi awam seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2:

**Dokumen Konsultasi berkaitan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2020**

- Memperkenalkan dasar-dasar baharu untuk mempertingkatkan peruntukan-peruntukan sedia ada yang berkaitan dengan:
  - ✓ Mekanisme penyelamat korporat;
  - ✓ Penstrukturan semula dan mekanisme penyelamat; dan
  - ✓ Kerangka pemunya benefisial.

**Dokumen Konsultasi berkaitan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2020**

- Memperkenalkan dasar-dasar baharu yang berkaitan dengan:
  - ✓ Mekanisme penyelamat korporat; dan
  - ✓ Kerangka pemunya benefisial.

**Dokumen Konsultasi berkaitan Perundingan Kerangka Pengawalseliaan Bagi Pengamal Insolvensi Di Malaysia**

- Untuk mencadangkan preskripsi yuran di bawah seksyen 567(3) AS 2016 ; dan
- Mencadangkan pindaan di bawah Jadual berhubung dengan maklumat berkaitan pemegang saham, pengarah, setiausaha, juruaudit dan penyelesai.

**Dokumen Konsultasi berkaitan Perundingan Kerangka Pengawalseliaan Bagi Pengamal Insolvensi Di Malaysia**

- Untuk mendapatkan maklum balas dan komen daripada badan profesional dan agensi kawal selia:
  - ✓ mengenal pasti rangka kerja pengawalseliaan semasa untuk menyediakan akses yang lebih mudah kepada profesion pengamal insolvensi;
  - ✓ keperluan untuk memperkenalkan piawaian bersatu untuk profesion yang bersatu; dan
  - ✓ peluang untuk mengukuhkan peranan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap Pengamal Insolvensi.

**Dokumen Konsultasi berkaitan Rang Undang-undang Harta Alih Bercagar di Malaysia**

- Mendapatkan maklum balas dari pihak berkepentingan di Sabah dan Sarawak:
  - ✓ berkenaan cadangan untuk memperkenalkan satu kerangka perundangan baharu yang merangkumi proses pewujudan, pendaftaran dan penguatkuasaan kepentingan bercagar bagi harta alih di Malaysia.
  - ✓ berkenaan pindaan Bills of Sale Ordinance (Sabah Cap.14) dan Bills of Ordinance (Sarawak Cap. 68).
- Perbincangan atas talian juga diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan dari kedua-dua negeri untuk memastikan prinsip utama dan impak kerangka perundangan baharu ini difahami oleh komuniti korporat dari kedua-dua negeri.

## Dialog Polisi Keempat Memulakan Perniagaan di ASEAN

SSM menghadiri Dialog Polisi Keempat Memulakan Perniagaan di ASEAN yang merupakan dialog dalam talian yang dianjurkan di Jakarta, Indonesia oleh Sekretariat Pasukan Petugas Memulakan Perniagaan ASEAN (ASEC) pada 9 November 2020.

Tujuan dialog adalah untuk mempromosikan amalan terbaik memulakan perniagaan dalam kalangan negara ASEAN dan merupakan kesinambungan perbincangan polisi yang sebelum ini diadakan di Hanoi, Vietnam (2016), Kuala Terengganu, Malaysia (2017), Luang Prabang, Lao PDR (2018) dan Bangkok, Thailand (2019). Tema Dialog Polisi Keempat Memulakan Perniagaan ialah 'Memperkenalkan Nombor Pengenalan Unik Perniagaan dan Menambahbaik Kegunaannya'.

SSM membentangkan kertas kerja mengenai pengalaman Malaysia berhubung pengenalan Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) dan penyelarasan antara agensi dalam mencapai objektif MyCoID. Selain Malaysia, penceramah dari *The Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), Singapura dan Indonesia turut berkongsi pengalaman berhubung Nombor Pengenalan Unik Perniagaan (UBIN) dan bagaimana UBIN dilaksanakan.

## Mesyuarat Kumpulan Tugas ASEAN Kelima Memulai Perniagaan

Mesyuarat Pasukan Petugas ASEAN Kelima untuk Memulakan Perniagaan yang diadakan secara dalam talian pada 10 November 2020 di Jakarta, Indonesia. Ke arah menggalakkan kerjasama serantau dalam membangunkan sistem yang boleh dijalinkan di seluruh ASEAN, Pasukan Petugas bersetuju untuk menyelesaikan bahawa keutamaan untuk meningkatkan koordinasi antara agensi di peringkat kebangsaan setiap AMS mesti dicapai sebelum memulakan inisiatif yang sama di peringkat serantau. Pelbagai AMS seperti Malaysia, Singapura dan Brunei juga menyatakan kesediaan mereka untuk berkongsi amalan terbaik, cabaran dan pengalaman berhubung MyCoID, *Unified Entity Number* (UEN) dan Nombor Pendaftaran Syarikat masing-masing.

# IMBAS KOD QR UNTUK PAPARAN VIDEO




**Jom Daftar SSM**
TV1 - 22 Februari 2020




**Kerja Nyahkuman dan Sanitasi Di Menara SSM**
TV1 - 13 Mac 2020




**Parlimen: SSM rekod 82,555 perniagaan baharu dari April hingga Julai**
BERNAMA - 29 Julai 2020




**Laman sesawang tidak sah bagi urusan perniagaan**
TV3 - 13 September 2020




**SSM tawar pengurangan kompaun 90% sehingga 31 Disember 2020**
TV3 - 20 September 2020




**Dokumen berkanun syarikat: SSM tawar pengecualian fi lewat serah**
TV1 - 9 November 2020




**Dokumen berkanun syarikat: SSM tawar pengecualian fi lewat serah**
TV2 - 9 November 2020




**SSM Biztrust: Bilangan peniaga berdaftar masih rendah**
TV1 - 16 November 2020




**Hanya 2.4% OKU mohon Skim Bantuan Perniagaan SSM**
TV3 - 2 Disember 2020



**1686 OKU terima manfaat Skim Bantuan Perniagaan**
BERNAMA - 3 Disember 2020




**Manfaatkan Skim 1 OKU 1 Perniagaan**
TV9 - 3 Disember 2020




**85 ribu perniagaan baharu berdaftar dengan SSM**
TV1 - 9 Disember 2020




**Pendaftaran percuma: Galak belia dan ibu tunggal ceburi perniagaan**
ASTRO AWANI - 15 Disember 2020



**SSM perluas inisiatif pendaftaran percuma kepada belia**
BERNAMA - 15 Disember 2020




**Pendaftaran perniagaan percuma untuk belia, ibu tunggal**
TV2 - BERITA TAMIL - 15 Disember 2020




**SSM perluas inisiatif pendaftaran perniagaan percuma**
TV3 - 15 Disember 2020




**Manfaat pendaftaran pernigaan percuma diperluas**
TV9 - 15 Disember 2020



**Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan**
TV1 - 20 Disember 2020




**SSM perkenal Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin**
TV1 - 24 Disember 2020




**Pendaftaran perniagaan percuma kepada belia dan ibu tunggal B40**
TV3 - 24 Disember 2020

# PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN

## Pernyataan Pengurusan Risiko

Penekanan *Enterprise Risk Management* (ERM) terhadap konsep kenal pasti dan ambil kira risiko secara pro aktif yang mungkin datang daripada persekitaran di mana organisasi tersebut beroperasi menjadikan ia penting kepada SSM kerana ERM membantu dalam membina dan melindungi nilai SSM melalui pengurusan risiko, proses membuat keputusan, menentu dan mencapai objektif dan penambahbaikan prestasi organisasi. Dengan mengambil kira risiko, pelan tindakan yang bersesuaian dibangunkan dalam menguruskan risiko yang telah dikenal pasti dan seterusnya mengurus dan memantau risiko-risiko utamanya dengan efektif.

Di SSM, ERM telah diterjemahkan sebagai suatu proses yang perlu dilaksanakan di semua peringkat meliputi Anggota Suruhanjaya, pihak pengurusan dan semua pekerja, ia digunakan dalam proses penetapan sebarang strategi di SSM, mengenal pasti situasi yang berpotensi memberi kesan terhadap SSM, menguruskan risiko berdasarkan kepada selera risiko yang telah ditetapkan dan memberi keyakinan yang munasabah kepada SSM untuk mencapai visi dan Teras-Teras Strategiknya. Objektif utama rangka kerja ERM yang dibangunkan di SSM adalah merujuk kepada ISO 31000:2018 (*Risk Management Guidelines*) yang telah direka bagi menyokong mencapai visi sepenuhnya dan melindungi reputasi SSM, sumber-sumber, modal insan, aset dan sebagainya. Memandangkan risiko boleh menjejaskan pencapaian terhadap Teras-Teras Strategik, pendekatan formal yang berstruktur dan konsisten diperlukan dalam menguruskan risiko di SSM.

Selain itu, bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan SSM atau pemulihan segera terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kritikal sejajar dengan misi SSM, memenuhi kehendak perundangan yang berkaitan dan melindungi keselamatan nyawa dalam kesemua situasi, pelan kesinambungan perniagaan yang berasaskan kepada ISO 22301:2019 dan amalan terbaik industri telah dibangunkan di SSM. Pelan kesinambungan ini meliputi insiden-insiden yang berlaku secara semulajadi, akibat daripada teknologi dan perbuatan manusia, termasuklah insiden yang menyebabkan kehilangan akses kepada sebahagian atau keseluruhan fasiliti atau perkhidmatan yang terjejas akibat daripada kegagalan peralatan atau sistem.

## Struktur Tadbir Urus, Tugas Dan Tanggungjawab

Struktur tadbir urus ERM dan *Business Continuity Management* (BCM) menerangkan kaedah penyusunan dan pelaksanaan strategi untuk memastikan amalan dan budaya yang bersesuaian dapat diinstitusikan di SSM. Struktur pelaporan yang efektif akan membolehkan komunikasi yang lebih tersusun untuk menyokong dan menerapkan strategi ERM dan BCM ke dalam pengurusan dan operasi SSM. Struktur pelaporan yang efektif juga dapat memastikan akauntabiliti, autoriti dan kompetensi yang bersesuaian dalam mengurus risiko, termasuk melaksana dan menyokong proses ERM dan BCM supaya pelaporan daripada Seksyen Pengurusan Risiko kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) dapat dilaksanakan secara konsisten dan berkala.




**Nota:**

Pelaporan Terus

Menyediakan laporan untuk tindakan dan pemantauan oleh pihak Pengurusan dan mengambilkira maklum balas/ komen daripada pihak Pengurusan dalam melengkapkan pelaporan kepada JAPR

## Peranan Utama Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Kepimpinan yang mantap dan komitmen berterusan daripada Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM dan semua pekerja adalah sangat penting dalam memastikan pelaksanaan ERM dan BCM di SSM berjaya dilaksanakan dengan berkesan. Anggota Suruhanjaya hendaklah memastikan penurunan kuasa serta akauntabiliti yang mencukupi diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan pelaksanaan ERM dan BCM.

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan risiko – risiko yang dihadapi telah diuruskan, namun begitu tanggungjawab untuk mengenal pasti dan menguruskan risiko adalah terletak pada pihak Pengurusan dan semua pekerja. JAPR hendaklah melaporkan keberkesanan proses pengurusan risiko dan risiko-risiko utama telah ditangani dengan tahap yang boleh diterima dan bersesuaian. Tanggungjawab utama JAPR adalah seperti berikut:

1. Mengawal selia dasar, rangka kerja, sistem, amalan dan prosedur ERM dan BCM.
2. Memeriksa dan mengesahkan parameter risiko, selera risiko, risiko-risiko utama, pilihan rawatan risiko dan Pelan Tindakan Risiko.
3. Memastikan pelaksanaan aktiviti ERM dan BCM turut meliputi pengawasan ke atas risiko-risiko utama dengan secara aktif meminta serta mencabar maklumat - maklumat risiko strategik daripada bahagian operasi.
4. Bertindak sebagai penasihat, pendidik dan pemangkin perubahan dalam pengurusan risiko organisasi.
5. Memeriksa dan mengesahkan penambahbaikan kepada infrastruktur ERM dan BCM (cth: sistem, teknologi, dll), keupayaan, persekitaran, amalan dan prosedur yang disebabkan oleh perubahan dalaman dan luaran.
6. Menilai kecukupan peralatan, sumber, latihan dan pakar subjek ERM dan BCM.

## Peranan Utama Pihak Pengurusan SSM

Sementara itu, pihak Pengurusan SSM harus memainkan peranan seperti berikut:

1. Memastikan dan memantau secara konsisten pelaksanaan polisi dan rangka kerja ERM dan BCM di seluruh SSM.
2. Mengurus dan memantau risiko – risiko utama dengan efektif dan mengikut tempoh yang ditetapkan.
3. Memastikan semua pekerja memahami tanggungjawab dan akauntabiliti mereka dalam melaksanakan tugasan yang berkaitan dengan risiko.
4. Memberikan sokongan yang mencukupi kepada Seksyen Pengurusan Risiko dalam melaksanakan fungsi - fungsinya.

## Peranan Utama Seksyen Pengurusan Risiko (SPR)

Tugas dan tanggungjawab SPR adalah selari dengan definisi di semua peringkat SSM, untuk memastikan akauntabiliti dan kebertanggungjawaban dalam menguruskan pelaporan, memantau dan mengkomunikasikan risiko dengan berkesan seperti berikut:




| FUNGSI | PENERANGAN |
|---|---|
| **Mengawal Selia** | ▪ Berkomunikasi, berunding, berkongsi, menilai dan menambah baik polisi, rangka kerja, mekanisme, peralatan dan proses ERM dan BCM secara berterusan kepada Anggota Suruhanjaya, pihak Pengurusan dan pekerja.<br>▪ Memantau secara bebas status pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko.<br>▪ Melaksanakan proses pengurusan risiko terhadap projek/ pelaburan baharu atau melantik mana-mana wakil risiko untuk melaksanakan peranan sebagai badan bebas bagi pihak SPR. |
| **Memperkukuh** | ▪ Menerajui program pendidikan ERM dan BCM serta secara berterusan memupuk budaya risiko.<br>▪ Memastikan semua maklumat yang dikumpul berkaitan ERM dan BCM di SSM direkod dan disimpan dengan baik. |
| **Memudah Cara / Mengkoordinasi** | ▪ Menjadi pemudah cara dan penyelaras bagi aktiviti-aktiviti penilaian risiko, pelaksanaan Pelan Tindakan Risiko serta pembangunan Petunjuk Risiko Utama.<br>▪ Membimbing, menyelaras, dan memudah cara pelaksanaan Rangka Kerja serta inisiatif-inisiatif BCM.<br>▪ Mengkoordinasi pelaporan risiko selaras dengan struktur dan kekerapan yang ditetapkan.<br>▪ Menyediakan laporan penuh untuk perbincangan dan mendapatkan pandangan pihak pengurusan sebelum dibentangkan kepada JAPR. |
| **Penasihat Bebas/ Memeriksa** | ▪ Memberikan input/ cabaran secara bebas berkaitan kesempurnaan pelaksanaan penilaian risiko, Pelan Tindakan Risiko, Petunjuk Risiko Utama dan *Business Impact Analysis* (BIA). |

## Proses Pengurusan Risiko

Proses ERM di SSM akan mengambil kira elemen-elemen seperti penerapan dasar, prosedur dan amalan yang sistematik terhadap aktiviti komunikasi dan perundingan, penetapan konteks, menilai, merawat, memantau, mengawal selia, merekod dan melaporkan risiko. Proses ERM ini digambarkan seperti berikut:




| PROSES | PENERANGAN |
|---|---|
| Skop, Konteks dan Kriteria | Memahami persekitaran operasi SSM secara sistematik dan berstruktur dalam menguruskan risiko dapat membantu mengelakkan tindakan yang tidak efektif dan efisien. |
| Penilaian Risiko | Proses penilaian risiko terdiri daripada mengenal pasti, menganalisis dan menilai risiko. Pengenalpastian risiko merupakan aktiviti mengenal pasti risiko signifikan yang boleh menghalang atau menjejaskan pencapaian visi dan/ atau teras strategik SSM. Analisis risiko adalah proses di mana penyebab-penyebab kepada risiko yang telah dikenal pasti akan ditentukan dan dianalisa, termasuk menentukan keberkesanan kawalan dalaman dalam menguruskan risiko. Penilaian risiko adalah aktiviti menilai risiko, setelah mengambil kira kawalan dalaman, bagi tujuan penyediaan kedudukan/ profil risiko. |
| Pembangunan Pelan Tindakan Risiko | Proses pembangunan pelan tindakan risiko terdiri daripada aktiviti pemilihan opsyen rawatan risiko yang bersesuaian serta pembangunan dan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang efektif dari segi kos. Ini juga melibatkan keseimbangan di antara kos dan usaha dalam pelaksanaan pelan tindakan risiko berbanding manfaat yang akan diperolehi daripada tindakan tersebut. |
| Petunjuk Risiko Utama | Petunjuk risiko utama merupakan sistem amaran awal yang dibangunkan untuk memantau dan bertindak balas dengan cepat dan tepat terhadap risiko yang dikenal pasti sebelum risiko tersebut berlaku. |
| Pemantauan dan Pembudayaan ERM | Pelan Tindakan Risiko hendaklah dipantau untuk memastikan pelaksanaan strategi dan aktiviti – aktiviti dalam menguruskan risiko - risiko utama adalah seperti yang dirancang. Pelan Tindakan Risiko yang telah disediakan hendaklah dimasukkan ke dalam Manual Prosedur Kerja SSM sebagai kawalan rutin dan akan terus diamalkan di SSM. |

## Kaedah *Risk Control Self-Assessment* (RCSA)

Risiko-risiko yang telah dikenal pasti dan diuruskan di peringkat operasi dapat meningkatkan pengoperasian organisasi ke tahap yang lebih efektif dan efisien. Isu/ masalah harian akan berkurangan kerana pihak Pengurusan dan pekerja fokus untuk menjadi lebih produktif dalam mencapai sasaran organisasi, berbanding aktiviti penyelesaian masalah yang berulang. Sepertimana amalan organisasi lain yang melaksanakan ERM, SSM juga mengguna pakai konsep/ kaedah Kawalan Risiko Penilaian Kendiri/ *Risk Control Self-Assessment* (RCSA) untuk memastikan semua pihak yang terlibat dapat menguruskan risiko masing - masing.

RCSA merupakan kaedah/ memantapkan proses di mana pihak pengurusan dan semua peringkat pekerja di SSM secara kolektifnya mengenal pasti dan menilai risiko beserta langkah kawalan yang berkaitan. RCSA akan menambah nilai dengan meningkatkan penglibatan bahagian operasi dalam membangun dan mengekalkan sistem kawalan risiko, mengenal pasti pendedahan risiko dan menentukan Pelan Tindakan Risiko.

RCSA menyediakan rangka kerja serta menjadi alat kepada pihak pengurusan dan pekerja dalam mengenal pasti dan menentukan keutamaan objektif operasi/ perkhidmatan, menilai dan mengurus risiko – risiko utama dalam proses kerja, membuat penilaian kendiri terhadap kawalan, membangunkan pelan mengatasi risiko dan memastikan proses pengenalpastian, pengesahan, penilaian objektif dan risiko adalah konsisten di semua peringkat organisasi. Proses RCSA digambarkan seperti berikut:




## Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

BCM akan meningkatkan tahap ketersediaan organisasi untuk meneruskan operasi apabila berhadapan dengan bencana. Ia juga akan menambah baik kefahaman terhadap hubungan dalaman dan luaran organisasi, komunikasi yang lebih baik dengan pihak berkepentingan dan mewujudkan persekitaran yang sentiasa melaksanakan proses penambahbaikan secara berterusan.

Rangka Kerja dan Polisi BCM SSM menyatakan keperluan untuk merancang, menetap, melaksana, mengoperasi, memantau, mengkaji, menyelenggara dan menambah baik secara berterusan sistem pengurusan dokumen bagi melindungi, mengurangkan kemungkinan kejadian, sentiasa bersedia, kaedah, bagaimana bertindak balas dan melaksanakan pemulihan sekiranya berlaku insiden-

insiden yang boleh menjejaskan operasi. Penilaian risiko adalah merupakan salah satu proses di dalam amalan BCM yang bermaksud proses terperinci untuk mengenal pasti dan menilai sebarang risiko di dalam organisasi.

Tindak balas serta rawatan yang bersesuaian ke atas risiko-risiko yang dikenal pasti akan dicadangkan pada akhir proses pengurusan risiko tersebut. Setiap peringkat pekerja di dalam organisasi adalah bertanggungjawab bagi mengenal pasti ancaman-ancaman yang berpotensi mengganggu operasi secara material, sehingga mengakibatkan ketidakmampuan untuk melaksana obligasi perniagaan. Penilaian risiko perlu dilaksanakan berdasarkan kepada potensi kerugian, ketidakbolehcapaian terhadap sesuatu objektif atau kehilangan sumber seperti berikut:




*Business Impact Analysis* (BIA) adalah merujuk kepada proses mengenalpasti *Critical Business Function* (CBF) di dalam organisasi dan menerangkan apa yang diperlukan untuk memulihkan fungsi-fungsi tersebut, sekiranya berlaku bencana atau gangguan. Pelaksanaan proses BIA ini merupakan asas di dalam pembangunan tindak balas dan strategi BCM dan juga merupakan langkah yang penting dalam pembangunan BCP. Maklumat yang dikumpul ini akan membantu SSM membangunkan BCP serta menentukan keutamaan bagi peralatan dan sumber-sumber sedia ada, sekiranya berlaku bencana. Proses BIA digambarkan seperti berikut:



## Aktiviti ERM dan BCM

Sepanjang tahun 2020, SPR telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan berpandukan kepada Pelan Tahunan ERM/ BCM bagi membolehkan amalan ERM dan BCM dilaksanakan dengan baik dan menyeluruh di SSM. Ringkasan aktiviti - aktiviti yang telah dijalankan oleh SPR adalah seperti berikut:

(1) Pelaksanaan Penilaian Risiko (Rutin dan Projek).
(2) Pelaksanaan Proses dan Pemantauan ERM bagi projek – projek di bawah *SSM Transformation Programme* (SSMTP).
(3) Menganjurkan aktiviti kesedaran ERM dan BCM:
  (a) Sesi Taklimat BCM Di Pejabat Negeri SSM.
  (b) Pengenalan pengurusan risiko melalui Program *Employee Development Training (EDT)* kepada semua pekerja SSM.
  (c) Program Webinar ERM dengan penyertaan dari peringkat Eksekutif hingga ke peringkat Pengurusan.
  (d) Sesi Taklimat ERM dan Bengkel Penilaian Risiko bagi semua ahli projek SSMTP.
  (e) Sesi Taklimat *Crisis Communication Plan*.
(4) Pemantauan risiko siber.
(5) Proses ERM dimasukkan ke dalam *planning and operating strategic plan SSM*.
(6) Proses ERM dijadikan topik/ agenda di dalam Mesyuarat Pengurusan/ Jawatankuasa – Jawatankuasa Projek SSM, *Project Steering Committee (PSC)* dan *Project Working Committee (PWC)*.
(7) Pelaksanaan *Business Continuity Risk Assessment (BCRA)* mengikut Bahagian/ Seksyen.
(8) Pelaksanaan *Business Impact Analysis (BIA)*.
(9) Pembangunan *Business Strategy and Recovery Planning*.
(10) Pembangunan BCP COVID-19 bagi pemulihan operasi SSM semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.
(11) Sesi *Knowledge Sharing* berkaitan ERM and BCM bersama agensi-agensi lain.
(12) Mengemas kini Polisi, Rangka Kerja, Manual Prosedur Kerja dan Pelan Tahunan ERM dan BCM.

# PERNYATAAN AUDIT DALAM



**Seksyen Audit Dalam** memberikan **jaminan** objektif yang **bebas** serta **khidmat nasihat** yang dirancang untuk memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi SSM. Seksyen Audit Dalam juga membantu SSM mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin di dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

## KEBEBASAN DAN OBJEKTIVITI



Seksyen Audit Dalam berperanan sebagai satu **fungsi bebas**. Seksyen ini tidak boleh terlibat secara langsung dalam pengurusan operasi harian, pembangunan atau pelaksanaan sistem secara terperinci, perancangan, peraturan, polisi atau prosedur baharu SSM yang mana boleh menjejaskan **kebebasan** dan **objektiviti** penilaian audit dalam.

# PIAGAM DAN SKOP KERJA AUDIT DALAM

**Piagam Audit Dalam** merupakan satu dokumen rasmi yang menggariskan peranan Seksyen Audit Dalam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Berdasarkan piagam tersebut, semua aktiviti pengauditan tahunan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Skop kerja audit tahunan merangkumi perkara berikut:

- Mengkaji dan menilai status kewangan dan operasi.
- Mengkaji dan menilai sistem yang dibangunkan oleh pihak pengurusan untuk memastikan kepatuhan terhadap polisi, pelan, prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan.
- Mengkaji dan menilai berhubung pengurusan aset.
- Mengkaji dan menilai keberkesanan sesuatu progam dan aktiviti.
- Menjalankan aktiviti khusus berdasarkan arahan Anggota Suruhanjaya atau Pengurusan Tertinggi.

## POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2020)
## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA




Seksyen Audit Dalam telah diberi mandat oleh Anggota Suruhanjaya dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2020) Suruhanjaya Syarikat Malaysia. **Polisi Pemberi Maklumat Dalaman SSM** ini merupakan penambahbaikan ke atas Dasar Pemberi Maklumat Dalaman SSM 2013 dan telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 3 September 2020.

Polisi ini bertujuan menggalakkan pekerja SSM dan pihak luar untuk menyalurkan sebarang salah laku atau **kelakuan tidak wajar** oleh pekerja, pengurusan SSM atau Anggota Suruhanjaya. Semua maklumat aduan dan identiti Pemberi Maklumat akan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat **"SULIT"**. Seseorang yang didapati membocorkan identiti atau informasi pemberi maklumat boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

# PERLINDUNGAN

- **Identiti** Pemberi Maklumat serta **maklumat** yang diberikan adalah **dirahsiakan** dan tidak didedahkan termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.

- Bagi pekerja SSM, Pemberi Maklumat dilindungi dengan sewajarnya daripada sebarang tindakan yang memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat seperti:
  - Gangguan terhadap pekerjaan
  - Diskriminasi
  - Penamatan perkhidmatan
  - Penurunan pangkat
  - Gantung kerja
  - Keadaan yang merugikan

# PENYALURAN ADUAN

Pemberi Maklumat boleh menyalurkan Borang Aduan yang lengkap diisi melalui:

**E-mel ke alamat:**
whistleblower@ssm.com.my; atau

**Pos atau serahan tangan ke alamat:**

**Ketua Seksyen Audit Dalam**
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tingkat 19, Menara SSM@Sentral
No.7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

# PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Pendapatan
- Penyata Pendapatan Komprehensif
- Penyata Perubahan Ekuiti
- Penyata Aliran Tunai
- Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 50.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614].

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions.*

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata

yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(NOR AZIAN BINTI NORDIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
1 DISEMBER 2021

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Kami, **DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD** dan **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

_______________________________

Nama: **DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**

Jawatan: **PENGERUSI SURUHANJAYA**

Tarikh: 181121

Tempat: **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,

_______________________________

Nama: **DATUK NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**

Jawatan: **ANGGOTA SURUHANJAYA**

Tarikh: 181121

Tempat: **KUALA LUMPUR**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Saya, **HJ ROSLI BIN HJ AHMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun,1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui )
oleh penama di atas )
di **KUALA LUMPUR** )
pada 18 NOV 2021 )

PESURUHJAYA SUMPAH
W 800
AMIR BIN ISMAIL
01.01.2020-31.12.2022
MALAYSIA
NO.33-4, JALAN MEDAN TUANKU, 50300
KUALA LUMPUR

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Harta, kelengkapan dan peralatan | 4 | 127,474,655 | 137,035,228 |
| Hartanah pelaburan | 5 | 10,395,000 | 10,395,000 |
| Pelaburan jangka panjang | 6 | 245,732,673 | 139,799,966 |
| Kerja dalam kemajuan | 7 | 71,432,300 | 74,053,589 |
| Pembiayaan pekerja | 8 | 48,819,366 | 51,462,721 |
| | | **503,853,994** | **412,746,504** |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang  perdagangan | 9 | 6,540,782 | 12,368,777 |
| Penghutang lain, deposit dan pra bayar | 10 | 33,814,039 | 39,292,251 |
| Pelaburan jangka pendek | 11 | 622,084,133 | 620,000,000 |
| Inventori | 12 | 277,820 | 277,820 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 13 | 121,165,071 | 123,308,385 |
| | | **783,881,845** | **795,247,233** |
| **JUMLAH ASET** | | **1,287,735,839** | **1,207,993,737** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN** (sambungan)
**PADA 31 DISEMBER 2020**

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | |
| **Ekuiti** | | | |
| Lebihan terkumpul | | 1,034,410,950 | 947,932,159 |
| Dana pembiayaan pekerja | 14 | 91,000,000 | 91,000,000 |
| | | **1,125,410,950** | **1,038,932,159** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Peruntukan faedah pekerja | 15 | 32,106,777 | 28,594,500 |
| | | **32,106,777** | **28,594,500** |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 16 | 46,821,768 | 48,895,173 |
| Pemiutang lain | 17 | 57,417,849 | 60,887,665 |
| Pemiutang projek | 18 | 2,217,590 | 4,784,240 |
| Cukai dan zakat | 23 | 23,760,905 | 25,900,000 |
| | | **130,218,112** | **140,467,078** |
| **Jumlah Liabiliti** | | **162,324,889** | **169,061,578** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **1,287,735,839** | **1,207,993,737** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | | **420,236,262** | **448,073,016** |
| **Perbelanjaan Operasi** | | | |
| Kos pekerja | 20 | 158,372,648 | 150,618,142 |
| Kos pentadbiran | 21 | 86,656,994 | 122,495,263 |
| Susutnilai | 4 | 10,506,169 | 11,946,111 |
| Kerugian rosotnilai ke atas kerja dalam kemajuan | | 8,589,930 | - |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | | 37,962 | 29,591 |
| | | **264,163,703** | **285,089,107** |
| Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | | **156,072,559** | **162,983,909** |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 16 | 46,821,768 | 48,895,173 |
| Lebihan sebelum cukai dan zakat | 22 | 109,250,791 | 114,088,736 |
| Cukai dan zakat | 23 | 22,772,000 | 25,887,616 |
| **Lebihan bagi tahun** | | **86,478,791** | **88,201,120** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Lebihan bagi tahun** | | **86,478,791** | **88,201,120** |
| **Pendapatan Komprehensif Lain:** | | | |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | - |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | | **86,478,791** | **88,201,120** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | Lebihan Terkumpul RM | Dana Pembiayaan Pekerja RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2020 | 947,932,159 | 91,000,000 | 1,038,932,159 |
| Lebihan bagi tahun | 86,478,791 | - | 86,478,791 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 86,478,791 | - | 86,478,791 |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **1,034,410,950** | **91,000,000** | **1,125,410,950** |
| | | | |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 859,731,039 | 91,000,000 | 950,731,039 |
| Lebihan bagi tahun | 88,201,120 | - | 88,201,120 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 88,201,120 | - | 88,201,120 |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **947,932,159** | **91,000,000** | **1,038,932,159** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan sebelum cukai | 109,250,791 | 114,088,736 |
| Pelarasan bagi: | | |
| Susutnilai | 10,506,169 | 11,946,111 |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | 37,962 | 29,591 |
| Keuntungan dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | (479) | (1,073,292) |
| Kerugian rosotnilai ke atas kerja dalam kemajuan | 8,589,930 | - |
| Faedah dan dividen daripada pelaburan | (31,503,614) | (35,334,918) |
| **Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja** | **96,880,759** | **89,656,228** |
| Perubahan di dalam penghutang perdagangan | 5,827,995 | (5,121,560) |
| Perubahan di dalam penghutang lain, deposit dan prabayar | 5,478,212 | 4,236,100 |
| Perubahan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | (2,073,405) | (3,676,593) |
| Perubahan di dalam pemiutang lain | (3,469,816) | 6,607,117 |
| Perubahan di dalam pemiutang projek | (2,566,650) | (27,535) |
| Perubahan di dalam peruntukan faedah pekerja | 3,512,277 | 2,555,328 |
| **Tunai dari aktiviti operasi** | **103,589,372** | **94,229,085** |
| Cukai berbayar | (8,911,095) | (8,387,616) |
| Zakat berbayar | (16,000,000) | (13,200,000) |
| **Tunai dari aktiviti operasi** | **78,678,277** | **72,641,469** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan | (945,710) | (10,601,651) |
| Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | 593 | 1,073,756 |
| Hartanah pelaburan | - | - |
| Kerja dalam kemajuan | (5,968,641) | (31,939,848) |
| Pelaburan | (108,054,802) | (107,950,361) |
| Faedah dan dividen daripada pelaburan | 31,503,614 | 35,334,918 |
| Pembiayaan pekerja | 2,643,355 | 2,692,776 |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | **(80,821,591)** | **(111,390,410)** |
| | | |
| **(Pengurangan)/ Pertambahan tunai dan kesetaraan tunai** | **(2,143,314)** | **(38,748,941)** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun** | **123,308,385** | **162,057,326** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **121,165,071** | **123,308,385** |

**Nota-nota di muka surat 10 hingga 50 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana–mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas. Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Suruhanjaya beroperasi di alamat Menara SSM@Sentral, No 7. Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali seperti yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan mengikut MPERS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian tersebut adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

#### (b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambil kira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

(i) Kos

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

(ii) Susutnilai

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilaian semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Peralatan Bangunan | 20% |
| Kenderaan Bermotor | 20% |
| Perkakasan dan Perisian Komputer | 20% - 33 1/3% |
| Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan | 20% |
| Ubahsuai | 20% - 33 1/3% |

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan akan dihentikan apabila dinyahiktiraf dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda rosotnilai. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk Nota 2(e) polisi perakaunan mengenai rosotnilai aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (d) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

### (e) Rosotnilai Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian rosotnilai sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

### (f) Pajakan

Terma pajakan oleh Suruhanjaya yang menjangka dengan ketara segala risiko dan ganjaran bagi hak pemilikan adalah dikategorikan sebagai pajakan kewangan dan terma pajakan di mana Suruhanjaya menjangka dengan ketara semua risiko dan ganjaran dikategorikan sebagai pajakan operasi.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi dikenal pasti sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh pajakan.

### (g) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

### (h) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada nilai saksama ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

### (i) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi.

### (k) Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

### (l) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

### (m) Faedah Pekerja

(i) Faedah Pekerja Jangka Pendek

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

(ii) Pelan Caruman Ditentukan

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang berada dalam skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

(iii) Pelan Manfaat Ditentukan

Pembayaran pelan manfaat ditentukan selepas persaraan dan/ atau setelah tamat perkhidmatan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai kos faedah pekerja, manakala dalam penyata kedudukan kewangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (m) Faedah Pekerja (sambungan)

(iii) Pelan Manfaat Ditentukan (sambungan)

Jenis-jenis pelan manfaat ditentukan yang diiktiraf adalah seperti berikut:

a) Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS); dan

b) Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSSSM).

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara atau yang tamat tempoh perkhidmatan adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Gaji akhir di bawah sistem Saraan Malaysia digunakan untuk pengiraan liabiliti di bawah GPS.

Suruhanjaya telah menubuhkan pelan manfaat ditentukan yang dinamakan *Saguhati Tamat Perkhidmatan* bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

Suruhanjaya menentukan nilai semasa obligasi faedah dan nilai saksama pelan aset secara tetap supaya jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tidak berlainan materialiti daripada jumlah pada akhir tempoh pelaporan.

Perubahan pada liabiliti manfaat yang timbul ditentukan daripada perkhidmatan pekerja yang diberikan dan faedah ke atas kewajipan manfaat ditentukan bagi tahun kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### (n) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) mewakili caruman sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada lebihan tahunan semasa sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah lebihan tahunan semasa sebelum peruntukan cukai dan zakat.

### (o) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (p) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

### (q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar–benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

### (r) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (r) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing - masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

(ii) Kompaun

Seksyen 23 MPERS tidak memperuntukkan pengiktirafan pendapatan daripada transaksi kompaun. Oleh itu, pendapatan kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima dimana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dengan tempoh pembayaran adalah ditentukan oleh Pendaftar, dan pada akhir tempoh yang diberi, maka notis kompaun berkenaan akan tamat tempoh jika ianya tidak dibayar.

Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan dan / atau tindakan lain yang sesuai selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) Faedah dan Dividen

Faedah dan dividen diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti dapat diakrukan kepada Suruhanjaya.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (s) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan merangkumi bahagian pejabat bangunan dan tanah bagi tujuan peningkatan modal atau peroleh hasil sewaan atau kedua-duanya.

Pada peringkat awal hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan kos yang terdiri daripada harga belian dan sebarang perbelanjaan secara langsung serta kos lain semasa urusan belian. Kemudiannya hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, dan perubahan dalam nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan.

Kos pengubahsuaian dan penambahbaikan utama direkodkan sebagai asset dan jumlah bawaan bagi komponen yang digantikan direkodkan dalam penyata pendapatan. Kos penyelenggaraan, pembaikpulih dan penambahbaikan kecil direkodkan di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

Bagi pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan jumlah bawaan direkodkan di dalam penyata pendapatan.

### (t) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan kedua-dua aset kewangan sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti sesuatu perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

### (t) Instrumen Kewangan (sambungan)

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 3. ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

### (a) Susut Nilai Pada Harta, Kelengkapan dan Peralatan

Kos bagi sesuatu harta, kelengkapan dan peralatan telah disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus yang menggambarkan penggunaan manfaat ekonomi aset tersebut berbanding dengan hayat penggunaan. Jangkaan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi harta, kelengkapan dan peralatan berkemungkinan berbeza daripada jangkaan yang digunakan dan ini akan membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu harta, kelengkapan dan peralatan.

### (b) Liabiliti Manfaat Yang Ditentukan

Suruhanjaya mempunyai pelan manfaat tetap untuk pekerjanya. Pengukuran nilai semasa pelan manfaat tetap ini adalah berdasarkan pada bilangan anggaran dan faktor seperti didedahkan pada Nota 15. Setiap perubahan dalam andaian akan mempunyai implikasi pada jumlah bawaan pada obligasi pelan manfaat tetap.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

## 4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

| | Bangunan | Peralatan Bangunan | Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan | Perkakasan dan Perisian Komputer | Kenderaan Bermotor | Ubahsuai | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2020 | 149,243,916 | 16,650,580 | 18,281,810 | 86,669,189 | 2,582,966 | 33,765,190 | 307,193,651 |
| Tambahan | - | - | 691,518 | - | - | 254,192 | 945,710 |
| Pelupusan | - | - | (411,800) | (7,065) | - | (544,506) | (963,371) |
| **Pada 31 Disember 2020** | **149,243,916** | **16,650,580** | **18,561,528** | **86,662,124** | **2,582,966** | **33,474,876** | **307,175,990** |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Susutnilai pada 01 Januari 2020 | 27,465,248 | 16,650,569 | 14,920,551 | 76,681,356 | 2,082,967 | 32,357,732 | 170,158,423 |
| Susutnilai (Nota 22) | 2,984,878 | - | 1,243,518 | 5,625,720 | 216,679 | 435,374 | 10,506,169 |
| Pelupusan | - | - | (411,703) | (7,062) | - | (544,492) | (963,257) |
| **Pada 31 Disember 2020** | **30,450,126** | **16,650,569** | **15,752,366** | **82,300,014** | **2,299,646** | **32,248,614** | **179,701,335** |
| **Nilai Bawaan Bersih Pada 31 Disember 2020** | **118,793,790** | **11** | **2,809,162** | **4,362,110** | **283,320** | **1,226,262** | **127,474,655** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

| | Bangunan | Peralatan Bangunan | Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan | Perkakasan dan Perisian Komputer | Kenderaan Bermotor | Ubahsuai | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Kos** | | | | | | | |
| Pada 01 Januari 2019 | 142,807,436 | 16,650,580 | 18,218,543 | 84,037,728 | 6,562,581 | 33,133,491 | 301,410,359 |
| Tambahan | 6,436,480 | - | 619,954 | 2,766,284 | - | 778,933 | 10,601,651 |
| Pelupusan | - | - | (556,687) | (134,823) | (3,979,615) | (147,234) | (4,818,359) |
| **Pada 31 Disember 2019** | **149,243,916** | **16,650,580** | **18,281,810** | **86,669,189** | **2,582,966** | **33,765,190** | **307,193,651** |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | |
| Susutnilai pada 01 Januari 2019 | 24,567,840 | 16,650,569 | 14,290,132 | 69,416,845 | 5,845,861 | 32,258,961 | 163,030,208 |
| Susutnilai (Nota 22) | 2,897,408 | - | 1,186,731 | 7,399,318 | 216,679 | 245,975 | 11,946,111 |
| Pelupusan | - | - | (556,312) | (134,807) | (3,979,573) | (147,204) | (4,817,896) |
| **Pada 31 Disember 2019** | **27,465,248** | **16,650,569** | **14,920,551** | **76,681,356** | **2,082,967** | **32,357,732** | **170,158,423** |
| **Nilai Bawaan Bersih Pada 31 Disember 2019** | **121,778,668** | **11** | **3,361,259** | **9,987,833** | **499,999** | **1,407,458** | **137,035,228** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 4. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Suruhanjaya telah membuat dua (2) Perjanjian Jual Beli yang berasingan dalam memperolehi premis pejabat bagi tahun kewangan 2019 seperti berikut:

(a) Dua (2) unit bangunan pejabat unit D-G-03a dan unit D-G-05 di Miri, Sarawak dengan harga pembelian sebanyak RM3,536,480. Perjanjian Jual Beli ditandatangani pada 14 November 2018.

(b) Dua (2) unit yang mempunyai tiga (3) tingkat bangunan pejabat No. 53 (unit tengah) dan No. 55 (lot tepi), Fashion City 2, MITC, Ayer Keroh, Melaka bertempat di PM 2268, Lot 13472 dan PM 2269, Lot 13473, Mukim Bukit Baru, Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka berjumlah RM2.90 juta. Perjanjian Jual Beli ditandatangani pada 28 April 2019.

### 5. HARTANAH PELABURAN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Kos | 10,500,000 | 10,500,000 |
| Perubahan dalam nilai saksama | (105,000) | (105,000) |
| **Pada 31 Disember** | **10,395,000** | **10,395,000** |

Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan dengan merujuk kepada perbandingan harga pasaran hartanah yang setanding dengan harga pasaranterkini.

Pada akhir tahun 2020, nilai saksama hartanah pelaburan tidak berubah berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 6. PELABURAN JANGKA PANJANG

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Pelaburan pada kos terlunas: | | |
| Sukuk | 130,239,512 | 75,225,548 |
| Sekuriti Hutang | 19,954,321 | 19,940,247 |
| Akaun Amanah Institusi | 112,465,405 | 49,634,171 |
| | **262,659,238** | **144,799,966** |
| | | |
| Pelaburan jangka panjang | 262,659,238 | 144,799,966 |
| Pelaburan matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (Nota 11) | (16,926,565) | (5,000,000) |
| | **245,732,673** | **139,799,966** |

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan dan *Islamic Medium-Term Notes* dengan kadar kupon antara 4.05% hingga 5.25% (2019: 4.05% hingga 5.25%). Tempoh peletakan bagi pelaburan ini adalah sehingga sepuluh (10) tahun.

Suruhanjaya juga telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang diperbadankan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 4.70% hingga 4.80% setahun (2019: 4.70% hingga 4.80% setahun) dengan tempoh matang peletakan selama tiga (3) tahun (2019: tiga (3) tahun).

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 7. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 01 Januari | 74,053,589 | 42,113,741 |
| Tambahan kerja dalam kemajuan | 5,968,641 | 43,205,004 |
| Pindahan ke penyata pendapatan | - | (1,362,168) |
| Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan | - | (9,902,988) |
| **Baki pada 31 Disember** | **80,022,230** | **74,053,589** |

Kerja dalam kemajuan adalah termasuk bangunan Suruhanjaya dan pengubahsuaian, dan projek teknologi maklumat dan komunikasi seperti berikut:

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Bangunan dan pengubahsuaian dalam kemajuan | 71,432,300 | 65,463,659 |
| Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kemajuan | 8,589,930 | 8,589,930 |
| | **80,022,230** | **74,053,589** |
| Kerugian kemerosotan terkumpul (Nota 22) | (8,589,930) | - |
| | **71,432,300** | **74,053,589** |

Projek-projek ini telah diklasifikasikan sebagai kerja dalam kemajuan pada tahun semasa berdasarkan invois yang diterima:

### (a) Pembinaan Bangunan Pejabat Suruhanjaya

Suruhanjaya telah memeterai perjanjian bersama Basco Sdn Bhd (BSB) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan (PSKNP) untuk pembelian sebidang tanah dan membina bangunan lapan (8) tingkat bersama dengan dua (2) tingkat tempat letak kenderaan dan petak aksesori berjumlah RM70.00 juta. Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani pada 21 November 2016.

Pada tahun kewangan 2021, pembinaan bangunan pejabat telah selesai, dan Suruhanjaya menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan pada 01 Mac 2021. Kerja-kerja pengubahsuaian dengan reka bentuk dalaman bangunan yang dianugerahkan pada tahun kewangan 2020 telah bermula selepas itu.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 7. KERJA DALAM KEMAJUAN (sambungan)

### (a) Pembinaan Bangunan Pejabat Suruhanjaya (sambungan)

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM5,968,641 (2019: RM35,602,634) adalah diperolehi daripada kemajuan kerja dalam tahun kewangan semasa.

Kerja dalam kemajuan berjumlah RM Nil (2019: RM7,275,286) dipermodalkan dan diselaraskan dalam tahun kewangan semasa berdasarkan tarikh Suruhanjaya memulakan operasi di bangunan tersebut.

### (b) Pembangunan dan Pemasangan Infrastruktur dan Peralatan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Tambahan kerja dalam kemajuan berjumlah RM Nil (2019: RM7,602,370) diperolehi daripada projek teknologi maklumat dan komunikasi yang sedia ada dan baru ditawarkan adalah masih dalam proses pembangunan pada tahun kewangan semasa.

Kerja dalam kemajuan yang berjumlah RM Nil (2019: RM3,989,870) telah dipermodalkan dan diiktiraf dalam tahun kewangan semasa berdasarkan projek yang telah siap dan sedia untuk kegunaan atau sijil penerimaan yang dikeluarkan dalam tahun semasa.

Pada Mac 2017, Suruhanjaya telah memberikan tender perkhidmatan “Supply, Implementation, Training, Support and Warranty and Maintenance of Enterprise Resource Planning (ERP)” kepada Liberty Resources Technology Sdn Bhd (LRTSB). Projek ini kemudian ditamatkan pada 23 Disember 2019 dan kini sedang melalui proses litigasi.

Di atas faktor-faktor litigasi pada tahun semasa 2020 telah mempengaruhi kedudukan aset, di mana nilai saksama projek tersebut kurang daripada nilai dibawa kos kemajuan projek sebanyak RM8,589,930, oleh itu SSM menjadikan kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

## 8. PEMBIAYAAN PEKERJA

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 51,462,721 | 54,155,498 |
| Perubahan dalam Nilai Semasa | | |
| Pembiayaan perumahan | 1,575,874 | 1,658,814 |
| Pembiayaan kenderaan | (13,164) | (13,857) |
| Pembiayaan komputer | (12,565) | (13,227) |
| Pembiayaan bersih dalam tahun semasa | | |
| Pembiayaan perumahan | (4,334,779) | (4,831,957) |
| Pembiayaan kenderaan | 196,310 | 514,044 |
| Pembiayaan komputer | (55,031) | (6,594) |
| **Baki pada 31 Disember** | **48,819,366** | **51,462,721** |

Pembiayaan pekerja merangkumi pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer secara Islamik kepada pekerja Suruhanjaya.

Pembiayaan kenderaan bermotor dan komputer mempunyai tempoh bayaran balik maksima masing-masing selama sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun (2019: sembilan (9) tahun dan empat (4) tahun) dengan kadar keuntungan pembiayaan sebanyak 5.00% dan 9.40% setahun (2019: 5.00% dan 9.40% setahun). Pembiayaan perumahan mempunyai tempoh bayaran balik maksima tiga puluh (30) tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 4.50% setahun (2019: 4.50%) setahun).

## 9. PENGHUTANG PERDAGANGAN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Penghutang perdagangan | 6,540,782 | 12,368,777 |

Penghutang perdagangan terdiri daripada fi perkhidmatan belum terima, termasuk fi perkhidmatan pembekalan maklumat korporat dan pembaharuan pendaftaran perniagaan yang dibekalkan oleh ejen dan penyedia perkhidmatan SSM yang dilantik, perkhidmatan atas talian dan fi daripada Program Latihan Korporat.

Tempoh kredit yang diberikan kepada penghutang perdagangan adalah tiga puluh (30) hari dari tarikh invois dikeluarkan atau seperti yang dinyatakan dalam perjanjian dengan ejen yang dilantik.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 10. PENGHUTANG LAIN, DEPOSIT DAN PRA BAYAR

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Faedah dan dividen belum terima | 8,497,802 | 11,528,759 |
| Deposit dan pra bayar | 2,278,849 | 2,775,594 |
| Pendahuluan pekerja | 23,960 | 133,180 |
| Lain-lain terimaan | 2,680,063 | 2,248,329 |
| Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang boleh dituntut dan aset cukai | 11,763,187 | 12,486,066 |
| Pembiayaan pekerja tertunda | 8,570,178 | 10,120,323 |
| | **33,814,039** | **39,292,251** |

Cukai Barang dan Perkhidmatan yang boleh dituntut adalah jumlah cukai input melebihi jumlah cukai output, manakala aset cukai berjumlah RM9.57 juta (2019: RM9.46 juta) adalah jumlah yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui CP204 untuk anggaran cukai yang perlu dibayar oleh Suruhanjaya untuk tahun taksiran.

### 11. PELABURAN JANGKA PENDEK

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Diukur pada kos dilunaskan: | | |
| Deposit Komoditi Murabahah | 635,000,000 | 685,000,000 |
| Institutional Trust Account | 40,157,568 | - |
| Pelaburan jangka panjang yang matang dalam tempoh dua belas (12) bulan (Nota 6) | 16,926,565 | 5,000,000 |
| Pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang peletakan sehingga tiga (3) bulan (Nota 13) | (70,000,000) | (70,000,000) |
| | **622,084,133** | **620,000,000** |

Suruhanjaya telah membeli Deposit Komoditi Murabahah melalui beberapa institusi kewangan berlesen. Keuntungan efektif boleh terima oleh Suruhanjaya untuk sekuriti ini adalah pada kadar antara 3.10% hingga 4.45% setahun (2019: 3.10% hingga 4.45% setahun) dengan tempoh matang peletakan sehingga lima belas (15) bulan (2019: lima belas (15) bulan).

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 11. PELABURAN JANGKA PENDEK (sambungan)

Pada tahun semasa, Suruhanjaya meletakkan dana ke dalam Akaun Amanah Institusi yang dikendalikan oleh Amanah Raya Berhad, untuk jangka masa pendek. Kadar keuntungan kasar yang diterima oleh Suruhanjaya adalah 2.60% hingga 3.50% setahun dan tempoh penempatan adalah sehingga dua belas (12) bulan.

### 12. INVENTORI

| | **2020**<br>**RM** | **2019**<br>**RM** |
|---|---:|---:|
| Inventori | 277,820 | 277,820 |

Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 24 Mac 2010 telah memberikan kelulusan di bawah seksyen 82 Akta Setem 1949 kepada Suruhanjaya untuk menjual setem hasil untuk dilekatkan atas *Memorandum and Article of Association* syarikat-syarikat yang diperbadankan. Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

### 13. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | **2020**<br>**RM** | **2019**<br>**RM** |
|---|---:|---:|
| Baki tunai dan bank: | | |
| Tunai di tangan dan apungan | 404,600 | 404,600 |
| Baki bank | 50,760,471 | 52,903,785 |
| Peletakan deposit dengan: | | |
| Bank tempatan berlesen dan institusi kewangan (Nota 11) | 70,000,000 | 70,000,000 |
| | **121,165,071** | **123,308,385** |

Tempoh untuk Deposit Komoditi Murabahah dengan bank tempatan dan institusi kewangan berlesen di bawah tunai dan kesetaraan tunai ini mempunyai jangka masa pendek dengan tempoh matang peletakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemerolehan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 14. DANA PEMBIAYAAN PEKERJA

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Dana pembiayaan perumahan | 80,000,000 | 80,000,000 |
| Dana pembiayaan kenderaan | 10,000,000 | 10,000,000 |
| Dana pembiayaan komputer | 1,000,000 | 1,000,000 |
| | **91,000,000** | **91,000,000** |

Dana pembiayaan sebanyak RM80.00 juta, RM10.00 juta dan RM1.00 juta untuk dana pembiayaan perumahan, kenderaan bermotor dan komputer masing–masing adalah untuk pekerja Suruhanjaya.

## 15. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari: | 30,777,935 | 28,675,614 |
| Pewujudan obligasi pada tahun semasa (Nota 20): | | |
| Pelan manfaat tetap | 2,265,561 | 2,304,392 |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat | 316,870 | 296,667 |
| Perubahan dalam nilai Saksama (Nota 20): | | |
| Pelan manfaat tetap | 4,165,449 | 2,366,973 |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat | (79,632) | 154,630 |
| Pembayaran dibuat dalam tahun semasa: | | |
| Pelan manfaat ditentukan | (2,399,315) | (2,777,755) |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat SSSSM | (145,383) | (190,710) |
| Ganjaran wang tunai gantian cuti rehat GPS | (33,234) | (51,876) |
| **Baki pada 31 Disember** | **34,868,251** | **30,777,935** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 15. PERUNTUKAN FAEDAH PEKERJA (sambungan)

Struktur kematangan peruntukan faedah pekerja pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Peruntukan faedah pekerja | 34,868,251 | 30,777,935 |
| **Liabiliti Semasa** | | |
| Dalam tempoh satu (1) tahun (Nota 17) | (2,761,474) | (2,183,435) |
| | **32,106,777** | **28,594,500** |

Dalam tahun 2012, opsyen persaraan sehingga umur enam puluh (60) tahun telah ditawarkan kepada semua pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan selaras dengan opsyen Kerajaan untuk menaikkan umur persaraan kepada enam puluh (60) tahun.

Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan pemberian ganjaran wang tunai gantian cuti rehat dan pelan manfaat ditentukan SSM yang dinamakan sebagai Saguhati Tamat Perkhidmatan kepada pekerja Suruhanjaya yang tamat perkhidmatan berkuatkuasa daripada 01 Januari 2016.

Suruhanjaya menggunakan kaedah yang telah dipermudahkan untuk mengukur obligasi dan kos di bawah pelan manfaat yang ditetapkan untuk mengiktiraf sumbangan sebagai liabiliti. Permudahan pengukuran pelan manfaat tetap berkenaan dengan pekerja sedia ada adalah seperti berikut:

(i) Tidak mengambil kira kenaikan gaji masa hadapan, semakan gaji iaitu mengandaikan gaji semasa berterusan sehingga pekerja sedia ada dijangka akan mula menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan;

(ii) Tidak mengambil kira perkhidmatan masa hadapan pekerja semasa iaitu mengandaikan penutupan pelan untuk pekerja sedia ada dan pekerja baru; dan

(iii) Tidak mengambil kira kemungkinan kematian dalam perkhidmatan bagi pekerja sedia ada, antara tarikh pelaporan dan tarikh mula menerima manfaat iaitu mengandaikan semua pekerja sedia ada akan menerima manfaat selepas tamat perkhidmatan.

Asas aktuari andaian perakaunan yang digunakan dalam pengukuran adalah seperti berikut:

| | 2020 | 2019 |
|---|---|---|
| Kadar diskaun | 3.45%-4.66% | 3.45%-4.66% |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 16. KUMPULAN WANG DISATUKAN PERSEKUTUAN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 48,895,173 | 52,571,766 |
| Peruntukan belum bayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 46,821,768 | 48,895,173 |
| Bayaran Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | (48,895,173) | (52,571,766) |
| **Baki pada 31 Disember** | **46,821,768** | **48,895,173** |

Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) memperuntukan bahawa Suruhanjaya membayar tiga puluh peratus (30.00%) dari lebihan tahunan semasa kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### 17. PEMIUTANG LAIN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan belum bayar dan terakru | 16,802,896 | 22,274,948 |
| Perbelanjaan statutori belum bayar | 24,921,218 | 24,944,604 |
| Lejer amanah | 6,747,652 | 5,712,451 |
| Lain-lain pemiutang | 6,184,609 | 5,772,227 |
| Peruntukan faedah pekerja (Nota 15) | 2,761,474 | 2,183,435 |
| | **57,417,849** | **60,887,665** |

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang lain adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

### 18. PEMIUTANG PROJEK

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Pemiutang projek | 2,217,590 | 4,784,240 |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 18. PEMIUTANG PROJEK (sambungan)

Pemiutang projek adalah kos yang ditanggung untuk projek teknologi maklumat dan komunikasi yang tertunggak pada akhir tahun.

Tempoh kredit yang diterima untuk pemiutang projek adalah antara tiga puluh (30) hingga enam puluh (60) hari daripada tarikh invois diterima.

### 19. PENDAPATAN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Pendapatan daripada aktiviti operasi: | | |
| Pendapatan perkhidmatan | 279,459,221 | 282,648,232 |
| Kompaun | 34,487,551 | 60,409,060 |
| Pembekalan maklumat korporat | 66,252,684 | 57,988,152 |
| Program latihan korporat | 2,504,550 | 4,179,392 |
| Pendapatan lain: | | |
| Faedah dan dividen | 31,503,614 | 35,334,918 |
| Lain-lain pendapatan | 6,028,642 | 7,513,262 |
| | **420,236,262** | **448,073,016** |

### 20. KOS PEKERJA

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Gaji | 70,084,219 | 68,149,801 |
| Elaun tetap | 14,166,889 | 14,240,045 |
| Sumbangan berkanun | 19,538,777 | 19,299,428 |
| Elaun lebih masa | 391,144 | 727,066 |
| Bonus dan faedah pekerja | 39,137,103 | 33,776,989 |
| Faedah perubatan | 11,795,352 | 10,797,554 |
| Elaun Anggota | 1,432,861 | 1,623,310 |
| Subsidi pekerja atas pinjaman Kerajaan dan pembiayaan luar | 1,826,303 | 2,003,949 |
| | **158,372,648** | **150,618,142** |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 20. KOS PEKERJA (sambungan)

Bilangan pekerja Suruhanjaya sehingga 31 Disember 2020 adalah seramai 1,321 termasuk 79 orang pekerja sambilan (2019: 1,310 termasuk 98 orang pekerja sambilan).

Pada akhir tahun 2015 Suruhanjaya telah bersetuju dan meluluskan penyumberan luar pembiayaan perumahan pekerja Suruhanjaya Syarikat Malaysia kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) berkuatkuasa daripada 01 Januari 2016.

BKRM menawarkan Pakej Pembiayaan - i kepada pekerja SSM dengan kadar keuntungan 4.67% setahun berdasarkan formula yang telah dipersetujui iaitu kadar asas semasa ditambah dengan 0.80%. Pekerja SSM akan membayar semula pada kadar keuntungan 2.00% dan SSM akan memberi subsidi baki peratusan kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank. Kadar asas semasa bagi tahun kewangan semasa adalah 4.10% setahun (2019: 4.10% setahun).

## 21. KOS PENTADBIRAN

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Perjalanan dan penginapan | 1,783,270 | 5,456,210 |
| Komunikasi dan utiliti | 7,625,789 | 8,731,501 |
| Sewa | 27,385,623 | 29,808,531 |
| Percetakan, alat-tulis dan pengiklanan | 3,284,841 | 6,509,839 |
| Penyelenggaraan peralatan | 30,873,945 | 39,136,457 |
| Penyelenggaraan dan kawalan pejabat | 3,220,863 | 3,395,318 |
| Fi professional | 2,235,408 | 4,970,372 |
| Keraian dan hospitaliti | 5,369,679 | 19,251,381 |
| Lain-lain kos pentadbiran | 4,877,576 | 5,235,654 |
| | **86,656,994** | **122,495,263** |

Suruhanjaya telah meluluskan geran berjumlah sehingga RM10.00 juta di bawah Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan (1P1P) dalam tahun 2016 untuk menggalakkan pelajar daripada pusat pengajian tinggi yang berminat untuk menjalankan perniagaan untuk mendaftar dengan Suruhanjaya. Geran ini hendaklah digunakan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun berkuatkuasa daripada 01 Januari 2017.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 21. KOS PENTADBIRAN (sambungan)

Dalam tahun kewangan 2020, Suruhanjaya bersetuju dengan penjenamaan semula 1P1P kepada Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) dan pelaksanaannya untuk membantu usahawan Kumpulan B40 dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan mengecualikan yuran pendaftaran dan perniagaan maklumat yang ingin mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan1956.

Pemberian SPPP adalah tambahan kepada peruntukan geran SSM Perihatin sebanyak RM5.00 juta yang digabungkan dengan baki peruntukan geran 1P1P sehingga habis.

Jumlah tersebut direkodkan sebagai kos keraian dan hospitaliti:

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 6,470,000 | 7,713,903 |
| Peruntukan geran SPPP tahun semasa | 5,000,000 | - |
| Pendaftaran perniagaan di bawah 1P1P | (496,580) | (1,243,903) |
| **Baki pada 31 Disember** | **10,973,420** | **6,470,000** |

### 22. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Lebihan sebelum cukai dan zakat bagi tahun semasa diperolehi setelah mengambil kira:- | | |
| Faedah dan dividen | 31,503,614 | 35,334,918 |
| Pendapatan pelbagai | 2,367,548 | 2,497,941 |
| Sewa hartanah | 2,110,470 | 1,794,646 |
| Nilai saksama faedah dari pembiayaan pekerja | 1,550,145 | 1,631,731 |
| Keuntungan pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | 479 | 1,073,142 |
| Pembalikan penurunan nilai ke atas pelaburan | - | 515,802 |

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

## 22. LEBIHAN SEBELUM CUKAI (sambungan)

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| dan kenaan:- | | |
| Ganjaran juruaudit | 77,200 | 77,200 |
| Susutnilai (Nota 4) | 10,506,169 | 11,946,111 |
| Pelunasan dan penurunan nilai ke atas pelaburan | 37,962 | 29,591 |
| Kerugian rosotnilai ke atas kerja dalam kemajuan (Nota 7) | 8,589,930 | - |

## 23. CUKAI DAN ZAKAT

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada 01 Januari | 25,900,000 | 21,600,000 |
| Peruntukan tahun semasa: | | |
| Cukai | 8,372,000 | 9,500,000 |
| Cukai (terlebih) / terkurang peruntukan bagi tahun terdahulu | (400,000) | 387,616 |
| Zakat | 14,800,000 | 16,000,000 |
| | **22,772,000** | **25,887,616** |
| Bayaran dalam tahun semasa dan pelarasan ke atas pembayaran CP204: | | |
| Cukai | (8,911,095) | (8,387,616) |
| Zakat | (16,000,000) | (13,200,000) |
| | **(24,911,095)** | **(21,587,616)** |
| **Baki pada 31 Disember** | **23,760,905** | **25,900,000** |

Kementerian Kewangan telah memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas semua pendapatan statutori Suruhanjaya untuk tempoh sepuluh (10) tahun mulai tahun taksiran 2002 hingga tahun taksiran 2011 serta telah memberi lanjutan tempoh pengecualian cukai untuk tempoh lima (5) tahun daripada tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016. Bermula pada tahun taksiran 2017, peruntukan cukai korporat dibuat menurut 'Warta Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.22) Order 2006 [P.U. (A) No. 207/2006]'.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 23. CUKAI DAN ZAKAT (sambungan)

Di dalam pengiraan peruntukan zakat, Suruhanjaya menggunapakai kaedah Modal Kerja (Syar'iyyah), iaitu mengambil kira kedudukan harta semasa ditolak dengan tanggungan semasa dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira.

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **Lebihan sebelum cukai** | **109,250,791** | **114,088,736** |
| Cukai pada kadar yang dikenakan: | | |
| Pendapatan dikecualikan cukai | (382,722,006) | (405,224,836) |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan | 310,886,768 | 333,889,854 |
| Zakat | (2,550,221) | (3,170,421) |

Perbelanjaan cukai diselaraskan kepada keuntungan pada kadar cukai dua puluh empat peratus (24%) (2019: 24%) seperti berikut:

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| **Lebihan sebelum cukai** | **26,220,190** | **27,381,297** |
| Cukai pada kadar yang dikenakan: | | |
| Pendapatan dikecualikan cukai | (91,848,961) | (97,253,961) |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan | 74,612,824 | 80,133,565 |
| Zakat | (612,053) | (760,901) |
| **Perbelanjaan cukai** | **8,372,000** | **9,500,000** |

### 24. KOMITMEN MODAL

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Komitmen perbelanjaan modal: | | |
| Diluluskan dan berkontrak | 17,363,100 | 14, 342,211 |

Termasuk dalam komitmen modal bagi tahun kewangan 2019 adalah jumlah untuk projek ERP berjumlah RM6.39 juta.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 25. PENDEDAHAN LAIN

Suruhanjaya telah menandatangani perjanjian penyumberan luar dengan Formis Network Services Sdn Bhd (FNS) untuk pembekalan, pelaksanaan, latihan, sokongan, dan penyelenggaraan Penyelesaian Pendaftaran Teras SSM. Perjanjian ini berkuat kuasa pada 17 Mac 2017.

Projek ini kemudian ditamatkan pada 05 Ogos 2019 dan kini dalam proses litigasi.

## 26. TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) Seorang Pengerusi;
(b) Ketua Pegawai Eksekutif;
(c) Tidak lebih daripada tiga (3) orang daripada perkhidmatan awam; dan
(d) Tidak lebih daripada empat (4) orang yang merupakan orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] atau orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman.

Pampasan pengurusan utama:

| | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|---|---|---|
| Anggota Suruhanjaya | 1,432,861 | 1,623,310 |
| Kakitangan pengurusan utama | 931,905 | 1,240,530 |
| | **2,364,766** | **2,863,840** |

## 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Program pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya menumpu kepada ramalan pasaran kewangan dan cubaan untuk meminimumkan potensi kesan yang berlawanan ke atas prestasi kewangan Suruhanjaya. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insuran dan pegangan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya. Suruhanjaya sentiasa mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi perbendaharaan yang merangkumi pengurusan risiko berkenaan.

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Suruhanjaya adalah risiko kecairan, risiko aliran tunai, risiko kadar keuntungan dan faedah serta risiko nilai saksama.

(a) Risiko Kecairan

Suruhanjaya mengurangkan risiko kecairannya dengan mengekalkan sebahagian daripada pelaburannya dalam aset cair berbentuk deposit dengan institusi kewangan bagi memenuhi komitmen kewangan jangka pendek.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

## 27. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(b) Risiko Aliran Tunai

Suruhanjaya sentiasa mengkaji kedudukan aliran tunainya untuk pengurusan pendedahan turun naik aliran tunai masa hadapan.

(c) Risiko Kadar Keuntungan dan Faedah

Suruhanjaya mempunyai tunai, baki di bank dan peletakan deposit dengan bank dan institusi kewangan berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. Suruhanjaya mengurus risiko kadar keuntungan dan faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan mengikut terma kematangan, keuntungan dan kadar keuntungan dan faedah yang berbeza-beza.

(d) Nilai Saksama

Berhubung dengan tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan jangka pendek, penghutang perdagangan dan penghutang lain, sumbangan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan, pemiutang lain dan pemiutang projek, nilai bawaan adalah lebih kurang nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh matang yang pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan ini.

## 28. KESAN COVID-19 KE ATAS SURUHANJAYA

COVID-19 telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020 memandangkan wabak itu berlaku di negara-negara di seluruh dunia. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan pada 18 Mac 2020 telah memberi kesan signifikan kepada masyarakat, aktiviti, ekonomi dan operasi perniagaan.

Kesan signifikan ke atas operasi SSM dalam tahun 2020 adalah melaksanakan tempoh moratorium ke atas beberapa peruntukan akta-akta di bawah seliaan SSM, termasuk melanjutkan masa serahsimpan dokumen-dokumen berkanun SSM, melanjutkan masa untuk syarikat untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan untuk pembentangan Penyata Kewangan, memberikan kadar pengurangan kompaun maksima, pengecualian kompaun, pembatalan dan penangguhan latihan korporat secara fizikal termasuk persidangan tahunan SSM di peringkat kebangsaan. Kesannya adalah berlaku pengurangan pendapatan SSM dalam tahun semasa.

Keterbatasan aktiviti dan pergerakan serta keperluan penjarakan fizikal dan kemudahan Bekerja Dari Rumah antara lain menyumbang kepada kesan signifikan ke atas operasi SSM yang memerlukan pembatalan aktiviti-aktiviti fizikal yang dirancang termasuk pelbagai mesyuarat diperingkat Anggota Suruhanjaya, pengurusan SSM dan lain-lain bersama-sama dengan pihak berkepentingan yang lain. Kesannya adalah berlaku pengurangan kos operasi dan pentadbiran yang ketara dalam tahun semasa.

Walaupun dengan keterbatasan kemudahan yang Bekerja Dari Rumah dimana selaras dengan pendekatan norma baharu, SSM melalui manfaat dari transformasi digitalnya yang berterusan, masih mampu menyokong kerjasama strategiknya dengan pihak berkepentingan. SSM masih dapat melayani masyarakat dengan gangguan minimum melalui pelbagai saluran dalam talian termasuk menjalankan webinar Latihan Korporat melalui platform dalam talian.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

**(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)**

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

### 28. KESAN COVID-19 KE ATAS SURUHANJAYA (sambungan)

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2021, melihat kedudukan ekonomi Malaysia dalam tahun 2021 yang akan terus dipacu oleh asas ekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi yang baik tertakluk kepada kejayaan mengekang pandemik COVID-19 dan pemulihan berterusan dalam permintaan luar, SSM mensasarkan pendapatan tahun 2021 adalah meningkat dalam serahsimpan dokumen berkanun syarikat berikutan penamatan tempoh moratorium tiga puluh (30) hari dari tarikh terakhir serahsimpan dokumen berkanun SSM, serta lanjutan masa bagi syarikat untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan untuk pembentangan Penyata Kewangan. Peningkatan sasaran kutipan kompaun yang minima susulan daripada pemberian beberapa inisiatif yang melibatkan kutipan kompaun di dalam tahun 2020 bagi membantu komuniti korporat dan perniagaan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Suruhanjaya juga bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan semua peniaga yang hendak memohon lesen perniagaan mestilah berdaftar dengan SSM di samping pengenalan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan inisiatif- inisiatif yang boleh menyumbang kepada peningkatan pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan pendaftaran perniagaan.

Pada tarikh penyata kewangan diluluskan, pengurusan SSM telah melakukan penilaian dan mempertimbangkan dengan teliti kesan COVID-19 terhadap operasi dan kedudukan kewangan Suruhanjaya dan akan terus memantau perkembangan yang melibatkan COVID- 19.

### 29. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan yang beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bertarikh 18 November 2021.

# DIREKTORI SSM

## IBU PEJABAT

### MENARA SSM@SENTRAL

No. 7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

**Pusat Panggilan SSM**
Tel: 03-77214000
Faks: 03-77214001

**Talian Umum SSM**
Tel: 03-22994400
Faks: 03-22994411
E-mel: enquiry@ssm.com.my

## PEJABAT NEGERI

### SELANGOR

Hairul Anuar bin Yasin
Blok 9, 10 & 11, Kompleks KPPMS
Lot 291, Jalan RU 3/9A, Seksyen 3
40000 Shah Alam, Selangor

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 03-55116500 / 55135997
Faks: 03-55104200
E-mel: hairul@ssm.com.my

### JOHOR

Azrin bin Mohd Ripin
Podium 4B & 5, Menara Ansar
65 Jalan Trus
80000 Johor Bahru, Johor

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 07-2244710
Faks: 07-2241714 / 2248169
E-mel: azrin@ssm.com.my

### PULAU PINANG

Sazuree bin Shuib
Tingkat 6 - 7, Bangunan KWSP
No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Pulau Pinang

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 04-3977793
Faks: 04-3977713
E-mel: sazurees@ssm.com.my

### MELAKA

Mohd Zainuddin bin Salleh
No. 53 & 55, Jalan Komersial
Taman Kota Fesyen MITC
75450 Ayer Keroh, Melaka

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 06-2311717
Faks: 06-2313502
E-mail: znudin@ssm.com.my

### NEGERI SEMBILAN

Thanak a/l Prak Hin
Aras 3, Wisma PERKESO
Lot 3757 & 52, Jalan Sungai Ujong
70000 Seremban, Negeri Sembilan

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 06-7619098 / 7615506 / 7641885 / 7645598
Faks: 06-7655877
E-mel: thanak@ssm.com.my

### PAHANG

Kamarudin bin Mohd Daud
2 & B4, Aras Bawah Suria Atabara
Jalan IM 7/2
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, Pahang

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 09-5729743 / 5730866 / 5730400 / 5730969
Faks: 09-573 2316
E-mel: din_md@ssm.com.my

### TERENGGANU

Ab Razak bin Isa
Tingkat 6, Menara Yayasan Islam
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu, Terengganu

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)

Tel: 09-6237170 / 6240721
Faks: 09-6230945
E-mel: abrazak@ssm.com.my

### KELANTAN

Mohd Zamri bin Hassan
Tingkat 2 & 3 Kota Sri Mutiara
Jalan Sultan Yahya Petra
15150 Kota Bharu, Kelantan

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 09-7482860 / 7484599
Faks: 09-7447622 / 7472607
E-mel: mzamri@ssm.com.my

### PERAK

Mohd Arif Hamzah
Jalan Basco Kepayang 1
Basco Avenue @ Kepayang
31400 Ipoh, Perak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 05-2416900 / 2547913 / 2533071
Faks: 05-2557162
E-mel: arifh@ssm.com.my

### KEDAH

Ismanani binti Khazali
Tingkat 1 & 2, Wisma PERKESO
No. 186 Jalan Teluk Wan Jah
05538 Alor Setar, Kedah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 04-7330111
Faks: 04-7315517
E-mel: ismanani@ssm.com.my

### SABAH

Mohd Yasin @ Jafri Abd Malik
Tingkat 4, Menara MAA
6 Lorong Api-Api
Locked Bag 2039
88999 Kota Kinabalu, Sabah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 088-233551 / 233346
Faks: 088-237884
E-mel: yasin@ssm.com.my

### SARAWAK

Ramle bin Leen
Lot 11115, Section 64
Kuching Town Land District
Jalan Pending, City Square Phase 1
93450 Kuching, Sarawak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 082-266111 / 266112 / 266113 / 266114
Faks: 082-266115
E-mel: lramle@ssm.com.my

# PEJABAT CAWANGAN

## PERLIS

Ahmad Nizam bin Samsoo
Urban Transformation Centre (UTC) Perlis
No. 1 Aras 1, Blok B
Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis
Mukim Sena 01000 Kangar, Perlis

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 04-9705471 / 9705472
Faks: 04-9705473
E-mel: nizam@ssm.com.my

## WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sukarno bin Mat Husain
No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6
Block 4, Kompleks Ujana Kewangan
Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 087-414100
Faks: 087-414152
E-mel: sukarno@ssm.com.my

## MUAR

Mohd Azlan bin Abdul Majid
No. 1, Jalan Perdagangan
Off Bulatan Jalan Bakri
84000 Muar, Johor

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi – 3.45 petang (Khamis)

Tel: 06-9546611 / 9547711
Faks: 06-9546600
E-mel: mohdazlan@ssm.com.my

## TEMERLOH

Adnan bin Hj Omar
No. 96 & 98
Jalan Persiaran Damai 1, Damai Court
28000 Temerloh, Pahang

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 09-2962419 / 2966238
E-mel: adnan@ssm.com.my

## TAWAU

Muhammad Nasrizal bin Saidin
TB 4444, GF & 1st floor
Blok F, Sabindo Square
Jalan Dunlop, 91018 Tawau, Sabah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 089-750585 / 752585
Faks: 089-754585
E-mel: nasrizal@ssm.com.my

## MIRI

Misiah binti Ramli
D-G-03A & D-G-05
Miri Times Square
Marina ParkCity, 98000 Miri, Sarawak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 085-324400 / 325334
Faks: 085-324545
E-mel: misiah@ssm.com.my

## SIBU

Dayang Doliana binti Abang Abdullah
No. 3 & 5, Tingkat 1
Jalan Lau King Howe
Lot 776 & 777 Block 5
Sibu Town District, 96000 Sibu, Sarawak

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Jumaat)

Tel: 084-250145
Faks: 084-250147
E-mel: doliana@ssm.com.my

## PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

### PUSAT TRANSFORMASI BANDAR KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Ruang Legar, Tingkat Bawah
Bangunan UTC Kuala Lumpur
Jalan Pudu (Pudu Sentral), 55100 Kuala Lumpur

**Perkhidmatan Kaunter**
8.00 pagi - 4.00 petang (Isnin - Sabtu)

Tel: 03-20262041 / 20262042
Faks: 03-20262036

## PUSAT PERKHIDMATAN

### LANGKAWI

Pusat Perkhidmatan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia Langkawi
No. 56, Tingkat 1,
Kompleks Pekan Rabu
07000 Langkawi, Kedah

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.00 petang (Ahad - Rabu)
8.15 pagi - 3.45 petang (Khamis)

Tel: 04-9667943
Faks: 04-9665318
E-mel: nurulaini@ssm.com.my

## PUSAT PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

### PUTRAJAYA

Kaunter Pendaftaran Perniagaan (SSM)
Aras G, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)
No. 13, Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Putrajaya

**Perkhidmatan Kaunter**
8.15 pagi - 4.15 petang (Isnin - Jumaat)

**Pusat Panggilan SSM**
Tel: 03-77214000
Faks: 03-77214001

**Talian Umum SSM**
Tel: 03-22994400
Faks: 03-22994411
E-mel: enquiry@ssm.com.my


SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )
LAPORAN TAHUNAN
2020
MENARA SSM @ SENTRAL
Bersama
Mengharungi
Cabaran

